

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 17

Rabu

5 Mei 1999

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA

- Cuti Kepada Ahli

(Ruangan)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA
KE DALAM MESYUARAT.**

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(1998 dan 1999) 1999.

Jawatankuasa:

Jadual Pertama:

Maksud B.29, B.30 dan B.32

(Ruangan)

Maksud B.40

(Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.3)1998.

Jawatankuasa:

Maksud P.28

(Ruangan)

Maksud P.37

(Ruangan)

Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.1)1999.

Jawatankuasa:

Maksud P.28 dan P.53

(Ruangan)

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(1998 dan 1999) 1999.

(Ruangan)

Jawatankuasa:

Jadual Pertama:

Maksud B.51

(Ruangan)

Jadual Kedua:

Maksud B.49

(Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.3)1998.

Jawatankuasa:

Maksud P.44

(Ruangan)

Maksud P.47

(Ruangan)

Maksud P.51

(Ruangan)

Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.1)1999.

Jawatankuasa:

Maksud P.47

(Ruangan)

Maksud P.49

(Ruangan)

Maksud P.51

(Ruangan)

Rang Undang-undang Bank Pertanian Malaysia
(Pindaan) 1998.

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

- “ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)

- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato’ Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Haji Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)

- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)

- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)

- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
: Hajah Supiah binti Dewak
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
- : Mohamed bin Osman
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani
: Shamsina binti Janor
- : Nora'ini binti Hetam
: Ramlah binti Mohd. Yusuff
: Miskiah binti Hassan
: Rosnani binti Ahmad
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

- Bentara Mesyuarat: : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT**Rabu, 5 Mei 1999****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat): *mempengerusikan Mesyuarat*]

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**CUTI KEPADA AHLI**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25 April 1961 saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Anwar bin Ibrahim, Ahli Parlimen bagi kawasan Permatang Pauh dari 5 Mei hingga 10 Mei 1999.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah faktor yang diambil kira dalam semakan semula skim gaji kakitangan kerajaan yang dicadangkan oleh kerajaan baru-baru ini dan apakah manfaat yang dicadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum lagi mencadangkan apa-apa dasar untuk menyemak semula skim gaji kakitangan kerajaan.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Tuan Yang di-Pertua, dalam soal skim gaji kakitangan selain daripada soal gaji pokok ada juga 'perks' dan sebagainya. Walaupun mungkin kerajaan tidak ada niat untuk menaikkan gaji buat ketika ini tetapi kita sedar bagi sesetengah tempat di bandar-bandar besar di mana kos hidupnya tinggi kakitangan menghadapi banyak masalah. Jadi dalam soal itu adakah kerajaan

bercadang walaupun mungkin gaji tidak naik tetapi bagi menyumbang mengatasi masalah yang dihadapi oleh kakitangan kerajaan di bandar-bandar seperti Johor Bahru, Pulau Pinang dan Kuala Lumpur kerajaan menyediakan rumah-rumah seperti yang diura-urakan untuk kakitangan kerajaan seperti guru dan sebagainya dan bila skim yang sedemikian boleh dimulakan?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang dari masa ke semasa memberi pertimbangan dan membuat penilaian di atas pendapatan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan.

Berkaitan dengan 'perks', Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya telah menemui dengan Presiden CUEPACS dan Presiden CUEPACS sendiri pun telah menyuarakan beberapa perkara yang perlu diberi pertimbangan oleh kerajaan dan saya telah menggalakkan mereka untuk menyediakan satu memorandum yang boleh disampaikan kepada kerajaan untuk kerajaan mengkaji perks yang diperlukan.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha untuk mempertingkatkan produktiviti di sektor awam kerajaan memperkenalkan Skim Saraan Baru (SSB). Ini bermakna kenaikan pangkat dan juga gaji seseorang kakitangan banyak bergantung kepada prestasi masing-masing. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sejauh manakah skim ini berjaya mencapai matlamat meningkatkan produktiviti dan apakah masalah-masalah yang menghalang pencapaian matlamat tersebut?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, biasanya dalam skim SSB ini yang menjadi permasalahan yang selalu diutarakan oleh pihak pentadbiran adalah dengan izin, the human factor di dalam menilai satu-satu kecekapan ataupun kemampuan seseorang pentadbir. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti mengadakan beberapa tingkat penilaian, multi-tier evaluation, dengan izin, terdiri beberapa jawatankuasa dan tidak meletakkan secara mutlak penilaian itu kepada satu-satu individu semata-mata.

Pada keseluruhannya kerajaan berpuas hati dengan sistem ini walaupun kita merasakan ianya telah berjaya mempertingkatkan kecekapan kerajaan, berjaya

memberi insentif kepada pegawai-pegawai yang rajin dan efisien kerajaan masih merasakan ada lagi ruang yang boleh diperbaiki dan akan terus memperbaiki perkhidmatan kerajaan.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan (Baram) tidak hadir]

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut) tidak hadir]

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar) tidak hadir]

[Soalan No. 5 – Y.B. Tuan Lim Hock Seng (Bagan) tidak hadir]

6. **Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussein [Sepang]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan kerajaan terhadap usaha kerajaan Amerika Syarikat yang merancang untuk memberi subsidi kepada harga minyak kacang soya dalam masa terdekat yang sudah pasti akan menjejaskan pendapatan negara dari hasil pendapatan kelapa sawit di pasaran antarabangsa.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, dasar pertanian kerajaan Amerika Syarikat untuk menyokong pendapatan penanaman kacang soya melalui harga jaminan dan lain-lain program bantuan pertanian bukanlah satu polisi baru, malahan telah lama diamalkan di negara tersebut. Buat masa ini harga jaminan kacang soya yang ditetapkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat adalah lebih tinggi daripada harga pasaran. Perkembangan tersebut memang merupakan cabaran kepada minyak sawit Malaysia untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Tindakan Kerajaan Malaysia terhadap langkah Kerajaan Amerika Syarikat itu adalah dengan meningkatkan lagi promosi menggalakkan eksport minyak sawit iaitu bagi mengukuhkan penguasaan minyak sawit di pasaran tradisional seperti India, Pakistan dan China serta menerokai pasaran baru di negara-negara Afrika, Eropah Timur dan Asia Tengah. Langkah-langkah promosi ini dilaksanakan melalui misi-misi perdagangan, lawatan pakar-pakar khidmat nasihat teknikal, seminar dan program-program familiarisasi minyak sawit. Melalui langkah-langkah tersebut ciri-ciri keistimewaan dan kelebihan minyak sawit berbanding minyak-minyak lain dari segi

ekonomi dan khasiat kesihatan disampaikan kepada pemimpin-pemimpin tinggi kerajaan, pihak industri dan juga masyarakat umum di negara-negara pengguna. Kesedaran pengguna mengenai keistimewaan minyak sawit akan mengukuhkan permintaan dan kedudukan minyak sawit di pasaran.

Malaysia juga menyokong perundingan-perundingan WTO dan perjanjian-perjanjian yang bermatlamat untuk mengurangkan subsidi pertanian serta dasar dan amalan perdagangan yang bercanggah dengan prinsip dan peraturan bebas. Dalam hal ini Malaysia berhak membuat bantahan kepada Amerika Syarikat sekiranya kepentingan perdagangan minyak sawit kita terjejas. Selain dari itu, usaha menjaga kepentingan minyak sawit dibuat dengan menempatkan Ketua Pengarah PORIM bagi menganggotai Jawatankuasa National Institute On Oilseeds Products Amerika Syarikat. Institusi berkenaan merupakan organisasi yang berpengaruh dalam industri minyak sayuran di negara itu.

Dato' Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, Amerika Syarikat sentiasa menegaskan tentang keadilan, reformasi, globalisasi dan sebagainya. Jadi, dengan tindakan yang akan dibuat oleh Kerajaan Amerika Syarikat saya ingin menyatakan Amerika Syarikat adalah double standard. Dalam hubungan ini saya ingin meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan pandangan Yang Berhormat.

Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein: Sememangnya negara-negara yang telah membangun walau begitu maju sentiasa melaung-laungkan liberalisasi, globalisasi dan reformasi, pada masa yang sama mengamalkan hipokrasi. Jelaslah bahawa tindakan-tindakan mereka untuk mengadakan subsidi dan sebagainya tidak selaras dan tidak membantu mereka dalam konsep liberalisasi, globalisasi dan reformasi sekiranya tindakan pasaran antarabangsa tidak menjejaskan periuk nasi mereka. Jadi, sekiranya keadaan menjejaskan periuk nasi mereka konsep-konsep liberalisasi, globalisasi dan reformasi yang mereka inginkan untuk negara-negara membangun seperti Malaysia ini diketepikan.

[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai) tidak hadir]

[Soalan No. 8 – Y.B. Dato' Hon Choon Kim (Seremban) tidak hadir]

[Soalan No. 9 – Y.B. Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu) tidak hadir]

[Soalan No. 10 – Y.B. Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu) tidak hadir]

11. **Datuk Lim Si Cheng [Senai]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan:-

- (a) jumlah penjaja yang dikenakan kompaun oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian pada tahun 1998 kerana sengaja tidak meletakkan tanda harga untuk mengaut keuntungan dengan menipu pengguna; dan
- (b) apakah tindakan lain kementerian untuk membanteras kesalahan tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan,

- (a) Pada tahun 1998, Kementerian telah mengambil 1,629 tindakan kes ke atas peniaga-peniaga yang tidak meletakkan tanda harga pada barang-barang yang dipamerkan untuk jualan. Keseluruhannya, tindakan ini melibatkan penyitaan barang-barang bernilai RM722,988.60. Daripada jumlah kes tersebut, 1,543 kes telah dikompaun dengan nilai kompaun berjumlah RM447,410.00, manakala 86 kes lagi masih dalam siasatan.
- (b) Selain daripada mengambil tindakan kes mengikut akta-akta yang dikuatkuasakan, kementerian juga menjalankan program pendidikan peniaga bagi mewujudkan masyarakat peniaga yang beretika. Dalam konteks ini, peniaga-peniaga diberi teguran dan nasihat bagi memastikan mereka tidak melanggar undang-undang, beretika dalam menjalankan perniagaan serta tidak melakukan aktiviti mencatat seperti menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya. Dari aspek penandaan harga pula, peniaga diminta memastikan semua barang yang dipamerkan

untuk jualan itu diletakkan dengan tanda harga yang jelas, mudah dilihat supaya tidak mengelirukan pengguna.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan tambahan tentang peniaga-peniaga dan harga murah. Kalau diperhati sekarang kita dapati banyak jualan penghabisan stok, tetapi yang kita pasti bahawa stoknya tidak habis-habis ada sepanjang tahun. Apakah perkara ini merupakan satu perniagaan yang beretika di sudut memberi faedah kepada pengguna ataupun kepada peniaga sendiri?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pengguna tidak tertipu adalah pegawai penguat kuasa kementerian sentiasa membuat siasatan atau pemeriksaan mengejut apabila dapat aduan dari pihak pengguna. Oleh itu, di mana-mana pengguna ada menghadapi masalah bolehlah rujukkan kepada kementerian ini supaya tindakan segera akan diambil. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya beri satu contoh dari 1 Januari hingga 30 April 1999 di mana pegawai penguat kuasa kementerian ini telah menjalankan pemeriksaan sebanyak 188,068 di premis-premis perniagaan di mana perniagaan yang melanggar undang-undang atau melakukan kesalahan telah pun diambil tindakan.

Datuk Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, harga daging ayam ditentukan oleh kementerian Yang Berhormat dan pihak yang menjualkan daging ayam perlu menetapkan tanda harga. Soalan tambahan saya mengapa anak ayam yang baru menetas berumur satu hari tidak ditentukan harga dan bagi mereka yang menjualkan anak ayam ini tidak perlu meletakkan tanda harga. Inilah saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daging ayam adalah merupakan satu barangan yang dijadikan barang

kawalan. Ini bermakna harganya ditetapkan oleh pihak kerajaan. Pada masa sekarang harga ayam telah ditetapkan RM6.00 sekilo dan anak ayam harganya tidak dikawal dan mengikut Akta Kawalan Harga semua jenis barangan yang dijual dalam peringkat runcit ianya hendaklah diletakkan tanda harga. Ini bermakna jika barangan atau produk yang dikeluarkan dari kilang atau dijual secara borong tanda harganya boleh atau tidak diletakkan atau mereka tidak perlu meletakkan tanda harga. Jadi, anak ayam merupakan keluaran daripada ladang ayam. Ini bermakna mereka tidak perlu letakkan tanda harga. Tetapi kalau dijual di pasar atau di tempat-tempat penjaja di mana mereka menjual anak ayam secara runcit, mereka perlu atau wajib meletakkan tanda harganya.

12. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan langkah yang sedang diambil untuk mempertimbangkan penurunan kos penggunaan Internet memandangkan kos penggunaan Internet di Malaysia adalah di antara yang tertinggi di dunia.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiada langkah yang sedang diambil untuk menurunkan kos penggunaan Internet. Ini adalah memandangkan bahawa kadar access Internet di Malaysia adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar access Internet di negara-negara lain di seluruh dunia umpamanya kadar access Internet di Malaysia adalah sebanyak 1 sen seminit bagi perseorangan, pelajar, sekolah dan institusi pengajian tinggi dan 2.5 sen seminit bagi organisasi berbanding dengan 11 sen seminit di Singapura, 10 sen seminit di Amerika Syarikat dan 10 sen seminit di Jepun.

Saya juga memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini kalau sekiranya perbandingan dibuat antara beberapa buah negara antara Malaysia dengan negara maju, Malaysia dengan negara yang sedang membangun kalau dipakai bench mark tariff, dengan izin, antara kategori pengguna untuk 20 jam, 20 jam ini merupakan kebiasaan

orang menggunakan Internet bagi satu bulan. Di Malaysia bench mark tariff bagi pengguna yang menggunakan Internet selama 20 jam sebulan, kalau ikut TMnet bagi perseorangan RM14.00, business RM35.00. Kalau dibanding dengan negara maju macam Australia, Malaysia RM14.00, Australia RM72.28, Hong Kong RM33.00, Jepun RM117.00, USA RM55.00. Kalau dibanding dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara pun kita masih merupakan negara yang murah sekali. Malaysia RM14.00, Indonesia RM92.18, Philippine RM70.00, Singapura RM45.00 dan Thailand RM26.39.

Jika dibandingkan pula kadar access talian telefon di Malaysia iaitu sebanyak 3 sen seminit maka kadar access Internet sebanyak 2.5 sen bagi organisasi adalah juga murah. Kos penggunaan Internet mungkin menjadi tinggi sekiranya digunakan semasa laluan terlalu sibuk, dengan izin, peak time. Pada masa-masa tersebut dengan izin, surfing the down load akan mengambil masa yang agak lama dan oleh itu menyebabkan pertambahan kos.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita beralih kepada soalan yang berikut, sukalah saya ambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kunjungan satu rombongan dari Morocco yang diketuai oleh The President of the House of Councillors, Kingdom of Morocco. His Excellency Dr. Mohamed Jalal Assaid, selamat datang. Johor Bahru.

Tuan Mohamed Khaled bin Nordin: Soalan tambahan. Memanglah matlamat negara kita ialah untuk menjadikan rakyat kita rakyat bermaklumat dan Internet merupakan satu cara di mana kita boleh mencapai matlamat tersebut. Jadi, walaupun mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kadar kita merupakan kadar yang terendah, saya ingin tahu berapakah jumlah pengguna Internet sekarang, berapakah target kerajaan dan bagaimanakah kerajaan cuba memenuhi target tersebut.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah mendaftarkan lebih kurang 0.5 juta subscriber ataupun pelanggan Internet dalam empat tahun yang kebelakangan ini dan target kita ialah bila sampai tahun 2005 kita

akan mencapai sekurang-kurangnya 1.2 juta pelanggan. Biasanya satu pelanggan ini ada beberapa orang pengguna misalnya di institut pengajian tinggi mungkin ia merupakan satu talian, satu subscriber tapi digunakan oleh beribu-ribu orang pelajar. Maka setakat ini mungkin ada 0.5 juta pelanggan tetapi penggunanya sudah melebihi 1 juta orang.

Untuk memastikan kita dapat mencapai matlamat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan, kedua-dua ISP iaitu TMnet dan JARING dan dengan lima buah ISP yang telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan di mana mereka akan memulakan operasinya pada akhir tahun ini dan akan mengeluarkan berbagai-bagai pakej, dengan izin, yang agak menarik supaya dapat menarik lebih ramai pelanggan. Selain daripada itu, langkah-langkah tertentu telah pun diambil untuk mempertingkatkan infrastruktur telekomunikasi misalannya sistem ISDN telah pun mula dipakai di Semenanjung Malaysia dan juga di negeri Sabah supaya 'speed'nya lebih laju, kapasiti yang lebih besar dapat dinikmati oleh para pengguna Internet. Maka dengan langkah-langkah ini kita yakin bahawa bila tiba masanya, 2005 kita akan mencapai matlamat kita iaitu 1.2 juta pengguna.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, apakah kelebihan yang lain yang dinikmati oleh pelanggan-pelanggan jika mereka menggunakan secara terus ISDN line jika dibandingkan dengan talian-talian yang lain.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, dengan menggunakan ISDN line, memang ada beza dengan line biasa khususnya ISDN line ini, ia merupakan, dengan izin, end to end digital dialog service di mana semua aplikasi multimedia dapat digunakan melalui ISDN seperti voice, data image dan video at high speed. Maka dengan menggunakan ISDN line selain daripada boleh menggunakannya sebagai telefon dan fax biasa, ia juga dapat digunakan sebagai Internet access, Intranet, e-mail, video conferencing dan LAN, communication, dengan izin, dengan satu speed yang cukup laju.

13. **Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) jumlah majikan ladang yang telah melaksanakan Program Pemilikan Rumah Pekerja di ladang masing-masing; dan
- (b) apakah tindakan pihak kementerian terhadap majikan yang masih belum lagi melaksanakan program ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 66 buah ladang dan 12 buah lombong telah melaksanakan skim pemilikan rumah pekerja dengan mendirikan 8,171 unit rumah sehingga akhir bulan Mac tahun ini. Skim pemilikan rumah pekerja dilaksanakan sebagai satu langkah galakan majikan untuk para pekerja ladang dan lombong memiliki rumah sendiri di tempat pekerjaan masing-masing. Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai peruntukan tertentu di bawah undang-undang buruh untuk memaksa majikan melaksanakannya. Kejayaan pelaksanaannya bergantung kepada kesungguhan dan kemampuan majikan ladang dan juga faktor-faktor lain. Bagi menjayakan rancangan ini Kementerian Sumber Manusia telah menjalankan aktiviti-aktiviti promosi khas yang berterusan untuk menggalakkan pihak majikan membina rumah-rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja ladang dengan harga yang berpatutan. Walau bagaimanapun, dalam suasana kegawatan ekonomi sekarang banyak majikan menghadapi masalah untuk meneruskan skim ini.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu adakah kerajaan berpuas hati dengan sambutan para majikan kita setakat ini dan apakah sebenarnya yang menjadi masalah yang menghalang mereka daripada menjalankan obligasi sosial kepada para pekerja mereka. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang dimaksudkan dengan perumahan ini rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang dan di lombong-lombong, rumah yang diberi duduk kepada pekerja memang ada. Yang dimaksudkan rumah yang dibuat dan dijual kepada para pekerja sebagai rumah persendirian. Jadi di sini, Tuan Yang di-Pertua, dari segi aspek hanya 8,171 unit maka kerajaan belum berpuas hati. Satu daripada sebab-sebabnya majikan tidak dapat membina banyak rumah ini ialah sebab masalah ekonomi yang ada

sekarang tetapi masalah-masalah yang tidak kena mengena dengan keupayaan kerajaan persekutuan misalannya tanah.

Jadi pada peringkat ini, untuk mempromosikan projek ini kepada majikan-majikan kementerian telah menyediakan satu kertas kabinet yang antara lain meminta beberapa syarat iaitu satu daripadanya selain daripada kerjasama pihak kerajaan negeri yang berkuasa di atas tanah, pihak kementerian juga meminta supaya syarat-syarat ditentukan. Kalau satu tanah ladang itu dijadikan kawasan pertumbuhan seperti KLIA maka satu daripada syarat-syarat yang perlu dikenakan oleh kerajaan negeri ialah supaya welfare ataupun kebajikan pekerja itu diambil kira sebagai satu syarat utama iaitu pembinaan rumah untuk mereka ataupun pemberian retrenchment compensation yang lumayan supaya mereka dapat membeli rumah. Inilah sebahagian daripada cadangan yang dibuat di dalam kabinet paper.

Dr. L. Krishnan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada kementerian di atas usaha yang diambil dalam program pemulihan rumah pekerja di ladang-ladang. Saya ingin tanya tentang rumah-rumah majikan yang sedia ada sekarang di ladang yang diberi kepada pekerja-pekerja tersebut. Saya memang tahu kementerian mempunyai satu standard minimum yang mesti diikuti oleh majikan untuk pekerja-pekerja ini. Saya ingin tahu sejauh manakah majikan telah mengimplementasikan standard minimum untuk rumah-rumah ini dan adakan tindakan boleh diambil terhadap majikan jika mereka tidak mengikut standard minimum tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, standard minimum memang digariskan oleh pihak kementerian iaitu sesebuah kuarters itu mesti mempunyai sekurang-kurangnya dua bilik, satu tempat living room, dengan izin, dan juga tandas yang mencukupi, dapur dan lain-lain kemudahan yang dapat memberi satu quality of life yang agak tinggi. Pihak kementerian tidak mempunyai angka sejauh mana tetapi pada fahaman saya kebanyakan majikan dipaksa ataupun ditekan supaya mengikut standard minimum ini jikalau mereka tidak mengikut, ada peruntukan-peruntukan untuk diambil tindakan ke atas mereka.

12. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Kesihatan menyatakan kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM20 juta bagi melaksanakan program bekalan air, kesihatan dan alam sekitar (Bakas) untuk rakyat termiskin di seluruh negara tahun ini. Sila nyatakan projek yang sudah, sedang dan akan dijalankan di bawah program ini mengikut pecahan tiap-tiap negeri.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan:

- (a) perkhidmatan yang diberi di bawah program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling ataupun dikenali sebagai Bakas meliputi pembinaan projek air bersih, kemudahan tandas sempurna, sistem pelupusan air limbah dan sistem pelupusan sisa pepejal;
- (b) sehingga akhir tahun 1998 di bawah program Bakas, bilangan pembinaan adalah meliputi 121,207 projek bekalan air luar bandar; 1,653,812 tandas; 943,073 sistem pelupusan air limbah dan 1,184,578
- (c) sistem pelupusan sisa pepejal ataupun sampah dan pecahan mengikut negeri, saya akan sebutkan Johor sahaja kerana jika semua itu terlalu banyak.

Jadi, untuk Johor projek bekalan air daripada yang disebutkan tadi 121,207, Johor – 2,624. Bagi tandas, daripada 1,653,812, Johor - 168,967 manakala sistem pelupusan air limbah daripada 943,073; Johor 141,149 dan daripada sistem pelupusan pepejal iaitu sampah daripada 1,148,578, Johor - 155,902 manakala negeri lain bolehlah dapat secara bertulis daripada saya.

Saya juga ingin memaklumkan daripada tahun 1996 hingga tahun 1999, kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak RM89,027,000 manakala bagi tahun 1999 pula kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM21,674,300 untuk melaksanakan program Bakas. Pecahan peruntukan dan perkhidmatan yang sedang dan akan diberi pada tahun 1999 ini adalah seperti berikut:

<u>Negeri</u>	<u>Peruntukan (RM)</u>
Perlis	270,000
Kedah	1,920,000

Pulau Pinang	397,000
Perak	873,000
Selangor	327,000
Negeri Sembilan	887,000
Melaka	86,000
Johor	689,000
Pahang	840,000
Terengganu	1,805,000
Kelantan	4,560,000
Sarawak	4,216,000
Sabah	4,320,000

Jadi, jumlah seluruh negara bagi tahun 1999 seperti disebutkan tadi RM21,160,000. Pada tahun yang akan datang usaha berterusan akan diambil di bawah program Bakas supaya setiap rumah di kawasan luar bandar akan mendapat kemudahan kebersihan yang asas seperti tandas dan program air bersih di samping memaksimumkan pembinaan kemudahan kebersihan yang lain.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan yang dapat berusaha untuk membantu keluarga ataupun rakyat termiskin di negara kita. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, memang satu jumlah peruntukan yang besar untuk membantu projek ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, ia merupakan berapa peratus sahaja yang dapat kita capai sasaran ini dan ia akan ambil masa yang lama supaya matlamat ini dapat dicapai 100%. Adakah kementerian menubuhkan satu jawatankuasa tertentu di mana mungkin ada pihak syarikat-syarikat swasta ataupun individu yang mungkin juga ingin membantu dari segi tanggungjawab ini. Kalau ada, bolehkah Yang Berhormat sebut jawatankuasa ini dan bagaimana pihak

swasta ataupun individu yang ingin menyumbang terhadap projek ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek BAKAS iaitu Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan telah mula diperkenalkan pada tahun 1974 iaitu hampir 25 tahun dahulu, bertujuan untuk membantu dalam usaha kerajaan bagi mengawal dan mencegah kejadian penyakit berjangkit bawaan air dan najis seperti kolera, typhoid dan cirit-birit, melalui pembinaan dan penggunaan kemudahan kebersihan oleh rakyat jelata yang berada di kawasan luar bandar.

Sehingga akhir tahun 1997, 90.4% rumah di luar bandar di seluruh negara telah dilengkapi dengan kemudahan bekalan air dan 97.6% dengan kemudahan tandas sempurna, dan adalah dijangka keseluruhan rumah di kawasan luar bandar akan mendapat kemudahan tersebut menjelang akhir tahun 2000.

Berkaitan dengan tandas curah, saya suka maklumkan bahawa satu negeri sahaja yang ada 100% iaitu Melaka, Johor masih ada sedikit-sedikit sahaja lagi, kerana itu kementerian berharap menerusi program ini menjelang tahun 2000, ke semua kampung ada tandas curah secara percuma yang dibekalkan oleh Kementerian Kesihatan, tetapi orang kampung diminta membantu menggali lubang.

Program BAKAS mempunyai sasaran untuk memberi perkhidmatan kepada semua rakyat di kawasan luar bandar, namun demikian bagi mencapai matlamat program untuk mengawal kejadian penyakit adalah menjadi keutamaan di bawah program untuk memberi penumpuan kepada kawasan penduduk miskin dan berpotensi dijangkiti penyakit.

Walaupun Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) dikendalikan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Kesihatan di bawah Program BAKAS ini telah memberi kerjasama kepada KPLB bagi memastikan rakyat termiskin keseluruhannya mendapat kemudahan kebersihan yang disediakan. Ertinya di setiap PPRT yang dibina oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar, semua kemudahan yang saya sebutkan tadi boleh diberi serentak.

Bagi jawatankuasa, kita ada jawatankuasa di peringkat kebangsaan di Kementerian Kesihatan dan juga di peringkat negeri dipengerusikan oleh pengarah kesihatan sendiri. Jika ada pihak swasta yang ingin membantu menyumbang kepada program ini kita mengalu-alukan, mereka boleh menghubungi pengarah kesihatan negeri ataupun berjumpa dengan EXCO yang menjaga hal ehwal kesihatan ataupun berjumpa dengan kementerian di ibu pejabat, berjumpa menteri ataupun berjumpa saya. Kita akan menerima apa-apa sumbangan yang ingin mereka berikan dan kita akan hantarkan kepada kumpulan sasaran yang patut menerimanya iaitu rakyat yang termiskin ataupun mereka yang memerlukan kemudahan kesihatan ini.

Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mana sebentar tadi, beliau menyatakan bahawa peruntukan telah diluluskan kepada negeri Kelantan sebanyak RM4 juta. Jadi, hari ini saya hendak tahu peruntukan sudah habis ataupun masih ada, sebab di kawasan saya kalau minta sebuah tandas pun pegawai-pegawai yang berkenaan menyatakan tiada peruntukan.

Jadi, saya hendak tahulah peruntukan RM4 juta ini sudah habiskah atau belum. Saya bimbang dan takut kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya bercakap sahaja, terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jangan buat andaian atau sangkaan.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Terima kasih, Yang Berhormat punya pasal kerana sekarang pun member BN, beri saya senarai dan insya-Allah saya akan hantar. *[Ketawa]*

[Soalan 15 – Y.B. Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) tidak hadir]

[Soalan 16 – Y.B. Tuan Liew Ah Kim (Seputeh) tidak hadir]

[Soalan 17 – Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi (Bagan Datoh) tidak hadir]

18. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang] minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah tindakan Malaysia sebagai anggota PBB dan OIC terhadap

kezaliman dan pembunuhan beramai-ramai yang berlaku di Kosovo. Adakah Malaysia akan menghantar pasukan pengaman atas nama OIC memandangkan pasukan pengaman di bawah PBB hanya tindakan hipokrit untuk membunuh lebih ramai, khususnya umat Islam Kosova.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Luar Negeri. Sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), Malaysia telah menyuarakan sekeras-kerasnya bantahan terhadap keganasan dan kezaliman puak Serbia ke atas etnik Albania ke Kosovo. Pendirian Malaysia ini telah disuarakan di forum antarabangsa. Malaysia juga menyokong resolusi-resolusi PBB untuk menghentikan kezaliman dan keganasan pihak Serb ke atas orang-orang awam di Kosovo. Sejak bermulanya konflik ini pada bulan Mac 1998, Malaysia telah menggesa pihak Serb supaya memberi pemerintahan secara autonomi kepada etnik Albania di Kosovo.

Malaysia sebagai anggota PBB juga telah mencadangkan agar perlunya tribunal jenayah antarabangsa untuk negara bekas Yugoslavia (ICTFY) menyiasat kekejaman yang telah dilakukan oleh puak Serb ke atas masyarakat Kosovo dan mengambil tindakan yang sesuai bagi menghukum penjenayah-penjenayah ini. Dalam konteks OIC, Malaysia turut memberi sokongan moral ke atas usaha-usaha yang diambil oleh negara-negara kumpulan penyambung OIC atau OIC contact group bagi mencapai satu penyelesaian yang bermanfaat kepada kedua-dua belah pihak yang terlibat dalam krisis tersebut dan menjamin kepentingan penduduk-penduduk Kosovo.

Sebagai anggota pertubuhan tersebut, Malaysia telah bekerjasama rapat dengan anggota Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu lain untuk mencari penyelesaian politik yang baik bagi menamatkan tragedi yang sedang berlaku ke atas rakyat Kosovo. Buat masa sekarang Kerajaan Malaysia belum bercadang untuk menghantar sebarang pasukan pengaman sama ada atas nama PBB ataupun OIC. Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, pada dasarnya mengutuk sebarang

keganasan termasuklah keganasan yang dilakukan oleh pihak Serb ke atas masyarakat Kosovo.

Walau bagaimanapun, Malaysia berpendirian bahawa penyelesaian secara aman melalui perundingan adalah merupakan jalan yang paling baik bagi menyelesaikan masalah ini.

19. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab projek pembinaan underpass di Jalan Ampang-Jalan Tun Razak boleh menyebabkan kerugian sebanyak RM30 juta, mengapakah reka bentuk tidak menurut spesifikasi asal, siapakah yang bertanggungjawab dan apakah butir-butir reka bentuk.

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, projek persimpangan berterowong (underpass) yang sedang dalam pembinaan di Jalan Ampang-Jalan Tun Razak adalah melintasi kawasan terowong bagi laluan LRT Sistem II PUTRA yang berada dua meter di bawahnya. Isu interfacing ini perlu diberi perhatian yang serius memandangkan ianya melibatkan kestabilan struktur dan keselamatan terowong LRT yang telah siap dibina.

Justeru itu, reka bentuk asal dan kaedah pembinaan di bahagian interfacing berkenaan telah dikaji semula dari masa ke semasa berasaskan keadaan kestabilan bawah tanah. Kos RM30 juta yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah kos tambahan projek berasaskan reka bentuk serta kaedah pembinaan yang kemas kini termasuk alat-alat untuk mengawal keselamatan terowong LRT. Oleh yang demikian, anggapan bahawa berlaku kerugian di persimpangan berterowong adalah tidak benar dan sebaliknya ia menjamin keselamatan orang ramai.

Tuan Tan Kok Wai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, nampaknya seorang daripada dua pihak mesti dipertanggungjawabkan untuk kenyataan yang diberikan iaitu lebih awal lagi, Datuk Bandar Kuala Lumpur telah mengumumkan kelemahan dan kesilapan yang dilakukan oleh pihak DBKL yang mengakibatkan kerugian tabung awam sebanyak RM30 juta dan dilaporkan oleh media bahawa Datuk Bandar mengaku ini adalah satu kesilapan yang dilakukan oleh mereka yang merancang interchange

itu tetapi jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini adalah tambahan kos. Maka saya ingin bertanya Yang Berhormat, siapakah yang harus bertanggungjawab ke atas kerugian ini? Memandangkan begitu banyak wang rakyat telah pun dibazirkan kerana kelemahan ini, apakah hukuman atau tindakan disiplin pernah diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab ke atas kesilapan ini

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kesilapan, kos RM30 juta itu, dengan izin, it is the question of whether the left pocket or the right pocket is going to stump up. Kosnya mesti sampai ke tahap yang meliputi kos RM30 juta tadi, sama ada kalau sekiranya PUTRA, umpamanya yang membina, interchange itu sampai dahulu, PUTRA tidak kena RM30 juta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang kena RM30 juta.

Kalau sekiranya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dahulu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang kena RM30 juta dan PUTRA tidak kena RM30 juta. Tetapi walau bagaimanapun, ini duit kerajaan akhirnya, oleh itu tidak ada yang dikatakan pembaziran, kalau sekiranya tidak ditambah oleh pihak kerajaan, pihak yang satu lagi yang kena bayar. It is just the question of, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, poket mana yang kena keluar duit itu. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah alternatif yang dicadangkan oleh pihak kementerian untuk menyelesaikan masalah poket kanan dan poket kiri kerana nampaknya pihak kementerian pun tidak tahu bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Sehingga berbulan-bulan projek ini tertangguh dan masalah timbul dan apakah masalahnya sekarang?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah tidak ada masalah, akan siap dan hampir siap. Tuan Yang di-Pertua, sekarang tidak ada masalah, kita sudah settle perkara itu dan sesungguhnya ia boleh digunakan oleh rakyat tidak berapa lama lagi, ia akan menjadi keselesaan rakyat dengan terjamin keselamatan mereka, terima kasih.

20. Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu] minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan:

- (a) kedudukan masyarakat Orang Asli di sektor pertanian secara komersial, ternakan, perniagaan serta penjawat awam di dalam perkhidmatan kerajaan dan apakah langkah dan galakkan yang diberi agar Orang Asli tidak merasa tersisih; dan
- (b) kedudukan tanah milik dan rizab Orang Asli (keluasan dan bilangan) telah dilulus, dalam permohonan dan ditolak mengikut negeri dan jumlah Orang Asli dikategorikan sebagai PPRT dan yang menjadi peserta FELCRA.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Jawapan bagi soalan;

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, kedudukan masyarakat Orang Asli di sektor-sektor tertentu adalah seperti berikut:
 - (i) pertanian secara komersial, tiada ada;
 - (ii) ternakan pun tidak ada;
 - (iii) perniagaan seramai 410 orang; dan
 - (iv) perjawatan awam di dalam perkhidmatan kerajaan seramai 1,000 orang.

Langkah-langkah dan galakan yang diambil oleh kerajaan agar Orang Asli tidak merasa tersisih adalah melalui program-program penerangan dan juga melalui program kampung berkembar, di mana kampung-kampung Orang Asli yang sedia ada sekarang bersebelahan dengan kampung-kampung Melayu supaya tidak merasa diri mereka terasing. Selain itu, kementerian saya juga turut mengadakan majlis-majlis sukan dan perayaan supaya masyarakat Orang Asli dapat berinteraksi dengan masyarakat Melayu yang lain.

- (b) Ingin dimaklumkan kedudukan tanah milik Orang Asli ialah 166.66 hektar dan dimiliki oleh seramai 164 Orang Asli. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

KEDUDUKAN TANAH MILIK ORANG ASLI		
Negeri	Keluasan (hektar)	Bilangan (keluarga)

Perak	1.26	1.0
Kedah	-	-
Pahang	85.32	51.0
Kelantan	1.66	38.0
Terengganu	39.0	39.0
Selangor, Wilayah		
Persekutuan	6.12	6.0
Johor	19.12	17.0
Negeri Sembilan	12.57	7.0
Melaka	1.61	1.0
JUMLAH	166.66	164.0

Mengenai tanah rizab Orang Asli pula, sejumlah 19,507.42 hektar tanah Orang Asli yang telah diwartakan. 28,932.27 hektar tanah Orang Asli yang telah diluluskan tetapi belum diwartakan, 78,975.56 hektar tanah Orang Asli yang telah dipohon manakala 5,664.55 hektar tanah yang didiami oleh Orang Asli tanpa permohonan rasmi. Buat masa ini tidak ada permohonan tanah Orang Asli telah ditolak. Jumlah Orang Asli yang telah kategorikan sebagai PPRT ialah seramai 15,234 ketua isi rumah dan yang menjadi peserta FELCRA ialah seramai 4,315 ketua isi rumah.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan Datuk Timbalan Menteri, soalan tambahan. Berdasarkan kepada permohonan yang begitu lama telah dibuat untuk sebahagian daripada tanah milik Orang-orang Asli untuk mendapatkan geran atau hak milik mereka, mengapakah begitu lama dan lambat proses untuk mendapatkan title atau geran ini, sedangkan permohonan ini telah pun melewati tujuh ataupun ke sepuluh tahun ianya diangkat kepada pihak yang berkenaan.

Apakah cadangan kerajaan dan langkah yang akan dibuat antara Kerajaan Pusat dan negeri supaya mereka ini tidak menjadi mangsa kerana tanah mereka diusahakan

secara haram oleh pengusaha-pengusaha yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang mungkin telah mengadakan perjanjian secara yang sah ataupun tidak tetapi tanah-tanah mereka ini terus diusahakan. Apakah langkah untuk melindungi mereka ini dan adakah perbincangan antara Kerajaan Pusat dan negeri-negeri itu diteruskan oleh pihak Yang Berhormat Menteri masing-masing. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan tanah Orang Asli yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Jelebu, perkara ini kementerian memang telah mengetahui tetapi oleh kerana tanah ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, kita tunggu sahaja sekiranya apa-apa sahaja yang dibuat oleh kementerian kepada kerajaan negeri mengikut keputusan kerajaan negeri.

Jadi, bagi pertanyaan adakah kementerian selalu membuat perjumpaan dengan kerajaan negeri, ini memang selalu dibuat di antara kementerian dengan kerajaan negeri tetapi saya sebutkan sekali lagi iaitu tanah ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan ini sahaja yang kementerian dapat buat. Selain dari itu, perkara ini kadang-kadang ada juga dibawa ke pihak atasan tetapi itu perkara spesifik sahaja. Keseluruhannya, kita tunggu sahaja keputusan daripada kerajaan negeri.

Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak: Soalan tambahan. Kita semua maklum bahawa kelompok Orang Asli ini tidaklah begitu ramai hanya lebih kurang 100,000, lebih kurang 105,000 dan pegawai-pegawai kakitangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli begitu ramai lebih daripada 1,000. Masalah yang kita semua maklum berkenaan dengan Orang Asli ini yang besar sekali adalah berkaitan dengan hak milik tanah, kesihatan dan juga kemiskinan mereka, itupun saling berkait, yang saya ingin mengetahui ialah berapa ramaikah pegawai dan kakitangan yang telah dikhususkan untuk membantu menyelesaikan masalah besar khususnya berkaitan dengan hak milik tanah untuk Orang Asli. Apakah satu task force telah diwujudkan untuk membantu menyelesaikan masalah ini yang berterusan bukan 10 – 20 tahun, puluh-puluh tahun. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, jadi ruparupanya soalan tambahan ini ialah mengikut soalan Yang Berhormat dari Kota Bharu

kerana Soalan ini diberi No.10 jadi tidak akan sempat saya jawab jadi oleh kerana itu bolehlah saya menjawab sekarang. Sebab perkara yang disentuh Yang Berhormat itu memang terkandung dalam soalan asal beliau.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi Soalan;

- (a) Buat masa ini kementerian saya belum bercadang untuk mewujudkan task force yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat daripada Kota Bharu, ini adalah kerana kerajaan telah mengamanahkan satu jabatan khusus iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi melaksanakan tanggungjawab ini di bawah kementerian saya. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memang bersedia membantu mana-mana Orang Asli yang ingin mendapat hak milik kekal tanah yang diduduki tetapi disebabkan tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, keputusan muktamad adalah terserah kepada kerajaan negeri. Inilah jawapan yang saya beri kepada Jelebu awal tadi.
- (b) Berkenaan dengan pampasan yang disentuh oleh Yang Berhormat, kementerian saya memang sentiasa membantu Orang Asli untuk mendapatkan pampasan yang mampu memajukan kehidupan mereka apabila tanah yang didudukinya terpaksa diambil bagi projek pembangunan. Namun demikian, semua tanah seperti ini yang diambil akan dinilai oleh Jabatan Penilaian dengan mengambil kira peruntukan undang-undang semasa, status tanah iaitu tanah milik, tanah rizab, rizab hutan dan sebagainya. Disebabkan itu terdapat nilai-nilai tanah Orang Asli yang berbeza sekiranya dibanding dengan harga tanah komersial.

[Soalan No. 21 – Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang] tidak hadir].

[Soalan No. 22 – Datuk S'ng Chee Hua [Julau] tidak hadir].

[Soalan No. 23 – Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat tidak hadir].

24. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan seperti berikut:-

- (a) pendapatan/hasil daripada pelancongan bagi seluruh tahun 1997 dan 1998; dan
- (b) apakah langkah yang diambil supaya pelancong-pelancong tertarik semula dengan negara kita.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, jawapana bagi soalan;

- (a) Pendapatan daripada pelancong bagi 1998 adalah dianggarkan sebanyak kira-kira RM9,334.2 juta susut 11.2% berbanding dengan RM10,509.8 juta yang dianggarkan bagi tahun 1997.
- (b) Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memperkenalkan semula Malaysia sebagai destinasi berkualiti dan amat berpatutan dari nilai wang. Usaha ini diperkukuhkan dengan jalinan kerjasama antara sektor awam dan swasta menerusi program-program berikut:
 - (i) menggalakkan pengusaha pelancongan tempatan memperbanyakkan pakej-pakej pelancongan yang bersifat inovatif, kreatif dan berdaya saing;
 - (ii) menggalakkan sektor mesyuarat, insentive convention dan pameran (MICE);
 - (iii) menggalakkan penganjur acara-acara minat khas seperti sukan, termasuk sukan lumba motor;
 - (iv) memperkukuhkan jalinan kerjasama antara pengusaha-pengusaha pelancong luar negeri, media luar negeri, penganjur-penganjur acara syarikat penerbangan dan perwakilan-perwakilan Malaysia; dan

- (v) meningkatkan promosi bersepadu dengan sektor awam dan swasta dalam promosi produk-produk perkilangan, pembelajaran dan kesihatan.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No.2-5, 7-10, 15-17, 21,22, 23 dan 25 hingga 40 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUASUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PELESENAN KENDERAAN PELANCONGAN 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi Pelesenan dan Pengawalselian Kenderaan Pelancongan dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 1999

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Rang Penyemakan Undang-undang 1998; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1998 DAN 1999) 1999

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.3) 1998

DAN
ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.)(BIL.1) 1999

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil.3) 1998 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan)(Bil.1) 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kedua]*.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita menyambung perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa ini sukalah saya mengumumkan bahawa memandangkan kesuntukan masa saya terpaksa menghadkan masa berucap kepada 10 minit untuk setiap orang. Ya, kita masih berada dalam perbahasan mengenai Kementerian Kewangan. Yang Berhormat dari Kepong belum habis berucap lagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, belum.

Tuan Haji Noh bin Omar: Ini dah lebih 10 minit dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat dah habis berucap bagi peluang kepada orang lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana 10 minit. Tuan Pengerusi saya hendak terangkan keadaan kerana....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, jawab sahaja sudah habis berucap ke atau tidak.

Dr. Tan Seng Giaw: Oh banyak lagi tak habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Saya dah kata tadi 10 minit untuk setiap orang.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya boleh secara perbincanganlah, yang paling banyaklah iaitu ada lima tajuk untuk Kementerian Kewangan dan selepas itu tak banyak dah, tak payah 10 minit dihadkan....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat keputusan itu telah pun dibuat, jangan mempertikaikannya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi akan menyedari, selepas ini tak banyak, walaupun yang sebelah situ tak begitu faham.

Tuan Pengerusi, semalam ada bangkitkan masalah Bakun sebab di sini ada usaha untuk mengambil alih projek Hidroelektrik Bakun dan walaupun di sini disebutkan RM260 juta diperlukan untuk pampasan tetapi pihak kementerian tidak menerangkan apakah jumlah pampasan yang diberi kepada koordinator pertama Ekran dan lain-lain syarikat sama ada ini akan meningkat kepada RM1 bilion atau melebihi daripada RM1 bilion dan semalam saya ada sebutkan bahawa walaupun pihak negeri Sarawak hanya memerlukan 400 megawatt sahaja bekalan kuasa elektrik tetapi sekarang mereka mempunyai lebih 700 megawatt dan dengan tambahnya projek Bakun yang disebutkan sebagai Bakun kecil, kalau dengan projek Bakun kecil sekurang-kurangnya akan menjana kuasa elektrik sekurang-kurangnya 500 megawatt dan pihak negeri tak perlu, ini bermakna akan ada 1200 megawatt untuk Sarawak. Sebab itulah saya hendak menanya di sini bagaimana pihak kementerian akan menguruskan hal ini sama ada ini akan diserahkan kepada TNB ataupun bersama-sama dengan SESCO di Sarawak untuk menguruskan semua ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, mengenai pembedungan. Walaupun ada kerja untuk baik pulih dan sebagainya dan juga penyusunan semula dibuat ke atas Indah Water Konsortium tetapi di sini dengan ringkasnya saya hendak mengetahui setakat manakah Indah Water Konsortium berjaya menjalankan tugas untuk seluruh negara dan adakah itu pihak berkuasa tempatan masih tidak menyerahkan itu pembedungan kepada Indah Water Konsortium.

[Tuan Pengerusi (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi seterusnya saya hendak mengulangi sebab inilah bahagian yang terbanyak untuk perbahasan hari ini selepas itu tak banyak, mengenai Danaharta dan ada di dalam Danaharta disebutkan bahawa pada bulan Mei ini semua pembelian atau pengambilalihan NPL sudah akan siap. Setakat sekarang jumlah yang diambil yang

disebutkan oleh kementerian ialah RM22 bilion dan pada bulan Jun semua itu akan siap dan enam bulan lebih awal daripada yang dijadualkan di sini. Saya hendak menanya Tuan Pengerusi dari RM1 bilion yang disuntikkan kepada Danaharta daripada kementerianya, dari dana-dana ataupun wang yang lain yang akan diperolehi untuk menjalankan tugasnya seperti mana yang saya sebutkan pada dua tiga minggu yang lepas bahawa kita perlu memberi wang kepada bank-bank dan juga pegawai syarikat-syarikat dan ada satu bahagian lagi yang saya belum dapat maklumat iaitu mengenai Bursa Saham (Stock Brokering Firm) industri bursa saham, industri sekuriti, stock brokering dan saya diberitahu bahawa Danaharta ada rancangan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat industri stock brokering ini dan bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana pihak Danaharta akan menyelamatkan syarikat-syarikat di dalam industri tersebut.

Tuan Pengerusi, ada juga di dalam Maksud P.28 ini pampasan dibayar untuk pembatalan kontrak 21 set EMU-KTMB dan lebih RM60 juta diperlukan untuk memberi pampasan. Apakah jumlah pampasan yang akhirnya akan dibayar kepada syarikat-syarikat asing untuk 21 set EMU-KTMB kerana EMU itu datang dari Korea Selatan, Afrika Selatan dan juga daripada Australia kalau tidak silap saya, tiga syarikat daripada tiga benua dan ini memang satu perkara yang 'aneh binti hairan' dan ada tiga benua yang membekalkan EMUnya dan sekarang kerana krisis ekonomi dan juga faktor-faktor yang lain perlu dibatalkan dan kita perlu membayar pampasan. Saya hendak mengetahui apakah sebenarnya pampasan yang dibayar dan sebab-sebab pembatalan kontrak tersebut.

Seterusnya ada banyak lagi Tuan Pengerusi mengenai modal ekuiti yang diberi kepada Menteri Kewangan diperbadankan MKD dalam Syarikat Prasarana Negara Berhad. Sebenarnya wang yang disebutkan oleh pihak kementerian ialah RM5 bilion untuk MKD ini dan satu syarikat ditubuhkan untuk menguruskan wang RM5 bilion ini dan Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan setakat ini projek-projek infrastruktur utama yang dikenal pasti oleh pihak kementerian untuk dilaksanakan dan saya diberitahu bahawa projek-projek yang dikenal pasti adalah termasuk Ipoh-Lumut Highway, K.L- KLIA Highway dan Cheras-Kajang Highway dan juga projek-projek

yang lain dan inilah satu usaha pihak kerajaan untuk memulihkan ekonomi kita melalui pelaksanaan projek-projek infrastruktur ini dan bolehkan Yang Berhormat menerangkan untuk RM5 bilion ini daripada manakah kita dapat dana ini dan sebab saya sebutkan hal ini Tuan Pengerusi punca yang disebutkan ialah daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan sebagainya walhal pihak kerajaan sudah menyebutkan bahawa walaupun dana tempatan ada mencukupi tetapi pihak kerajaan hendak meminjam wang daripada luar negara dan bolehkah Yang Berhormat sebutkan di sini daripada manakah wang ini akan didapati sama ada daripada Jepun ataupun daripada Bank Dunia.

Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ada satu masalah lagi mengenai perumahan kos rendah di Kuala Lumpur dan juga untuk rakyat termiskin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun mengumumkan bahawa pihak kementerian akan memperuntukkan RM3 bilion untuk rancangan perumahan di Kuala Lumpur bagi membersihkan kawasan-kawasan setinggan dengan sejumlah 42,000 isi rumah setinggan dan di sini juga saya hendak membangkitkan beberapa perkara mengenai masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini P.28 banyak.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tahu, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau hendak hadkan kepada 10 minit kita mesti hadkan kepada satu tajuk, satu projek. Ini banyak projek. Jumlah peruntukan yang telah pun dibelanjakan dan sekarang diminta banyak, berbilion-bilion ringgit dan tidak patutlah kita hadkan. Tuan Pengerusi, saya sebutkan sekali lagi tidak banyak lagi selepas ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita ada banyak business yang lain, Yang Berhormat bukan yang ini sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Tapi kita telah diperuntukkan dua hari.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat sendiri tahu bahawa Yang Berhormat membahaskan perkara-perkara yang kecil juga, Yang Berhormat hendak mengambil bahagian. Kita tidak beri, Yang Berhormat tidak senang hati juga. Tengok kawan-kawan di belakang hendak mengambil bahagian.

Dr. Tan Seng Giaw: Baiklah, perkara yang terakhir mengenai rumah kos rendah ini, saya hendak sebutkan di sini, ada beberapa projek termasuk di Jinjang Utara, Batu 7 Kepong dan sebagainya. Projek-projek ini adalah kerjasama di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan syarikat-syarikat swasta. Dengan kerjasama ini kita berharap semua projek akan dilaksanakan dengan lebih sempurna tapi kadangkala timbul masalah, seumpama pengagihan rumah-rumah kos rendah ini. Misalnya, saya sebutkan di sini kerana ada parti-parti politik yang hendak campur tangan di dalam usaha pihak kerajaan untuk melaksanakan projek-projek ini dan di sini saya menekankan sekali lagi bahawa pihak kementerian mestilah peka kepada keperluan orang ramai dan juga mengelakkan daripada terlibatnya parti-parti politik, parti Barisan Nasional memang sentiasa mengganggu dengan projek-projek tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah lebih, sudah lebih empat minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Empat minit dah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat mengambil masa hak orang lain empat minit.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, dan akhirnya saya menyeru supaya pihak kementerian mengadakan mekanisme yang lebih ketat untuk mengesan dan memantau projek-projek di kawasan Kuala Lumpur supaya semua dijalankan

dengan lebih sempurna dan tidak ada campur tangan parti politik Barisan Nasional. Sekian, terima kasih,

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau.

11.24 pagi

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Di bawah Perbelanjaan Tambahan Mengurus di bawah Perbendaharaan, saya ingin mendapat penjelasan, kalau saya tidak salah baca sebanyak RM1.168 bilion bayaran balik cukai-cukai telah dibayar kepada syarikat dan juga perbadanan-perbadanan dalam negeri setelah cukai sebenar diketahui. Ini merupakan pengurangan kepada hasil kutipan cukai kerajaan dan saya ingin penjelasan sama ada lebih kurang RM1.2 bilion ini ialah bilangan kekurangan hasil untuk keseluruhan tahun ataupun untuk sebahagian ini. Kalau ianya sebahagian dapat kiranya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi anggaran pengurangan hasil yang dapat dikutip untuk tahun fiskal 1998 yang telah berlaku yang sekarang ini perbelanjaan tambahan untuk tahun 1998.

Perkara yang kedua ialah mengikut Maksud T.11 di-bawah Perbendaharaan diletakkan sebanyak RM65 juta dikeluarkan untuk membiayai tuntutan pampasan atas perintah mahkamah tetapi tidak diberikan perincian tentang maksud perbelanjaan tersebut dan saya memohon kementerian untuk memberi sedikit penjelasan tentang apakah maksud perbelanjaan sebanyak RM65 juta itu.

Berikutnya, Tuan Pengerusi, di bawah P.28 - Butiran Projek 15000 di bawah Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad. Kita memperuntukkan sebanyak RM600 juta untuk tujuan ini, kita belanja untuk kegunaan infrastruktur dan saya sokong pertambahan perbelanjaan ini kerana kita perlukan mergers untuk menjanakan pertumbuhan dalam ekonomi negara.

Tetapi melihat kepada Butiran 15000 dengan Butiran 02900 - Penyertaan Ekuiti Dalam Projek Strategik, diletakkan di sini kita membelanjakan RM5 juta sebagai modal ekuiti dalam Syarikat Prasarana Negara Berhad. Jadi, kalau kita hendak menggunakan Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia ini yang ditukar

daripada Bank Pembangunan sebagai institusi untuk kita melakukan perbelanjaan infrastruktur ini, mengapa pula kita telah membelanjakan RM5 juta lagi untuk menubuhkan sebuah syarikat iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad.

Perkara berikut dan yang terakhir, saya ingin memohon penjelasan ialah di bawah P.28 juga iaitu di Butiran Projek 16000 - KTM. Tambahan sebanyak RM60.8 juta adalah dikehendaki untuk membayar bayaran pampasan pembatalan kontrak 21 set EMU-TKMB. Ini pun, saya mohon penjelasan kerana dua perkara tidak jelas iaitu pertama, 21 set EMU-KTMB ini apa benda dan saya minta supaya dalam penyediaan kertas untuk Dewan ini anggaran perbelanjaan supaya kita jangan tulis kod, tulislah apa dia, macam saya mungkin saya ignorant dalam hal ini, tetapi 21 set EMU, saya pun tidak tahu apa dia EMU ini, KTMB boleh agaklah Keretapi Tanah Melayu. Tetapi supaya senang ahli-ahli Dewan mengetahui butiran, jadi kita cerita sedikit apa dia EMU ini.

Keduanya ialah kenapakah projek perolehan 21 set EMU ini dibatalkan dan ketiga ialah kalau boleh dibuat penjelasan, ini adalah procurement ataupun projek? Maksudnya, projek perbekalan ataupun projek untuk melakukan sesuatu kerana saya tidak mengetahui tentang EMU ini apa benda. Kalau ia adalah merupakan satu procurement projek, kenapakah pampasan pembatalan ini agak tinggi iaitu RM60.8 juta dan kalau boleh dapat diberikan sebab kenapakah dengan kita mengetahui bahawa pampasan itu berjumlah sebegitu besar, kita membatalkan juga ataupun mungkin keseluruhan kos projek ini terlalu besar dan RM60.8 ini adalah sebahagian kecil dan difikirkan berbaloi untuk kita bayar pampasan sahaja daripada kita teruskan dengan projek.

Tetapi walau bagaimanapun, kita ingin penerangan tentang kenapakah projek ini dibatalkan dan sebab-sebab ianya dibatalkan dan adakah butiran ini hendak dikeluarkan langsung dalam anggaran perbelanjaan untuk tahun ini. Saya tidak sempat hendak check balik sama ada Kepala ini terbit dalam perbelanjaan 1999, maknanya Kepala ini ada lagi atau tiada lagi ataupun kita sudah batal, Kepala ini keluar langsung

dalam perbelanjaan Rang Undang-undang Perbekalan yang kita luluskan untuk tahun 1999. Jadi, Tuan Pengerusi itu sahaja.

Saya hendak kata dengan Kepong, lain kali tanya soalan cepat-cepat macam saya, tidak payah cerita panjang-panjang sangat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Lima minit sudah cukup, Yang Berhormat . Ya, Bagan.

11.30 pagi

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran P.28 - 02900 iaitu Penyertaan Ekuiti Dalam Projek Strategik. Kita diminta supaya meluluskan RM290 juta untuk menampung baki bayaran pampasan pengambilalihan Projek Hidroelektrik Bakun. Pada pengetahuan umum bahawa pampasan ini mestilah diberi kepada Syarikat EKTRAN di mana Syarikat EKTRAN adalah kontrak utama yang mengendalikan projek ini tetapi oleh kerana kemerosotan ekonomi, maka projek ini perlu diperkecilkan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu setakat sekarang apakah progress report di tapak sana, sama ada saiz atau kapasiti yang dirancangan dikurangkan kepada berapa peratusan, sama ada ia dikurangkan kepada 50% atau 75%.

Selepas begitu banyak peruntukan telah diberikan kepada pampasan ini ekuiti kerajaan dalam projek ini setakat ini berapa peratusan, sama ada EKTRAN selepas disingkirkan masih ada ekuiti dalam projek ini, juga satu perkara penting di mana apabila EKTRAN diberi konsesi ini, beliau dibenarkan menjalankan pembalakan di seluruh kawasan empangan ini, sama ada setakat ini, semua pembalakan telah dihabiskan. Jikalau pembalakan telah dihabiskan adakah kerajaan akan menuntut balik hasil dari pembalakan yang dijalankan oleh Syarikat EKTRAN ini.

Tuan Pengerusi, dan juga kontraktor utama iaitu satu syarikat dari Korea yang menjalankan projek ini, apakah status beliau sekarang, kerana dia ada menuntut satu jumlah pampasan yang besar dari EKTRAN dan sama ada EKTRAN telah selesaikan perselisihan dengan kontraktor Korea ini. Jikalau EKTRAN tidak selesaikan mungkin syarikat kontraktor Korea ini boleh ambil tindakan untuk meminta pampasan balik kepada Kerajaan Pusat pula di suatu hari nanti.

Tuan Pengerusi, Butiran 14000 - Tabung Perumahan untuk Rakyat Termiskin (Baru). Saya nampak di Kertas Perintah 4A Tahun 1999, di bawah butiran yang sama juga Butiran 14000 - Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin (Baru) di sini dalam Kertas Perintah 4A di minta RM150 juta dan dalam Kertas Perintah 5A ini di bawah butiran yang sama diminta RM50 juta bukannya ini bermakna kedua-dua kertas ini sejumlah RM200 juta diminta. Mengapa dia diasingkan.

Satu lagi perkara, walaupun Dewan yang mulia ini telah berkali-kali meluluskan perbelanjaan untuk PPRT atau TPRT mengapakah masih ramai menunggu giliran untuk mendapat bantuan ini. Saya ambil satu contoh di kawasan Seberang Prai, bukan di kawasan saya, saya di kawasan Bagan, dan Bagan kebanyakan penduduk-penduduknya tidak pernah atau jarang meminta bantuan dari tabung ini, tetapi apabila saya pergi ke kawasan jiran saya iaitu di Teluk Air Tawar, saya selalu pergi ke sana dan ternampak sebuah rumah seorang kaum Melayu yang begitu sedih keadaannya, bumbung tidak ada, cuma ada lantai papan sahaja dan beliau duduk di bawah lantai papan itu. apabila hujan, rumahnya tenggelam air setinggi 1 kaki dan beliau kena duduk di atas katil dan orang ini namanya Ismail dan saya tidak tahu bin siapa. Dia sekarang sudah mengalami satu penyakit 'stroke', beliau tidak boleh berjalan dan anak ada tiga lelaki dan satu perempuan. Semua masing-masing....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita di dalam Jawatankuasa dan kes ini spesifik.

Tuan Lim Hock Seng: Saya mengambil contoh mengapa peruntukan sebegini banyak diluluskan tetapi masih ramai lagi tunggu giliran untuk mendapat dan perkara ini telah saya sampaikan kepada Pegawai Daerah di kawasan Seberang Prai Utara dan mereka sehingga sekarang, mungkin sudah satu tahun belum lagi dapat apa-apa bantuan. Adakah ini akan menunggu sehingga pemohon ini meninggal dunia dan warisnya pun mungkin belum dapat. Jadi, saya berharap kerajaan bersungguh-sungguh menggunakan peruntukan yang telah diperuntukkan dalam Dewan yang mulia ini kepada mereka yang betul-betul perlu dan bukan penyokong-penyokong Barisan Nasional sahaja, kepada mereka tidak kira kaum, tidak kira bangsa, tidak kira

penyokong siapa asalkan dia dalam keadaan yang sedih perlulah diberi bantuan dan bukan pilih bulu sahaja.

Tuan Pengerusi, kita juga diminta di Butiran 15000 iaitu sejumlah RM250 juta bagi bantuan kerajaan menampung keperluan modal kerja bagi projek-projek infrastruktur. Apa projek-projek infrastruktur ini? Jadi, kami mendesaklah seperti apa yang disarankan oleh Ketua Pembangkang apabila membentangkan satu permohonan untuk meluluskan satu perbelanjaan, maka satu annexure atau satu keterangan perlu diberi mengapa ia perlu dan untuk apa supaya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini dapat tahu untuk apa perbelanjaan ini dan tidak perlu lagi bangkit-bangkitkan, membazirkan masa Dewan.

Tuan Pengerusi, Butiran (Projek) 16000 - Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) 21 set Electrify Motor Unit (EMU). Sebenarnya sejumlah RM60,800,000 ini adalah sebahagian iaitu tambahan sahaja. Jumlah asalnya berapa, jumlah sebenarnya berapa? Adakah RM60,800,000 ini hanya mengandungi 10% sahaja atau 20% dan berapa sebenarnya kami perlu menanggung satu pampasan kerana membatalkan kontrak 21 set EMU (Electrify Motor Unit) KTMB ini, dan mengapakah ia perlu dibatalkan, bukanlah kerajaan tidak kaji dengan teliti sama ada ia perlu, sama ada kerajaan boleh memilikinya atau kerana apa-apa dan selepas pembatalan kontrak 21 set unit EMU ini sama ada ia akan menggendalakan program atau rancangan Electrify Train di negara kita ini. Saya berharap semua soalan ini dapat dijawab, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kubang Kerian.

11.38 pagi

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya buat dua, tiga soalan pada pagi ini, terutama saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan subsidi bahan petroleum RM206 juta iaitu subsidi ini ialah untuk mengekalkan harga gas di tahap yang rendah. Baru-baru ini syarikat-syarikat minyak berlawan menurunkan harga dan minyak bersangkut-paut dengan gas. Kenapa

kita lihat pihak kerajaan tidak berapa gemar penurunan harga ini. Pihak Petronas seolah-olah tidak berapa gembira dengan pertandingan penurunan harga yang boleh juga menurunkan harga gas. Adakah dengan penurunan harga minyak yang dilawan oleh syarikat-syarikat ini menyebabkan Petronas akan kurang pendapatan dan kalaulah penurunan harga minyak menyebabkan harga gas juga menjadi murah tidak perlu subsidi RM200 juta ini.

Jadi, kenapa sekarang bila harga minyak berlawan turun kerajaan pula macam tidak bersetuju. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna nampak memberi pandangan macam tidak berapa setuju tentang penurunan harga minyak yang dipertarungkan sekarang, sedangkan ia amat memberi faedah kepada pengguna dan boleh menurunkan inflasi. Jadi minta pihak Kementerian Kewangan memberi penjelasan perkara ini, kerana ada pandangan-pandangan mengatakan bahawa kalau terus turun syarikat yang besar boleh tahan tetapi Petronas akan menghadapi pendapatan yang kurang dan harga gas boleh turun lagi dan tidak perlu kerajaan mengeluarkan subsidi untuk mengekalkan harga gas. Ini minta penjelasan.

Perkara kedua ialah PPRT RM150 juta peruntukan kerajaan untuk rakyat termiskin terutama sekali dalam membina rumah. Adakah ini termasuk di dalam projek-projek kerajaan yang terbengkalai yang menjadi tajuk sekarang ini, terpaksa Perdana Menteri campur tangan dengan memanggil seluruh DO, pegawai-pegawai daerah dalam pertemuan di mana di situ percakapan umum adalah masalah projek-projek terbengkalai dan Ketua Setiausaha hari ini menafikan tidak ada sabotaj yang menyebabkan projek-projek ini lambat.

Saya ingin bertanya adakah sengaja dilambatkan pemberian PPRT ini supaya ianya diberi dekat dengan pilihan raya, bila diberi dekat pilihan raya dikumpulkan semua yang terbengkalai, diberi sekarang, maka seolah-olah rakyat dapat durian runtuh, maka ini menjadi bahan kempen yang hebat pihak Barisan Nasional dan kami pun susah hendak menjawab sedikit di kampung-kampung.

Jadi, adakah kata Tan Sri Halim Ali itu tidak ada sabotaj tetapi ada pandangan menyatakan sengaja diperlahankan projek-projek ini supaya ia terkumpul dan diberi sekali dekat dengan pilihan. Jadi, minta penjelasan adakah yang terbengkalai itu yang dirungut juga oleh Menteri Kewangan I, projek-projek kerajaan menyebabkan duit tidak berpusing di dalam negara, di antaranya kerana kelemahan di pihak pentadbiran dan adakah termasuk PPRT ini, termasuk yang terbengkalai itu.

Perkara yang ketiga yang saya ingin sentuh iaitu hal Bakun di mana saya juga seperti Bagan, ingin bertanya soal syarikat-syarikat mana yang mengendalikan bantuan-bantuan kerajaan untuk selamatkan Bakun, adakah EKTRAN juga atau anak-anak syarikat EKTRAN, sebab kita lihat apabila kerajaan memansuhkan atau menangguhkan pembinaan Bakun, kemudian kita tahu berlaku kemelesetan ekonomi, saham EKTRAN jatuh begitu teruk, tetapi bila diumumkan lebih kurang RM1 bilion untuk menyelamatkan dan menyelenggarakan Bakun, saham EKTRAN naik melambung daripada 60 sen naik kepada RM1.25 selepas itu, adakah juga hendak menyelamatkan Bakun ini termasuk menyelamatkan EKTRAN iaitu Tan Sri Ting Pek Khiing yang berjasa besar kepada Barisan Nasional.

Adakah ia termasuk dalam menyelamatkan kroni yang dibuat iaitu menyebabkan saham EKTRAN sekarang kembali pulih walaupun pulih itu kita bersetujulah tetapi adakah wang kerajaan ini digunakan di antaranya untuk menyelamatkan EKTRAN dan menyelamatkan Tan Sri Ting Pek Khiing. Itulah soalan-soalan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong.

11.44 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, satu perkara sahaja. Pertama, ialah mengenai Bakun yang tadi telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian dan Ahli Yang Berhormat dari Bagan, kita mahu tahu apa angka

yang sebenarnya, yang disetujui oleh pihak Perbendaharaan, oleh pihak kerajaan untuk memberi pampasan kepada EKCRAN oleh kerana keputusan yang diambil oleh kerajaan untuk menangguhkan projek Bakun.

Kita tahu bahawa dalam tahun 1997 angka pampasan yang dituntut oleh EKCRAN ialah RM700 juta ke-RM800 juta, adakah angka ini RM290,000 satu bahagian dari pampasan yang akhirnya disetujui dan kalau begitu apakah angka yang sebenarnya.

Kita harap bahawa dalam angka yang dicapai untuk memberi pampasan satu kertas putih dibentang dalam Parlimen ini untuk memberi breakdown, butiran-butiran untuk memberi justifikasi kenapa tuntutan angka itu disetujui, oleh kerana kita tidak mahu berlaku apa-apa syak wasangka yang ada disebut bahawa ada satu bailout untuk kroni-kroni dalam jenis pampasan ini. Saya harap oleh kerana sudah begitu lama satu angka yang terakhir boleh diberi sama ada keputusan dan cara bentuk keputusan dicapai.

Kedua, ada dua permohonan dalam kedua-dua Kertas Perintah ini iaitu peruntukan tambahan untuk Danaharta. Satu ialah untuk RM250 juta dan lagi satu ialah RM1 bilion yang menunjukkan bahawa perlulah satu akauntabiliti kepada Parlimen ini mengenai cara Danaharta menjalankan urusannya dan kita mahu satu laporan yang lengkap dibentang dalam Parlimen mengenai pembelian NPL oleh Danaharta dari semua syarikat dan khasnya bahawa tidak ada bailout dan kita harap bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberi penjelasan di sini khasnya mengenai sebab kenapa Danaharta boleh membeli NPL daripada Tan Sri Halim Saad, 'hot Pick' ialah bernilai RM3 bilion yang kita tahu adalah untuk National Steel Corporation of Philippines, satu urusan di luar negeri. Adakah Danaharta akan mengambil alih dan menjalankan urusan National Steel Corporation of Philippines, apa kebolehan, apa kesanggupan, apa keupayaan Danaharta untuk menjalankan urusan

ini dan bukankah ini satu contoh di mana tanpa kriteria yang boleh meyakinkan rakyat jelata bahawa tidak ada bailout, inilah satu usaha untuk menyelamatkan kroni-kroni sahaja.

Kita ada terbaca dalam surat khabar mengenai tindakan yang diambil terhadap mereka yang ada seorang, dua orang dalam Sime Bank oleh kerana apa yang berlaku di Sime Bank tetapi apa yang kita mahu ialah bahawa semua yang bertanggungjawab oleh kerana NPL sama ada di bank-bank atau di syarikat-syarikat yang menyebabkan krisis kewangan yang berlaku yang begitu serius di negara ini semua diambil tindakan, kita tidak mahu selective prosecution untuk tujuan tertentu sahaja, tetapi across the board tidak ada selectivity sesiapa sama ada kroni-kroni atau mereka yang sangat dekat dengan mereka yang powered, semua tindakan akan diambil.

Di sini saya mahu tanya kenapa tiada tindakan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab mengenai kerugian yang begitu besar dalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad, dalam dua belas tahun tiga kali perlu bailout oleh kerajaan yang meningkat RM4.5 atau RM6 bilion, tidakkah seorang yang perlu bertanggungjawab, tidakkah seorang yang perlu diheret ke mahkamah oleh kerana kecuaiian atau penyelewengan atau pecah amanah dan kalau tidak ada 'hair cut' untuk menunjukkan adalah perlu mereka memikul tanggungjawab adalah moral hazard bagaimana kita boleh mengadakan satu sistem yang boleh memastikan tidak berulang kali krisis-krisis kewangan yang disebabkan oleh kerana kecuaiian penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa, mereka bertanggungjawab di beberapa sektor.

Saya harap untuk masa depan khususnya mengenai Danaharta bahawa satu laporan lengkap boleh diberi untuk memberi penjelasan kenapa keputusan dibuat untuk membeli NPL atas apa-apa jumlah diskaun, kenapa ada perbezaan dan cara untuk mengurus balik perniagaan tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sipitang.

11.50 pagi

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Tuan Pengerusi, di bawah Maksud P.28 Butiran 14000 – Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin sebanyak RM150 juta.

Oleh kerana masalah ekonomi negara pada tahun lalu dan berlanjutan hingga sekarang dan nilai ringgit telah menurun, berapakah bilangan ataupun keluarga yang dikategorikan di taraf termiskin pada masa ini dan jikalau ada berapakah penambahan keluarga termiskin ini. Ini yang perlu kita aturkan untuk merancang setiap daerah kerana keluarga ini perlu dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu masalah yang kita lihat bahawa untuk mengenal pasti keluarga termiskin ini di peringkat daerah dan kampung, siapakah sebenarnya yang dipertanggungjawabkan untuk mengenal pasti keluarga ini, jabatan mana dan agensi mana yang bermesyuarat melawat ke rumah memastikan bilangan ataupun keluarga yang miskin.

Saya kurang berpuas hati dari segi tatacara mengenal pasti keluarga termiskin ini kerana bila kita melihat ke kampung ada rumah-rumah ataupun keluarga yang miskin tidak termasuk dalam senarai, ada pula keluarga yang boleh dikatakan selesa menjadi orang miskin. Jadi, saya mohon supaya jawatankuasa ini dikaji semula oleh kementerian supaya lebih berkesan dan matlamat kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan ini berjaya.

Tujuan kerajaan untuk menghapuskan bilangan kemiskinan di negara ini memang di sanjung tinggi oleh badan-badan di seluruh dunia dan Malaysia adalah negara yang boleh dikatakan mempunyai program yang begitu teratur, tetapi apakah kerajaan berpuas hati dengan pencapaian kita sekarang yang cuma kita tumpukan mengatur rumah-rumah untuk mereka, kerana banyak yang miskin sudah ada rumah

tetapi tidak terkeluar juga daripada keadaan kemiskinan ini. Apakah rumah ini betul-betul perlu, apakah kerajaan berpuas hati dengan cuma rumah sahaja ataupun keluar daripada program yang lain, yang ada sekarang ini.

Di peringkat daerah pula, kita lihat pelaksanaan tidak begitu serius, kalau ada mesyuarat pun kalau diberitahu tidak ada jadual mesyuarat yang khusus untuk melaksanakan program-program rakyat termiskin ini, apakah kerajaan sedar sekarang ini bahawa mesyuarat itu telah pun diteliti ataupun dikaji dari segi follow-up ataupun untuk kajiannya mengenal pasti masalahnya ataupun apakah pencapaian setiap daerah untuk program rakyat termiskin ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kerajaan sekarang ini tidak melihat satu aspek lain iaitu aspek pendidikan tentang keluarga rakyat termiskin ini, di samping peruntukan yang kita peruntukkan beratus juta ringgit, kenapa kita tidak mengambil sebahagian daripada duit ini mengenal pasti anak-anak ataupun keluarga rakyat termiskin ini supaya diberi bantuan sepenuhnya dihantar ke sekolah-sekolah supaya mereka mendapat pendidikan dan melalui pendidikan ini mereka akan bekerja, bermakna ahli keluarga ini akan bekerja dan mengikut pengalaman kita jikalau ada salah seorang daripada ahli keluarga rakyat termiskin itu mempunyai pendidikan yang baik dan juga pekerjaan yang baik, secara automatik keluarga yang miskin itu akan dibawa keluar daripada kemiskinan. Apa tidaknya anak-anak ini sebagai anak istimewa yang diberi pendidikan khusus, diberi bimbingan khas kelas tambahan khusus ataupun duduk di asrama supaya mereka ini mendapat pekerjaan yang baik dan saya pasti mereka akan membawa keluarga mereka ini keluar daripada kemiskinan.

Saya mohon jawapan dan juga penjelasan daripada kementerian untuk masalah ini. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan.

11.56 pagi

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Mengenai Butiran 14000 – Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin, bolehkah Yang Berhormat senaraikan berapakah target atau yang telah dikenal pasti untuk setiap negeri di Malaysia ini yang memerlukan pertolongan dari segi penyiapan rumah-rumah untuk rakyat yang termiskin.

Dalam situasi ini apakah rasional di mana beberapa orang atau keluarga yang betul-betul termiskin yang telah dikenal pasti akan tetapi tidak dapat menerima rumah tersebut oleh kerana tidak ada wang untuk membelinya dan walaupun layak, walaupun kerajaan berniat tetapi mereka tidak boleh memperolehi rumah tersebut kerana tidak ada wang untuk membayar ansuran dan sebagainya.

Dalam keadaan yang sedemikian apakah strategi kerajaan supaya mereka yang betul-betul memerlukannya dapat menerimanya walaupun mereka tidak dapat membayar ansuran dan sebagainya. Dan juga dalam keadaan ini, apakah means test, standardnya pendapatan mereka adakah ia seperti yang dikatakan hardcore poor sahaja yang layak ataupun lain kriteria yang digunakan.

Untuk kerajaan-kerajaan negeri seperti negeri Perak di mana beberapa estet-estet di mana betul-betul rakyat termiskin yang ada di sana tidak diberi apa-apa peruntukan rumah-rumah walaupun beberapa peruntukan telah dipohon dan diberi oleh kerajaan, apakah sebab ini berlaku seperti di kawasan saya sendiri di mana ada beberapa pekerja estet dan ladang yang hanya berpendapatan tidak sampai RM500 sebulan dan tidak ada rumah-rumah disediakan, walhal orang-orang yang berpendapatan lebih dari itu, di pekan-pekan lain telah diberi keutamaan dengan koneksi dan pilih kasih. Apakah rasional dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, di negeri Perak walaupun kerajaan negeri sendiri telah mengatakan bahawa beberapa target yang membina rumah telah disediakan tetapi setiap tahun mereka tidak mencapai matlamat tersebut, apakah sebab ini terjadi, bila

kita perlu memberi keutamaan kepada pihak yang betul-betul memerlukan dan banyak dalam kes-kes ini adalah orang-orang yang duduk sebagai setingan, di mana dipaksa keluar, dipukul walhal kerap kali tanah-tanah tersebut adalah kepunyaan kerajaan sendiri yang telah memberi kepada pihak yang ada connection yang tertentu kepada kerajaan.

Adakah apa-apa study yang telah dibuat supaya mengenal pasti dan ekoran dari itu walaupun mereka telah dihalau keluar dari tempat itu, mereka akan diberi rumah-rumah mengikut apa yang dipohon hari ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai Projek Hidroelektrik Bakun, tahun dahulu bila masa itu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa Price Water House telah dilantik untuk mengenal pasti berapakah pampasan yang perlu diberi untuk setiap projek yang dikendalikan oleh EKRAN dan sebagainya.

Adakah wang yang dipohon hari ini dan wang-wang yang diperuntukkan sebelum ini semua ini adalah yang telah ditaksir oleh Price Water House yang munasabah dan selanjutnya bayaran itu telah dibuat tertakluk kepada pandangan dan arahan dari Price Water House.

Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini, bahawa apakah pandangan Price Water House mengenai pembayaran pampasan kepada pihak-pihak yang telah membuat permohonan sedemikian.

Juga mengenai projek ini, adalah dikatakan oleh beberapa expert, dengan izin, bahawa ia tidak boleh tahan earthquake, gempa bumi yang kuat dari 6.5 hectare scale, seperti yang telah berlaku di Jepun, tiga, empat tahun dahulu, adakah ini benar dan kalau projek ini disiapkan bukannya ia akan membazirkan kalau gempa bumi seperti

sekuat ini yang dijadualkan, yang dikatakan akan berlaku di Sarawak tidak lama lagi, kita tidak tahu bila.

Jadi adakah faktor-faktor itu telah diambil kira atau selepas projek ini telah disiapkan musnah, habis sekali gus dan pampasan perlu lagi dibayar?

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh mengenai Danaharta. Bolehkah Yang Berhormat beritahu apakah keperluan kita memberi suntikan melalui Danaharta pada bank-bank? Ini lebih memandangkan statutory reserve ratio yang dulunya 13.5% yang telah dikurangkan ke 4% dan dengan sekali gus RM40 bilion telah disuntikkan kepada bank-bank. Maka apakah perlu lagi NPL dibeli atau diambilalih oleh Danaharta dan apakah strategi yang sedia ada yang telah disiapkan oleh kerajaan supaya perkara di mana masalah NPL ini tidak akan berlaku. Bukankah pihak-pihak yang berada di bank perlu lebih waspada kepada problem atau masalah ekonomi pada masa hadapan. Bukankah masalah ini adalah masalah pada pekerja-pekerja atau dalam management bank-bank di negara ini. Apakah yang telah dibuat, apakah tindakan tegas telah diambil supaya perkara macam ini tidak akan berlaku. Saya mengatakan perkara ini kerana kalau kita tengok NPL ini adalah banyak berlaku di bank-bank yang mengendalikan perniagaan di negara ini. Kalau kita tengok bank-bank luar negara yang ada di negara ini, kenapa NPL mereka itu tidak teruk? Kenapa mereka dapat mengambil tindakan supaya mengelak perkara macam ini terjadi? Kenapa bank-bank di negara kita ini seperti Bank Bumiputra, bank-bank yang lain, yang besar semua ini terperangkap dalam situasi yang tidak dapat dielak dan apakah sebab kita memerlukan Danaharta untuk menolong mereka, walhal kita ada suntikan-suntikan wang. Lebih kurang RM40 bilion yang telah diberi melalui kekurangan SRR, bukannya dia sendiri boleh mencari jalan untuk mengatasi masalahnya dan bukan setiap kali bank mengadakan atau ada masalah kerajaan perlu menolong macam orang kata, 'the baby never grows up or over grown baby', tidak

habis-habis. Adakah kerajaan akan memberi guarantee bahawa selepas ini tidak ada problem macam ini akan berulang. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, sila jawab.

12.03 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini dan saya akan pergi kepada isu dan bukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu ini.

Pertamanya, mengenai subsidi petroleum, kita tahu bahawa subsidi petroleum ini bukannya minyak tetapi gas dan kita telah pun memberi subsidi ini daripada kajian harga barang-barang petroleum pada bulan lepas, kerajaan telah memutuskan supaya kadar subsidi LPG yang diberikan kepada syarikat minyak di seluruh negara untuk Februari 1999 dinaikkan kepada RM80.06 sen 1 kilogram bagi Semenanjung Malaysia dan RM74.38 sekilogram bagi Sabah dan RM74.94 sekilogram bagi Sarawak. Jadi oleh kerana itu, anggaran peruntukan yang diperlukan untuk pembayaran subsidi tersebut petroleum LPG ini, Semenanjung jualan sebulan kilogram yang kita kaji ialah sebanyak RM81,130,000.00 dan peruntukan sebulan RM64,952,600.78. Di Sabah dengan kadar subsidi Februari, RM74.38 sekilogram tadi, jualan sebulan ialah sebanyak RM5,400,000.00 dan peruntukan sebulan RM4,016,520.00 dan bagi Sarawak kadar subsidi Februari RM74.94 sekilogram, jualan sebulan di Sarawak ialah RM6,290,000.00 dan peruntukan sebulan ialah sebanyak RM4,713,726.00, jadi jumlahnya ialah sebanyak RM60,177,614.00. Jadi, ini ialah tiap-tiap tahun kita minta subsidi ini dan perkara ini telah pun dibincangkan dengan luas dahulu.

Mengenai tambahan peruntukan Kumpulan Amanah Pegawai-Pegawai yang telah dibangkitkan ialah mengenai untuk memberi pendahuluan kepada pegawai-

pegawai awam bagi maksud gaji kakitangan awam, pendahuluan ganjaran pekerja kerajaan, menyelesaikan surcaj, bayar tunggakan caruman, mendapatkan balik gaji dan sebagainya. Setakat ini jumlah peruntukan yang diluluskan bagi kumpulan wang ini ialah sebanyak RM123.7 juta.

Banyak Yang Berhormat bangkitkan mengenai Dana Pembangunan Prasarana termasuk Yang Berhormat Kepong tadi dan pada 1 Julai 1998, perubahan Dana Pembangunan Prasarana atau IDF sebanyak RM5,000 juta telah diumumkan bertujuan untuk membantu memulihkan beberapa projek prasarana yang tertangguh. Sehubungan dengan itu Syarikat Prasarana Negara Berhad, syarikat tersebut telah ditubuhkan pada 11 Ogos 1998 di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai satu vehicle untuk merancang perolehan dana dan mengurus penggunaan dana tersebut. Jadi, perjanjian bagi perolehan modal Fasa 1 telah dimeterai pada bulan 26 Ogos 1998, dana sebanyak RM1 bilion telah diperolehi sepenuhnya pada 28 Ogos 1998 dan telah didepositkan semula dalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad sebanyak RM680 juta, Bank Islam – RM40 juta dan sebagainya.

Kegunaan dana itu seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kepong tadi, namun begitu prioriti projek yang dibiayai oleh dana prasarana ini bagi 1998 ialah Projek KL Central, Projek Pembangunan Cyber Jaya dan juga projek Lebuhraya Selat Klang, Projek Rail KL-Sepang oleh ERL dan hasil daripada itu satu perkembangan baru telah pun diadakan iaitu MTEN dalam mesyuaratnya pada 15 Oktober 1998 dan jemaah menteri mesyuaratnya pada 21 Oktober 1998 telah bersetuju supaya syarikat ini SPNB ini dipindahkan segala fungsi, aset dan liabilitinya kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, dipinda namanya menjadi Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad (PBIMB). Perkara perpindahan ini telah dilaksanakan pada 1 April 1999, kini SPNB masih dikekalkan sebagai sebuah syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan).

Banyak Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan masalah Yayasan Perumahan Untuk Termiskin ini. Semua Ahli Yang Berhormat peka kepada masalah ini dan status kini, yayasan ini ialah semenjak bermulanya program ini pada tahun 1994, ianya telah dilaksanakan dengan jayanya dalam tempoh yang singkat di seluruh negara seperti mana terbukti dari jumlah 31 projek yang telah dilaksanakan, 23 projek dengan bilangan 9,232 unit telah siap diduduki, 7 projek dengan bilangan 5,263 unit sedang dalam pelbagai peringkat pembinaan sementara satu projek bilangan 250 unit akan bermula pembinaan sebelum akhir tahun ini. Jadi, secara puratanya program ini berjaya menyumbang sebanyak 3,624 unit setahun kepada stok perumahan kos rendah negara. Ini tidak termasuk sejumlah 766 unit yang dibina dalam peringkat rendah Angkatan Tentera Malaysia. Jadi untuk negeri-negeri - Wilayah Persekutuan kita sudah belanja RM115 juta, Terengganu - RM15 juta, Sabah - RM15 juta, Perlis - RM5 juta dan lain-lain negeri semuanya RM5 juta. Perak ada 'kurungan' estet, jadi dapat dilihat bahawa kriteria pengagihan dalam berdasarkan kejayaan dan preman positif program ini oleh kerajaan negeri itu sendiri. Agensi pelaksana sepanjang tempoh pelaksanaan program ini ialah kerajaan negeri.

Satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sipitang tadi, mengenai siapa yang akan menentukan orang itu miskin atau tidak, kita ada satu unit di Jabatan Perdana Menteri, Unit Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan dan ia ada kriteria-kriteria yang berkenaan.

Ada yang bangkitkan bahawa rumah murah diberikan kepada orang yang tidak miskin. Tetapi dalam pemerhatian kita ialah apa yang berlaku rumah murah itu dipunyai oleh orang miskin, orang miskin itu ramai anak dia, jadi kerajaan bagi bantuan scholarship dan mereka telah pergi ke luar negeri dan juga IPTS, IPTA tempatan dan mereka apabila berjaya membantu ibu bapa mereka

dan mereka membesarkan rumah murah itu. Jadi nampaklah sekarang rumah murah itu ada yang besar, ada yang kecil kerana anak-anak mereka telah berjaya dan besarkan rumah itu. Tetapi apa yang kita cadangkan sekarang ini yang telah dibuat oleh local government (kerajaan tempatan) ialah untuk mencantikkan rumah-rumah murah ini supaya tidak ada yang besar, yang kecil dan sebagainya, kita buat dua set pelan, satu pelan rumah murah asli yang asal, satu pelan penyambungan dan pelan penyambungan ini boleh dibeli dengan harga yang murah di local government yang berkenaan apabila hendak membuat perubahan dan pertambahan, 'modification' dengan izin, dan sebagainya. Jadi, dengan itu apabila kita beli standard plan untuk pengunjuran rumah itu dapatlah kita lihat standard plan itu cantik dan mereka sama sahaja, tidak ada yang rendah, tidak ada yang kecil dan sebagainya.

Untuk DBKL dikenal pasti untuk dilaksanakan serta-merta adalah seperti berikut:

1. Jalan Klang Lama
2. Pudu, Ulu Cheras
3. Jalan Jelatek
4. Air Jernih, Setapak
5. Kampung Limau, Jalan Pantai Dalam

Jadi sebagai permulaan disyorkan supaya yayasan ini memajukan dua projek dengan serta-merta iaitu pembangunan lot, 492 Kampung Pasir, Jalan Klang Lama

sebanyak 11.17 ekar dan pembangunan rumah panjang Jalan Pudu, Ulu Cheras sebanyak 10.8 ekar.

Status pelaksanaan kemajuan semasa projek yayasan ini untuk makluman Yang Berhormat, perumahan untuk termiskin jumlahnya 27 projek, pembiayaannya ialah RM583.40 juta dan perumahan anggota tentera berpangkat rendah jumlahnya 4 projek dan pembiayaannya RM65.21 juta. Jadi jumlahnya RM648.61 juta. Jadi ringkasan Projek Perumahan Untuk Rakyat Termiskin setakat 31 Mac 1999 yang terkini yang sedang dan akan dilaksanakan seperti berikut - siap projek ialah sebanyak 24 projek dan pembinaan 7 projek, jadi jumlahnya 31 projek.

Kalau dilihat daripada angka-angka ini, nanti saya beri kepada Yang Berhormat Teluk Intan yang hendakkan angka-angka tadi saya akan berikan angka-angka ini kemudian, ya.

Satu lagi isu yang dibangkitkan ialah mengenai Bakun. Ini isu yang top sekali yang dibangkitkan, saya mengucapkan terima kasih. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat pada awal tahun 1999, pihak Bakun Hydroelectric Corporation Berhad (BHC) telah bersetuju untuk menerima tawaran pengambilalihan projek oleh kerajaan. Oleh itu peruntukan tambahan sebanyak RM290.2 juta adalah diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan yang telah disediakan pada tahun 1998 untuk mengambil alih projek dan menyiapkan pembinaan River Diversion Tunnel yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Kepong.

Kerajaan akan mengambil alih aset dan liabiliti BHC termasuk Terowong Pengalihan Sungai (River Diversion Tunnel) ini Bakun Resort, Lapangan Terbang Bakun, Jeti, wang tunai sebanyak RM100 juta dan dokumen-dokumen penting mengenai projek tersebut. Dalam pada itu, kerajaan perlu membuat bayaran kepada pihak-pihak yang berikut. Jadi bukan sahaja kepada Ekran yang diperkatakan tetapi kita pergi kepada sub-subnya sekali, institusi kewangan RM436 juta, Ekran Berhad -

RM390 juta, Dong Ah - RM24 juta, pemegang-pemegang saham BHC RM100 juta. Sehubungan itu, rundingan mengenai terma dan syarat-syarat pengambilalihan telah dimaklumkan dan dimulakan antara kerajaan dengan Bakun Hydroelectric Corporation, draf perjanjian ini akan dimuktamadkan dalam sedikit masa lagi, selepas perjanjian ini ditandatangani segala bayaran-bayaran kepada pihak-pihak yang terlibat akan dibuat. So dalam tempoh interim sebelum perjanjian dimuktamadkan, satu memorandum of understanding akan ditandatangani antara kerajaan dengan BHC supaya pasukan petugas yang dilantik oleh kerajaan boleh memasuki kawasan tapak projek untuk menjalankan kerja-kerja pengawasan. Kerajaan juga bercadang untuk menyiapkan pembinaan River Diversion Tunnel ini dan rundingan sedang dijalankan kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPE atau EPU) dengan pihak terlibat untuk menyiapkan kerja-kerja.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong mengenai Hydroelectric Bakun ini ialah lebih megawatt. Jadi dia kata Sarawak memerlukan sekian-sekian banyak tetapi sekarang ada lebih apa yang hendak dibuat, jadi kita menyatakan bahawa lebih ini akan diberi ke Sarawak, Sabah dan Brunei. Jadi dalam perancangan kita Foreign Direct Investment (FDI) akan datang ke negeri-negeri berkenaan di Sabah dan Sarawak. Kalaulah mereka datang baru kita hendak mulakan, saya rasa tentulah kita terlambat. Jadi, oleh kerana ini kita memulakan dahulu dan dalam penjualan kita supaya FDI masuk ke negara kita mereka hendakkan supaya infrastruktur-infrastruktur itu telah sedia ada. Jadi, dalam hal ini kalau pun tidak kita salurkan kata Yang Berhormat tadi, melalui laut, dasar laut untuk ke Semenanjung tetapi yang ada sekarang ini lebihannya juga cukup untuk menampung masa akan datang di Sabah, Sarawak dan juga di Brunei. Dengan cara inilah koridor-koridor kita, anjung-anjung kita di negeri-negeri yang lain di Malaysia ini dapat kita majukan.

Mengenai jumlah bayaran pengalihan projek yang ditawarkan kepada Bakun Hydroelectric Corporation pada awal tahun 1998, berdasarkan perbelanjaan BHC

pada November 1997 ialah sebanyak RM811 juta. Setelah berunding pihak kerajaan dan BHC telah bersetuju dengan amaun RM150 juta di mana kerajaan mengambil kira kerja-kerja yang masih dilaksanakan oleh BHC dari projek Bakun sebelum jumlah ini dimuktamadkan. Apabila segala proses pengambilalihan projek ini diselesaikan, kerajaan akan menjelaskan sewajarnya mengenai butir-butir pengambilalihan ini.

Untuk Yang Berhormat Kubang Kerian, kerajaan telah pun meminta TNB untuk mengendalikan cadangan untuk melaksanakan semula projek-projek Bakun ini dan tidak diberi kepada anak-anak syarikatnya EKCRAN dan sebagainya.

Isu yang lain yang menarik perhatian Yang Berhormat ialah mengenai KTMB. Ini banyak yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat. Jadi, ingin saya maklumkan bahawa selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 13 September 1995 berkaitan dengan Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Kulai, Johor Bahru ke Tanjong Pagar, Singapura di mana kerajaan telah memutuskan untuk menamatkan projek ini di Johor Bahru sedangkan KTMB telah menandatangani Kontrak Setuju Terima dengan pembekal UCW ini. UCW ini ialah Union Carriage & Wagon, Afrika Selatan pada 18 Jun 1946. Ini kerana yang dikatakan tadi, apabila kita ada permasalahan di antara Singapura dan Malaysia. Jadi cadangan kita ialah daripada Kulai, Johor ke Tanjong Pagar, Singapura. Jadi oleh kerana itu, kerajaan telah melihat seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Balik Pulau, kalau kita teruskan, kita rugi, kalau kita berhentikan, ruginya sedikit sahaja.

Jadi, pada 11 Disember 1996, kerajaan telah memutuskan untuk menamatkan projek ini di Johor Bahru sedangkan KTMB pula telah menandatangani Kontrak Setuju Terima dengan pembekal UCW, Afrika Selatan tadi yang mengikatnya dari segi pembelian pada 18 Jun 1996.

Jadi, KTMB telah memohon kontrak pembelian tersebut dibatalkan dan akibat dari permohonan pembatalan ini, pihak UCW telah minta pampasan berjumlah US\$33.4 juta ataupun RM133.6 juta.

Berikutan dengan permohonan pembatalan tersebut, KTMB memaklumkan bahawa satu pasukan pakar yang terdiri daripada KTMB, Price Waterhouse dan Borbadia telah diarah menjalankan pemeriksaan fizikal ke atas EMU dan due diligence bagi menentukan kos sebenar terlibat sekiranya kontrak pembelian ini dibatalkan. Jadi, kumpulan pakar berkenaan telah mengesahkan bahawa kos sebenar yang diperlukan untuk membayar pampasan berkenaan adalah sebanyak US\$16 juta ataupun RM60.808 juta dan pecahannya adalah seperti berikut; kos pembatalan bekalan 24 set train elektrik ialah US\$15 juta; kos perkapalan bagi alat-alat ganti dan komponen-komponen train elektrik dari Afrika Selatan balik ke Malaysia itu ialah US\$1 juta; jadi US\$16 juta dan bukannya jumlah pampasan yang diminta yang lebih tinggi daripada itu.

Yang Berhormat dari Balik Pulau juga membangkitkan maksud butiran T – Tanggungan 11. Tuan Pengerusi, kita selalu berbincang cuma ‘P’ dengan ‘B’ sahaja tetapi T11 ini bayaran balik cukai. Adakah ini merupakan kekurangan hasil tahunan 1998. Kita jarang membincangkan T ini tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bayaran balik cukai tidak dianggap sebagai pengurangan hasil kerana ini adalah hasil cukai yang terlebih bayar yang perlu dipulangkan balik kepada yang berkenaan. Jadi, T11 Ringgit Malaysia yang merupakan bayaran balik yang perlu dibayar setelah cukai sebenar diketahui dan oleh kerana itu dioffset balik. Jadi, tidak ada kerugian di sini.

Tuan Pengerusi, sampai di sini sahaja penggulungan saya bagi pihak kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM206,420,560 untuk Maksud B.29; RM9,409,450,403 untuk Maksud B.30; dan RM421,862 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM206,420,560 untuk Maksud B.29; RM9,409,450,403 untuk Maksud B.30; dan RM421,862 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM405,000,020 untuk Maksud P.28 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1998; dan perbelanjaan sebanyak RM2,041,000,000 untuk Maksud P.28 dan RM500,000,000 untuk Maksud P.53 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM405,000,020 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998; dan wang sebanyak RM2,041,000,000 untuk Maksud P.28 dan RM500,000,000 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999.

Maksud B.40 [Jadual Pertama] –

Maksud P.37 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998] –

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.40 dan Kepala Pembangunan P.37 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Kepong.

12.25 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, B.40 dan P.37 mengenai Jabatan Penjara. Di sini saya hendak mengetahui keadaan sekarang, ini masalah prison management regulations, Tuan Pengerusi. Peraturan-peraturan ini telah pun diadakan pada tahun 1953 dan di dalam tempoh 45 tahun ini memang ada banyak perkara yang telah berlaku terutamanya dari aspek hukuman, hak untuk waris-waris untuk melawat dan sebagainya sudah berubah. Saya hendak mengetahui bilakah prison management regulations ini akan dimansuh ataupun diganti dengan peraturan-peraturan yang baru kerana kita perlu mengkaji semula keadaan di penjara kita terutamanya kerana kita belum ada laporan mengenai keadaan di penjara kita ini, walaupun sejak beberapa

bulan ini kerana bekas Yang Berhormat dari Kota Melaka sudah masuk penjara, kemudian kita nampak ada juga masalah-masalah yang belum diselesaikan oleh pihak kementerian. Sebab itulah saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab setakat mana pihak kementerian sudah membuat persiapan untuk mempertingkatkan, memperbaiki keadaan di penjara. Dengan itu satu peraturan baru dikenakan untuk memperbaiki keadaannya.

Tuan Pengerusi, dengan adanya emolomen ini saya pun berharap pihak penjara dapat memberi perhatian yang lebih kepada keadaan dadah di penjara. Daripada hampir 25,000 banduan di penjara, Tuan Pengerusi, banduan dadah adalah hampir 15,000 orang. Ini bermakna hampir 51% adalah banduan kena mengena dengan dadah, sama ada penagihan dadah ataupun jenayah yang dilakukan kerana dadah. Banduan-banduan dadah ini memang merupakan satu masalah yang besar di negara ini terutamanya kapasiti penjara kita hanya untuk lebih 20 orang banduan sahaja, sekarang kita ada 25,000 banduan, ini bermakna ada kesesakan di dalam penjara kita. Dengan keadaan kesesakan ini, maka kita nampak pihak kementerian tidak dapat memperbaiki keadaan yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, saya menyeru supaya kementerian mengambil perhatian yang lebih dengan kajian yang lebih dan langkah-langkah yang lebih ketat untuk mengawal keadaan dadah di penjara kerana kalau tidak silap saya, pada tahun lepas ataupun tahun 1997 ada lebih kurang 50 pegawai yang mengedar dadah. Lebih 50 di seluruh negara dan ada 48 dibuang kerja. Ini bermakna sistem penjara kita dengan pegawai-pegawai yang dilatih tidak mencukupi untuk meningkatkan disiplin di kalangan pegawai penjara dan ada juga misalnya rampasan di dalam penjara.

Pada tahun lepas memang ada hampir 48 kes rampasan dadah di penjara, tahun 1997 ada 63 kes rampasan. Rampasan itu memang kita menemui kes-kes ini, daripada setiap kes rampasan dadah di penjara memang mungkin ada banyak lagi tidak dikenali atau tidak dibongkarkan. Mungkin bagi setiap kes rampasan dadah di dalam penjara mungkin ada lima kes yang tidak dibongkarkan. Inilah masalah di penjara kita dan saya

pun tidak tahu cara-cara menyeludup dadah daripada luar ke penjara. Mungkin dengan otak yang pintar mereka dapat mencari jalan melalui orang yang melawat, melalui cara-cara luar jangka atau luar dugaan untuk masuk ke penjara. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan di sini, sekarang apakah langkah daripada pihak penjara untuk mencegah pengedar dan penagih dadah di penjara kita dan apakah rancangan yang baru untuk menyelesaikan masalah yang serius ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bagan.

12.32 tgh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini menyertai perbahasan untuk P.37 iaitu Jabatan Imigresen di mana kita diminta supaya menimbangankan satu permohonan RM7.3 juta untuk membiayai sebahagian kos projek pengkomputeran Jabatan Imigresen.

Tuan Pengerusi, pengkomputeran di Jabatan Imigresen kepada umumnya adalah satu jentera untuk merekod rekod-rekod atau latar belakang seseorang pemegang pasport atau warganegara asing yang datang ke negara kita dan dengan peralatan komputer ini, sepatutnya apa-apa maklumat dan pertanyaan berkenaan dengan imigresen atau pasport adalah satu perkara yang mudah dijawab sahaja.

Tuan Pengerusi, saya ada satu aduan daripada ADUN Batu Lancang, Pulau Pinang di mana beliau telah menghantar sepucuk surat kepada Jabatan Imigresen Pusat untuk meminta kedudukan seorang warganegara asing yang bekerja di Pulau Pinang. Surat bertarikh 28 Disember 1998 dan seterusnya beliau ada satu surat lagi iaitu bertarikh 5 Januari 1999 tetapi sehingga sekarang ini beliau belum lagi mendapat apa-apa jawapan daripada Jabatan Imigresen berkenaan dengan hal ini. Dengan ringkasnya saya ingin membacakan kandungan surat itu. Yang Berhormat Chong Eng ADUN dari kawasan Batu Lancang, beliau ingin menyoalkan seorang warganegara Britain iaitu Mark Ostin @ Mark Ignatius Utteley. Beliau adalah seorang warganegara Britain, beliau bekerja sebagai seorang residen konduktor untuk Penang State Symphonic Orchestra (PESSOC) sejak tahun 1996. Beliau

difahamkan bahawa kontrak beliau telah tamat dalam bulan September 1998 dan beliau sedang memohon permit kerja dalam negara kita. Yang Berhormat Chong Eng akan berbesar hati jika pihak imigresen dapat memberitahu beliau apa status imigresen beliau iaitu sama ada beliau telah mendapat permit kerja ataupun beliau sekarang berada di negara kita dengan social pass. Yang Berhormat Chong Eng juga ingin tahu jika beliau diberi permit kerja sebagai residen konduktor PESSOC, bolehkah beliau bekerja sambilan. Yang Berhormat Chong Eng kepilkan salinan untuk menunjukkan beliau bekerja di sebuah hotel di Penang daripada 20 Disember 1998 hingga 2 Januari 1999. Beliau berharap pihak imigresen dapat mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, surat kedua iaitu bertarikh 5 Januari 1999 ini, beliau difahamkan bahawa imigresen telah mengambil tindakan dengan membawa Mark Ostin ke balai polis untuk soal siasat pada 29 Disember 1998 dan beliau akan berbesar hati jikalau dapat diberitahu kedudukan setakat ini iaitu sama ada beliau boleh dibenarkan bekerja di hotel ataupun di tempat yang lain. Jikalau beliau telah melanggar peraturan imigresen dengan bekerja di hotel, adakah tindakan lanjut akan diambil ke atas beliau. Adakah permit kerja beliau membenarkan beliau memberi private tuition dengan mengambil upah. Segala pertanyaan ini sampai sekarang belum dijawab oleh pejabat imigresen dan saya berharap dengan peluang ini, walaupun masa yang singkat ini tidak dapat dijawab di dalam Dewan yang mulia ini tetapi bolehlah terus menjawab kepada Yang Berhormat Chong Eng iaitu ADUN Batu Lintang seperti apa yang telah saya bacakan.

Tuan Pengerusi, Maksud B.40 – Jabatan Penjara dan juga satu permohonan untuk meminta RM1.64 juta untuk membiayai pembayaran emolumen kakitangan Jabatan Penjara. Tuan Pengerusi, tempoh hari dalam Dewan yang mulia ini ramai di antara kita telah membangkitkan suasana atau keadaan kehidupan di dalam penjara. Sebenarnya kepada mereka yang tidak pernah masuk atau menjejaki penjara, mereka tidak tahu apakah keadaan di dalamnya tetapi kami mendapat maklumat bahawa

kehidupan dalam penjara ini memang mendukacitakan. Yang pertama kerana makanannya – mungkin makanannya telah ditender kepada kontraktor-kontraktor yang membekal makanan dan mungkin mutu makanan itu tidak setimpal dengan harga yang ditender. Oleh kerana itu ramai banduan telah mengadu bahawa makanan di dalam penjara itu tidak dapat dinikmati.

Tuan Pengerusi, juga masa membekalkan makanan. Saya difahamkan pada hari Ahad, dinner iaitu makan malam diberi pada pukul 2.00 atau 2.30 petang. 2.30 petang telah diberi makanan untuk malam dan jikalau mereka terus makan makanan itu pada pukul 2.30 atau 3.00 petang, maka malamnya bagaimana hendak tunggu sehingga besok pagi, lapar sangat. Jikalau hendak simpan makanan itu, pada pukul 2.00 atau 2.30 petang simpan sehingga pukul 7.00 atau pukul 8.00 malam baru mahu makan, barang itu sudah rosak, sudah tidak boleh dimakan. Jadi, saya berharaplah segala pengaduan berkenaan dengan penjara terutama sekali makanan ini perlu diambil perhatian oleh pihak penjara.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lim Hock Seng: Sudah cukup. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Teluk Intan.

12.38 tgh.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. B.40 Jabatan Penjara. Seperti yang kawan saya nyatakan terdapat beberapa perkara aneh yang berlaku di penjara kita. Saya sendiri baru-baru ini telah berjumpa dengan Lim Guan Eng iaitu bekas Ahli Parlimen Kota Melaka di mana beliau menyatakan kepada saya sendiri bahawa pada satu hari Ahad, dia telah diberi sebiji telur dan satu pinggan nasi dan bila dia hendak mulakan makan, telur yang diberi itu ialah telur yang sudah rosak. Jadi, dia hanya dapat makan nasi putih sahaja dengan air dan saya difahamkan ini bukanlah satu isolated incident dan ini sangat berleluasa di penjara. Apakah

tindakan yang diambil kepada pihak-pihak yang menyeleweng. Sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri memberitahu bahawa setiap banduan diberi sebanyak, harga kos mereka adalah lebih kurang RM3 untuk membiayai makanan tetapi standard dan mutu makanan yang diberi adalah sangat kurang puas hati dan tidak rasional langsung. Adakah tindakan yang akan diambil supaya semua banduan diberi apa yang diperuntukkan dari segi undang-undang.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga ingin mengetahui tentang pekerja-pekerja di institusi penjara. Apakah sebab kebanyakan dari mereka itu tidak mendapat taraf yang setanding seperti di lain-lain sektor kerajaan seperti, kalau dibandingkan dengan polis. Walaupun kelayakan yang sama di mana mereka dibenarkan masuk bekerja tetapi apabila datang kenaikan pangkat dan emolument-emolument yang tertentu atau kenaikan gaji, mereka tidak setaraf dengan pihak polis. Saya difahamkan ada banyak di antaranya yang tidak ada insentif, tidak ada proaktif dan hanya bekerja kerana dibayar gaji setiap bulan.

Dalam perkara ini saya ingin menuju kepada satu soalan yang tertentu iaitu seksyen 60 Akta Penjara iaitu mengenai Kumpulan Wang Hadiah Pegawai Penjara. Bolehkah Yang Berhormat beritahu kepada Dewan ini, berapakah yang telah terkumpul dalam seksyen 60 ini kerana seksyen ini sangat tertentu di mana ia mewajibkan wang-wang yang dikutip ini dari beberapa faktor, di mana wang boleh dikutip untuk pegawai-pegawai atasan dan bawahan penjara memberi insentif-insentif yang tertentu. Setakat ini berapa banyak yang telah dikutip untuk fund ini, apakah sumbangan ini telah diberi kepada pekerja-pekerja sebagai insentif. Apakah yang telah terjadi kepada pihak-pihak di mana wang ini telah diberi?

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya juga ingin tahu mengikut seksyen 65 Akta Penjara iaitu tugas hakim pelawat yang mana dikendalikan oleh pegawai-pegawai penjara. Setakat ini berapa kalikah hakim yang ditugaskan telah dihantar ke penjara-penjara seperti di Penjara Kajang, Sungai Buluh dan sebagainya untuk menyiasat keadaan banduan-banduan dalam penjara. Dalam penyiasatan mereka, adakah mereka

telah menerima apa-apa laporan keseksaan atau tidak mengikut standard kriteria yang diwajibkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana dikatakan satu di antaranya ialah diwajibkan standardnya adalah seperti yang terkandung dalam United Nations Standard Minimum Rules for Treatment of Prisoners Article 11, dengan izin, saya baca, 'In all places where prisoners are required to read or work the windows shall be large enough to enable the prisoners to read or work by natural light and shall be so construe that they can allow the entrance of fresh air whether or not this is artificial ventilation'. Article 19 states, 'every prisoners shall in accordance with a local or national standard, be provided with a separate bed and sufficient bedding which shall be cleaned when it should kept in good order and change after enough to ensure its cleanliness'.

Adakah ia telah diimplimentasikan dalam sistem kita kerana bila saya jumpa beberapa banduan, saya sendiri diberitahu ini tidak berlaku. Apakah sebab perkara ini tidak diguna pakai di negara kita ini walaupun beberapa regularsi berkenaan ada.

Tuan Pengerusi, selain dari itu kita tahu bahawa kebelakangan ini banyak juvenile yang telah dihadapkan ke mahkamah dan selepas itu dihantar ke penjara. Kerapkali, makna penjara itu bukan setakat penjara seperti Penjara Kajang dan Sungai Buloh sahaja tetapi juga lokap-lokap boleh diisytiharkan sebagai penjara dan saya sendiri telah berjumpa dengan beberapa juvenile di mana mereka sering, dengan izin, mixed around with hardcore prisoners. Apakah yang dibuat oleh Jabatan Penjara supaya mereka diasingkan, bukan kita memberi peluang supaya yang telah wrongly brought up, dengan izin, disusahkan lagi dan diberi beberapa ajaran yang salah oleh hardcore prisoners.

Di Ipoh, baru-baru ini saya berjumpa dengan tiga juvenile dan tiga orang juvenile ini mengatakan bahawa mereka dapat rokok di penjara lokap juvenile. Kita semua tahu mengikut Akta Juvenile Seksyen 8A memerlukan bahawa ibu bapa dan probation officer diberitahu bahawa seorang juvenile telah ditangkap. Kerapkali saya difahamkan bahawa walaupun juvenile disimpan di penjara atau di tempat-tempat lain di mana diisytiharkan adalah penjara akan tetapi seksyen 8A yang memerlukan pihak-

pihak penjara dan sebagainya memberitahu pihak-pihak berkenaan bahawa mereka telah ditangkap, tidak diberitahu, maka ini adalah satu perkerjaan yang sangat lalai oleh pihak berkuasa.

Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan supaya perkara ini tidak berlaku?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Dua minit lagi. Satu sahaja Tuan Pengerusi, dengan izin, while some may say, community sentencing may be fair to many and may be hash to many, inilah apa yang dikatakan, by putting them in prison far away from everything, we are keeping them from their children and we are punishing the children the most. According to studies children whose parents were in prisons are five times more likely to go to prison themselves.

Apakah tindakan kerajaan supaya perkara macam ini dapat dielakkan? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Jelebu.

12.50 tgh.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih atas peluang yang diberikan. Suka saya membahaskan mengenai peruntukan yang dicadangkan kepada Jabatan Imigresen melalui Maksud P.37 dan saya pertamanya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Imigresen di bawah Kementerian Dalam Negeri ini kerana telah melangkah setapak lagi ke hadapan untuk memperkemaskan sistem pengurusan dan pentadbiran yang ada di jabatan berkenaan. Sebanyak RM430 juta telah diperuntukan dan masih lagi berkurangan dengan jumlah lebih kurang RM7.3 juta dan kita menyarankan supaya Jabatan Imigresen melalui peruntukan yang diberikan ini akan dapat benar-benar memperlengkapkan sistem pengurusan dan pentadbiran terutama untuk 'apply system on line' yang akan dibuat di Jabatan Imigresen.

Saya yakin dengan adanya sistem ini akan dapat lebih memperkemaskan lagi pengurusan dan pentadbiran di jabatan berkenaan. Cumanya saya ingin tahu Tuan

Pengerusi, apakah Jabatan Imigresen di luar negara akan juga di 'apply'kan dengan sistem ini. Kalau benar, berapakah jumlah pejabat di luar negara yang dilengkapkan dengan sistem ini dan jumlah pekerja yang terlibat, sementara peruntukan yang juga diperlukan kepada mereka. Mungkin telah pun dilaksanakan sistem ini dan saya ingin tahu manakah syarikat yang telah mendapat projek ini, adakah PNB? Kalau benar PNB apakah persiapan-persiapan yang telah diberikan kepada kakitangan imigresen kerana maklum sahajalah sistem yang baru mungkin menghadapi permasalahan tentunya latihan-latihan telah pun diberikan kepada kakitangan yang berkenaan.

Sementara itu PNB dan juga imigresen haruslah memikirkan soal backup sistem ini yang mungkin berlaku kekurangan ataupun permasalahan dari segi back up power kepada sistem yang akan ada ini.

Saya juga ingin tahu, apakah kedudukan dan persiapan apabila segala maklumat ini telah di 'key' di dalam komputer, di manakah pusat khidmat rekod akan ditempatkan bagi Jabatan Imigresen ini di seluruh negara. Apakah ia akan dipusatkan disesuatu negeri yang mana kemudahan dan juga persiapan-persiapan ke arah untuk penyimpanan rekod ini akan dilakukan. Di samping untuk bersedia kepada permasalahan-permasalahan yang mungkin berlaku, kehilangan rekod, apakah tindakan yang akan dilakukan oleh jabatan ini, sekiranya rekod-rekod yang akan dikemaskinikan itu tidak lagi terdapat di dalam simpanan untuk jabatan.

Di samping itu Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyarankan supaya latihan-latihan kepada kakitangan yang mengendalikan komputer ini akan dapat diperkembangkan dan dapat dipertingkatkan kerana kemungkinan permasalahan kekurangan kakitangan akan juga dapat dikurangkan di samping menyakinkan orang ramai bahawa komputer adalah boleh dipercayai. Kita tidak mahu dengan adanya perbelanjaan yang beratus juta ini akan melembabkan dan melambatkan lagi sistem yang ada dan kita ucap tahniah kepada jabatan yang telah pun mengaplikasikan sistem ini pada ketika ini.

Disamping itu Tuan Pengerusi, mengenai dengan Jabatan Penjara. Jabatan Penjara juga disebutkan memerlukan sedikit peruntukan dan saya ingin tahu apakah

kedudukan projek pembangunan yang ada di penjara dadah Jelebu. Saya difahamkan sejumlah peruntukan telah pun diluluskan, tender telah pun dikeluarkan tetapi kerja-kerja masih belum berjalan dan apakah kedudukan sebenarnya ketika itu? Di samping itu saya mengharap pihak kementerian akan melihat terutamanya ibu pejabat penjara sendiri akan dapat melihat permasalahan yang berlaku di kalangan kakitangan, apakah kedudukan sebenarnya kuarters penjara yang telah disediakan tetapi tidak diisi, dipenuhi oleh kakitangan.

Saya mendapat tahu ada di kalangan kakitangannya masih menyewa di luar. Bagaimanakah kedudukan yang sebenarnya sedangkan kuarters mereka tersedia dan telah dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan yang ada. Saya berharap ibu pejabat penjara akan melihat juga kemudahan-kemudahan di dalam merancang kemudahan yang sepatutnya dibekalkan di penjara dadah Jelebu yang masih banyak lagi kekurangan kerana setakat hari ini, kita masyarakat Jelebu amat berpuas hati dengan sistem pentadbiran dan juga pergaulan yang dibenarkan oleh pengurusan penjara di Jelebu.

Terdapat banyak kerja kemasyarakatan telah pun dilibatkan sama dengan kakitangan ataupun kepegawaian di penjara berkenaan. Saya berharap ibu pejabat penjara akan melihat permasalahan sampingan yang berlaku supaya masyarakat khususnya golongan pentadbiran dan pengurusan di Penjara Jelebu akan dapat dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan yang sebenarnya. Dengan kata-kata itu saya menyokong, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Timbalan Menteri jawab.

12.52 tgh.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih pada beberapa Ahli Yang Berhormat yang sudah membahaskan beberapa perkara yang menyentuh Jabatan Penjara dan Jabatan Imigresen. Yang Berhormat dari Kepong telah menanya tentang apakah kedudukan, peraturan penjara yang telah pun dan sedang kita gubal dan pindah itu.

Untuk makluman Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa kini Akta Penjara kita telah pun dipinda pada tahun 1996 di Dewan yang mulia ini. Selepas itu kita teruskan dengan pindaan Peraturan-peraturan Penjara Tahun 1956 untuk sejajar dengan Akta Penjara yang dipinda supaya dengan peraturan itu Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai penjara boleh mengamalkan semangat ataupun fasal-fasal di bawah itu dengan tepat dan betul. Pada masa kini, Peraturan-peraturan Penjara itu masih sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara untuk disahkan dari segi undang-undang supaya dia tidak ada apa-apa percanggahan dengan akta.

Sebaik sahaja Jabatan Peguam Negara lulus dan sahkan peraturan itu, maka peraturan itu akan diwartakan. Saya jangka tidak mengambil masa yang lama. Apabila diwartakan kita bolehlah menggunakan peraturan itu untuk menggantikan Peraturan Penjara Tahun 1953 yang telah timbul begitu banyak soalan terutamanya oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan ini berulang kali. Tentu sekali peraturan-peraturan yang baru ini, yang telah dipinda ini dapat memberi satu perkhidmatan kepada banduan-banduan dengan lebih baik dan lebih tepat pada keperluan semasa.

Mengenai banduan dadah yang begitu ramai di dalam penjara, ini memanglah satu fakta di mana 40% lebih banduan-banduan di penjara dimasukkan ke penjara sebab masalah ada kaitan dengan dadah.

Tuan M. Kulasegaran: [Bangun]

Dato' Ong Ka Ting: Nanti. Sejak beberapa tahun ini kementerian saya telah pun, dengan kerjasama rapat dengan penjara, masalah penyeludupan dadah ini telah pun diminimumkan kerana kita mengambil tindakan yang sangat tegas terhadap mereka, kita tidak kira sama ada dia kakitangan atau tidak. Kalau sesuatu telah berlaku, kita anggap itu seolah-olah 'pagar makan padi' kita akan hukum setimpal dengan kesalahannya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, peraturan-peraturan yang telah dihantar kepada Peguam Negara, adakah ia terkandung di antaranya, masa lawatan yang lebih

untuk keluarga banduan. Saya difahamkan adalah 30 minit sekarang. Adakah ia akan dinaikkan setaraf seperti di luar negeri ke satu jam? Adakah banduan-banduan ini akan diberi masa balik pada mingguan dengan izin, where prisoners of real home, supaya tidak menjadi 'burden' kepada sistem yang kita ada supaya mereka boleh balik dan sebagainya.

Adakah peraturan ini merangkumi semua aspek ini?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, dalam peraturan ini memang kita hendak lanjutkan masa perjumpaan keluarga untuk semua peringkat daripada 30 minit kepada 45 minit. Pada masa dahulu ada beza, ikut stagenya.

Bagi banduan yang dikatakan, banduan balik hujung minggu ataupun parole system. Parole system memang satu perkara yang kita sedang kaji dan hasrat kerajaan ialah kita mahu parole system tetapi sebelum kita laksanakan kita mahu pastikan apa yang kita buat itu tidak ada kelemahan.

Memang peraturan baru, akta baru semuanya membenarkan parole system.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, sambung petang ini ya. Majlis bersidang semula sehingga jam 2.30 petang.

Dato' Ong Ka Ting: Baiklah.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]:

Tuan Pengerusi: Sila sambung, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri.

2.30 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kepong sudah menyentuh tentang penyeludupan dadah ke dalam penjara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Unit Anti Dadah telah pun

ditubuhkan di dalam penjara untuk membanteras kegiatan penyeludupan dadah ke dalam penjara. Seperti mana saya kata tadi kegiatan penyeludupan dadah masuk penjara telah pun dikurangkan dan ada kesannya. Lagi pun pada masa kini pemeriksaan terhadap semua kakitangan masuk ke penjara 24 jam, 3 shift itu memang adalah sangat ketat.

Yang Berhormat dari Bagan telah sebut satu perkara yang sangat spesifik. Beliau telah baca satu surat dan setahu saya kerana perbelanjaan yang kita bahas hari ini ialah untuk satu sistem yang tidak ada kaitan dengan pemeriksaan atau siasatan, tapi walau bagaimanapun saya cadangkan Yang Berhormat Bagan serahkan surat itu kepada saya supaya dapat saya minta ibu pejabat untuk siasat dan cuba ambil tindakan sewajarnya.

Yang Berhormat dari Bagan juga ada sebut beberapa perkara tentang penjara. Daripada apa yang saya tahu penjara telah pun mengikuti segala dasar ataupun undang-undang keperluan iaitu apa yang ditetapkan oleh United Nations - minimum standard itu memang kita ada ikut dan catuan makanan pun sentiasa kita pastikannya adalah tidak di bawah batasan yang diizinkan. Lagi pun di bawah sistem tender makanan sekarang pihak penjara memang sentiasa memeriksa kalau terdapat mana-mana kontraktor telah pun menyeleweng atau membekal dengan tidak cukup bahan makanan maka mereka bukan sahaja boleh didenda dan tender mereka boleh ditamatkan supaya tender baru boleh dipanggil. Kita kena sentiasa pastikan catuan seimbang dan skil diet itu selalunya dapat dikekalkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Machang bangun.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri berpindah ke tajuk lain soal penjara ini, Ketua Pembangkang ada membangkitkan bahawa anaknya Yang Berhormat dari Kota Melaka tidak mendapat layanan sempurna semasa menjalani hukuman dalam penjara. Pertama, dari segi kemudahan-kemudahan tidur seperti tilam, makanan dan mengalami kekurangan berat badan. Seperti Yang Berhormat beritahu tadi bahawa penjara kita ini diperiksa oleh pihak Persatuan Bulan Sabit Merah Antarabangsa tiap-

tiap tahun. Selama ini apabila pemeriksaan dibuat oleh pihak ini dan membuat rekomendasi kepada pihak kerajaan, adakah mereka melahirkan rasa tidak puas hati atau bahawa penjara kita di bawah paras standard minimum yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, itu yang pertama.

Yang kedua, ada dikatakan saya masih ingat Ketua Pembangkang telah mendakwa bahawa anaknya mengalami kekurangan berat badan sampai 10 kilogram. Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang kedua pernah membuat lawatan, saya difahamkan dan ini adalah tidak benar. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengesahkan tentang kedudukan ini? Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, perkara ini telah pun timbul berulang kali. Saya berpendapat bahawa semua itu daripada persepsi apabila seseorang itu tidak puas hati apa yang kita buat itu dia memang tak puas hati seperti Yang Berhormat dari Machang kata tadi. Pada pihak penjara, mereka sudah ikut standard yang minimum itu dari segi catuan makanan, segi layanan dan sebagainya, memang itu satu sistem yang selama ini kita amalkan di penjara untuk semua banduan tak kira dia siapa bertahun-tahun yang lalu ini. Akan tetapi bila pihak pembangkang tidak berapa setuju dengan cara itu dia nampak mula-mula bagi banduan jangka masa panjang, yang mula-mula masuk pada stage satu itu dia ingat mereka itu layak diberi semua. Tetapi pada hal beribu-ribu banduan telah keluar-masuk penjara memang dilayan begitu. Takkan pula kita layankan seseorang itu istimewa, tetapi apapun saya sudah terangkan juga di bawah peraturan baru yang sedang kita pinda itu kita akan ada perubahan. Perubahan bagi semua banduan yang masuk akan diberi satu keistimewaan, untuk semua banduan supaya semua adil dan saksama akan dapat tilam dan sebagainya.

Itu sebenarnya satu perkara in the pipeline, memang kita sudah hendak buat apabila Akta Penjara itu dipinda di Dewan sini. Akan tetapi pada transitional period ini dengan izin, kebetulan bekas Yang Berhormat dari Kota Melaka masuk tetapi peraturan ini belum berkuat kuasa, dan Ketua Pengarah dia tidak boleh menyalah guna kuasa. Kalau dia tidak mengikut peraturan yang sudah begitu lama tempohnya

diamalkan, dia gunakan kuasa dia luar peraturan maka Ketua Pengarah sudah dikata salah guna kuasa. Itulah dilema Ketua Pengarah.

Oleh sebab itulah masa-masa yang lalu ini adalah tidak adil terutamanya pihak pembangkang cuba menyalahkan Ketua Pengarah. Tadi saya kata persepsi kalau kita pandang sesuatu dari satu sudut memang kehidupan di dalam penjara itu susah hendak katakan selesa. Mana boleh selesa dalam penjara memang is hardship, secara bukan sengaja, that is the cara kehidupan di situ. Kalau kita hendak kata penganiyaan terhadap seorang sahaja pada hal orang lain tidak, itu tidak betul. Tetapi pada hal semua banduan sama dalam keadaan itu. Maka kalau persepsi itu sudah lain, macam mana kita terang di sini pun kita bawa siapa datang sahkan pun, pihak-pihak yang tidak setuju itu dia akan terus tak setuju. Memang betul pemeriksaan dijalankan oleh pegawai daripada Kementerian Kesihatan, daripada Bulan Sabit Merah dan sebagainya mereka nampak kita punya keadaan tidak ada apa yang salah, memang betul apa yang kita buat ini ada mengikut mematuhi standard minimum yang ditetapkan oleh United Nation. Itu satu perkara yang saya hendak jelaskan di sini.

Dan Yang Berhormat dari Bagan juga berkata ada kes yang dia dengar bahawa Yang Berhormat bekas Ahli Parlimen tersebut sudah dibekalkan dengan telur yang rosak dan sebagainya. Saya rasa itu bukan satu perkara yang - saya tak pasti sejauh mana itu tepat tetapi mengikut peraturan memang telur itu dibeli secara banyak, kebetulan sebiji telur itu rosak, banduan itu berhak meminta digantikan, kalau banduan itu tak minta ganti maka pihak penjara tidak tahu. Saya telah diberitahu kalau sekiranya ada permintaan ganti kerana telur itu rosak maka penggantian itu kena buat. Dia ada buatkah tidak? Mungkin dia dah terus makan nasi saja tak mahu buat apa-apa kompelin, itu memang orang tak tahu. Tetapi bila makanan itu dibekal bukan hanya sebiji telur, mesti ada lauk yang lain, mesti ada vegetable dan buah yang lain. Tak boleh jadi satu pinggan nasi, dengan satu biji telur - that is not true. Itu bukan bekalan yang biasa. Walau bagaimanapun kalau ada perkara macam itu saya harap mereka boleh lebih spesifik. Sepatutnya banduan buat kompelin, jangan kita hearsay.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Teluk Intan bangun.

Dato' Ong Ka Ting: Biar saya habis ini dulu, biar saya sekali gus jawab soalan dia sekali, baru dia bangkit. Yang dikatakan ada banduan dibekalkan dengan makanan sangat awal pukul 2.00, pukul 3.00 itu tidak benar. Pukul 2.00, 3.00 baru mereka sediakan masakan – [*Teluk Intan bangun*] I habiskan you punya jawapan then you boleh tanya. Apabila pukul 2.00, 3.00 itu mula mereka menyediakan masakan dan selepas pukul 5.00 baru bekalkan makanan. Antara pukul 5.00 lebih dan pukul 7.00 kerana penjara itu besar melibatkan dua, tiga ribu orang so tak mungkin serentak dalam masa setengah jam semua orang dapat makanan pada masa yang sama, maka ada staggered schedule. Jadi tak betul kata pukul 2.00, 3.00 sudah dibekalkan makan malam. Dan setahu saya kalau ada perkara macam ini kita mahu siasatlah supaya lebih spesifik bila dan macam mana berlaku. Kadangkala ada kes banduan keluar ke mahkamah atau pergi kerana sesuatu keperluan, banduan itu keluar, dia sudah balik lewat - katakan dia sampai penjara baru pukul 3.00, pukul 2.30 mungkin masa itu mereka diberi makanan yang mereka tak sempat makan itu tidak boleh kira makanan malam.

Jadi saya ada bincang sedikit, itulah maklumat yang saya dapat. Yang Berhormat dari Teluk Intan – oh! yang bangkit mengenai telur busuk. Saya anggap kedua-dua itu lebih kurang sama [*Ketawa*]. Okay, maaf!

Tapi pihak penjara tidak mahu sesiapa tidak kira dia pembangkang atau tidak, kita tidak mahu layanan macam ini. Ini bukan satu perkara yang biasa, kalau ada mereka sepatutnya minta gantikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Dia bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya setuju bahawa di penjara bukan kita tanya satu sistem di mana macam untuk orang bercuti. Tetapi kalau kita tengok makanan yang diberi itu kerap kali bukan yang dijanjikan mengikut peraturan atau perjanjian. Bukan sahaja telur yang busuk itu, selain dari itu juga selalu dikatakan ikan ada pasir dan saya difahamkan macam Encik Lim Guan Eng, di bilik

beliau, sel beliau, bila hendak laporkan apa-apa kerosakan makanan dan sebagainya adalah esok hari, bukan hari itu juga ada orang yang datang. Jadi itulah masalah bukan kepada dia sahaja. Saya difahamkan apakah sebab selain daripada itu, makanan di Penjara Kajang berbeza dengan makanan di Penjara Sungai Buloh. Di Penjara Kajang, saya difahamkan ada dua makanan laut seminggu, tetapi di Penjara Sungai Buloh tiga kali, apakah rasionalnya, adakah orang Sungai Buloh dekat dengan kerajaan dan Kajang jauh dari kerajaan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, peruntukan untuk seorang banduan sehari di semua penjara di Semenanjung adalah ditetapkan pada RM3.59. Jadi sesiapa kontraktor dapat, apa yang dibekal dia kena bekal ikut RM3.59 dan ikut diet yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan. Jadi kalau kata tak puas hati, tadi dia kata Kajang kompelin, sebenarnya kalau kita pergi Sungai Buloh, orang Sungai Buloh pun akan kompelin kata Kajang lebih baik. Mahu dengar yang mana satu. Game ini persepsilah, kalau kompelin selalunya keluarga sendiri banyak kelemahan, orang lain lebih baik, itu psikologi biasalah.

Tuan Pengerusi, Teluk Intan juga bangkit tentang Kumpulan Wang Hadiah. Memang di bawah peraturan yang kita akan luluskan itu, kita akan memberikan ganjaran daripada Kumpulan Wang Hadiah untuk menaikkan lagi moral kakitangan kita untuk membanteras kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan dan juga memberi ganjaran kepada mereka yang telah pun menyumbang khidmat dengan baik untuk kebaikan institusi kepenjaraan pada keseluruhannya. Tabung itu memang kita masih dalam proses cuba mendapatkan kewangannya. Pada masa ini tabung ini memang kekurangan wang tetapi kita akan buat sesuatu untuk pastikan ganjaran itu boleh dijalankan dengan licin.

Gaji kakitangan penjara ini perkara yang timbul beberapa kali. Ini sistem perkhidmatan kita, hendak bandingkan sistem perkhidmatan di penjara dari segi gajinya, kalau hendak banding dengan polis, polis pula banding dengan tentera, tentera pula hendak banding dengan perkhidmatan awam dan sebagainya. Memang itu di luar daripada saya punya kemampuan untuk menjawab. Kalau dari segi Kementerian

Dalam Negeri kalau saya dapat asingkan Kementerian Dalam Negeri memang saya hendak minta semua, baik untuk semua jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri tetapi tidak boleh. Kita kena pastikan kerajaan ini mampu membayar gaji ikut sistemnya, ikut kategorinya yang ditetapkan. Jadi di bawah perbelanjaan ini bukanlah untuk kita bincangkan gaji beza tak beza itu satu perkara yang besar, yang dasar, yang perlu ditengok dari semua sudut.

Mengenai hakim pelawat, hakim pelawat di bawah Akta ini adalah satu perkara yang kena direkomendasikan oleh kerajaan negeri. Pihak penjara telah minta semua kerajaan negeri berikan cadangan mereka dan tubuh Lembaga Hakim Pelawat. Ada negeri yang lebih aktif, ada yang kurang aktif, yang lebih aktif maka lawatannya adalah kerap, yang kurang aktif itu lawatannya kurang. Jadi susah hendak saya bagi satu laporan yang terperinci. Ini terpulang kepada negeri masing-masing dan setiap penjara katakan dia punya ventilation dengan izin, tak cukup, window tak cukup besar, ini semuanya kita bukan tengok dari segi saiz, kemudian kita pandang kita puas tak puas. Semua penjara hari ini di Malaysia adalah dilulus oleh doktor ataupun pihak berkuasa yang berkenaan dan semua penjara telah pun diberi sijil layak sebelum banduan itu boleh dimasukkan. Jadi kalau sijil layak sudah dapat maka tak timbul apa-apa lagi yang dikata standard minimum itu tak dipatuhi, memang semuanya dipatuhi. Mengenai juvana yang..

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Teluk Intan bangun

Dato' Ong Ka Ting: Ini last sekali

Tuan M. Kulasegaran: Apa hendak buat, kita belum ambil kuasa lagi. Penjelasan, ini apa yang dikata dalam seksyen 65. Tugas Hakim Pelawat dan Lawatan oleh Hakim Majistret yang telah saya bangkitkan, khusus kepada Kajang Prison. Memandangkan ada beberapa aduan yang kita semua tahu dari Encik Lim Guan Eng bukan sahaja tentang makanan tetapi lain dari itu juga, adakah hakim-hakim ini telah melawat beliau dan mendapat apa-apa aduan terus menerus mengikut seksyen ini. Board's personnel lawatan yang boleh dibuat dan adakah dia telah dibuat. Jikalau ya, bila dan apakah tindakan yang telah diambil.

Dato' Ong Ka Ting: Belum ada sebarang lawatan oleh Hakim Pelawat kepada Encik Lim Guan Eng dan saya sudah kata tadi itu terpulang kepada berapa aktifnya Lembaga ini dan bagi Selangor saya rasa mereka dalam proses cuba mengadakan lawatan ini. Tetapi setakat ini setahu saya belum. Saya rasa Lembaga Hakim Pelawat ini dapat lawat ataupun setiap satu - katakan telur rosak pun hendak masuk, itu bukan dia punya cara jalankan kerja. Tetapi pada keseluruhannya mereka akan memastikan penjara itu ada ikut standard. Kecuali ada perkara-perkara yang besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: ...walau bagaimanapun cukuplah.

Tuan Pengerusi: Machang bangun.

Tuan M. Kulasegaran: Empat tahun belum ada lagi. Akta ini digubal di Parlimen sudah empat tahun, belum ada hakim lagi.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti dahulu, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum beri jalan. Hendak beri Machang atau Teluk Intan, Yang Berhormat?

Dato' Ong Ka Ting: Machang dahulu.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Pengerusi, saya minta maaf kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bangkitkan ini kerana semasa persidangan di Brussels baru-baru ini banyak fakta yang disampaikan oleh pembangkang kepada Pertubuhan Hak Asasi IPU di Brussels yang beribu pejabat di Geneva, tidak betul. Misalannya, salah satu 'allegation'nya dia kata, ventilation – bilik Yang Berhormat Tuan Lim Guan Eng tidak ada. Saya rasa ini tidak tepat, ini mesti diperjelaskan.

Yang kedua pula, dia kata pihak penjara tidak membenarkan perwakilan daripada Human Right Committee melawat penjara. Ini pun saya percaya tidak benar. Banyak alasan yang dikemukakan, fakta-fakta yang diselewengkan dan dia kata lawatan-lawatan yang perlu dibuat oleh keluarga Lim Guan Eng adalah terhad. Saya dapat tahu bahawa Yang Berhormat Lim Guan Eng telah memohon supaya isterinya

sebagai seorang peguam, dijadikan sebagai seorang peguam dan boleh melawatnya pada bila-bila masa. Ini pun dibenarkan oleh pihak penjara dan kemudian mengikut rekod penjara, saya difahamkan dalam rekod sudah lebih 100 orang peguam menemui Lim Guan Eng sepanjang dia dalam tahanan, lebih daripada orang lain. Jadi apa lagi yang tidak puas hati. Sedangkan memberi laporan kepada pertubuhan IPU, dengan fakta-fakta yang tidak benar menyebabkan kita terpaksa menangkis hujah-hujah ini.

Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya memperbetulkan fakta ini dan tidak diselewengkan oleh pihak pembangkang kerana anaknya sendiri terlibat. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, ventilation bagi sel yang diduduki oleh Encik Lim Guan Eng memang sangat mencukupi. Saya sendiri ada pergi tengok, memang dengan izin, more than enough, ventilationnya dan wakil Human Right dikatakan tidak dibenar, sebenarnya semua pelawat penjara sama ada ia merupakan satu kumpulan yang tertentu, kita ada peraturan di mana mereka itu sentiasa akan diiringi oleh pegawai dari segi keselamatan dan sebagainya tetapi mereka itu datang ke negara kita, dia kata beri dia hendak bebas, dia masuk dalam penjara, dia suka jumpa sesiapa dia hendak jumpa, tidak boleh beri orang ikut. Kalau macam itu nanti apa-apa perkara yang berlaku dalam penjara dari segi keselamatankah, orang kena tangkapkah ataupun sesuatu pergaduhan berlaku, siapa yang akan bertanggungjawab? Masa itu pula penjara Malaysia dituduh kata tidak melindungi mereka ini, so apabila kita tetapkan syarat itu mereka tidak mahu. Jadi rombongan ini kata, mereka tidak mahu kalau ada orang yang mengiringi. Itu sebabnya, mereka pada akhirnya sendiri tidak mahu lawat, jadi bukanlah kesilapan kita. Saya tidak tahu macam mana mereka sudah beri satu gambaran, kita tidak benarkan lawatan, kita beri dan tetapkan satu syarat yang biasa, mana-mana pun mengakui.....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dato' Ong Ka Ting: Saya belum habis jelaskan pertanyaan dari Machang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Bagan bersabar.

Dato' Ong Ka Ting: Kekeraan lawatan ini memang banyak kali. Kalau kita tengok pembangkang atau DAP punya mana-mana satu pemimpin kalau kebetulan dia lawyer, dia sudah masuk more than one time, dalam rekod banyak. I think Encik Lim Guan Eng merupakan seorang banduan yang paling kerap dilawati jika dibandingkan dengan sesiapa pun dalam beberapa bulan paling kerap dilawati oleh sama ada keluargakah, peguamkah, dia punya pemimpin parti masuk sebagai peguam. Jadi saya rasa dari segi lawatan itu tidak boleh kompelin lagi, tidak boleh. Itu pun saya tidak suka sangat hendak politikkan perkara ini. Itu bukan sikap saya tetapi tidak payahlah kita buat bising sesuatu perkara yang bukan begitu teruk seperti yang diceritakan. Terutamanya kalau kita sentiasa beri gambaran kepada luar negeri untuk memperkecilkan atau merosakkan imej kita.

Tuan M. Kulasegaran : *[Bangun]*

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Ong Ka Ting: Saya ingat cukuplah, tidak payah kita pusing-pusing di sini, ya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ini Bagan dan Teluk Intan bangun.

Dato' Ong Ka Ting: Saya tidak beri jalan, saya hendak terus, masa tidak cukup

Tuan M. Kulasegaran: Ini tidak betul putar belit

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: *[Disampuk]* Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat. Benarkah atau tidak, nanti dahulu Yang Berhormat. *[Disampuk]* Kesahihan itu lain perkara tetapi yang sekarang ini

Tuan M. Kulasegaran: Timbalan Menteri tidak bercakap benar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Saya tidak benarkah?

Tuan M. Kulasegaran: *[Pembesar suara dimatikan]* Saya sendiri pergi ke penjara, saya tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, duduk dahulu. Saya akan buat keputusan.

Seorang Ahli: Duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak beri jalan ya.

Dato' Ong Ka Ting: Saya tidak beri jalan, saya hendak teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau tidak beri jalan, teruskan.

Dato' Ong Ka Ting: Ya, saya sudah kata itu persepsi. Kalau persepsi you lain daripada kita, apa yang you tengok pun you tidak setuju. Saya tengok bulat, you tengok bukan bulat, siapa boleh putus pada akhirnya. *[Ketawa]* Bentuk itulah. Okay,

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Tidak, tidak beri. *[Disampuk]* Juvana ini

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tadi, dia sudah cakap, dia minta lagi Yang Berhormat.

Dato' Ong Ka Ting: Last one, ya, janji jangan ganggu lagi. Last one daripada DAP.

Tuan Lim Hock Seng: Satu soalan yang simple sahaja. Adakah banduan di penjara sekarang, di mana-mana penjara di dalam negara Malaysia ini, dibekalkan dengan satu tilam. Kalau tidak ada tilam, papan lapis bolehkah? Misalannya, seorang manusia kalau kita duduk di rumah cuaca panas dan tidur di atas lantai simen, tidak sampai dua jam rasa semua badan sakit. Badan sakit tetapi banduan ini tidur berbulan-bulan, bertahun-tahun di atas simen. Adakah ini satu perbuatan dan cara kemanusiaan?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Pengerusi, itu pun ialah saya katakan persepsi tadi itu. Sebenarnya banduan itu tidak dipaksa tidur di atas simen. Setiap banduan yang baru masuk, dia punya jail term itu lebih daripada setahun atau lebih pada first three months, dia punya peraturan lama itu. Mereka diberi dua selimut, selimut itu tebal. Jadi selalunya yang satu digunakan macam tilam, satu untuk tutup badan tetapi kalau mereka tidak mahu selimut itu, dia gunakan kedua-duanya untuk tutup, dia hendak tidur atas simen, jadi itu sudah jadi keadaan, bukan penjara hendak paksa.

Walau bagaimanapun, peraturan baru ini kita hendak ubah, ini bukan kerana Encik Lim Guan Eng itu kita hendak ubah. Sebenarnya, sebelum beliau masuk kita sudah mula ubahkan satu peraturan baru, sebab ia ada 200 lebih seksyen, semuanya kena pastikan ia tidak bercanggah dengan akta. Itu sebabnya kita perlu satu masa yang agak panjang dan baru sekarang telah selesai. Jabatan Peguam Negara kena sahkan dahulu baru kita boleh warta, apabila warta semua banduan masuk diberikan tilam. Bukan kita sengaja tidak beri tilam tetapi dahulu selimut, bukan tidak ada tilam, dia beri dua selimut yang tebal. Itulah keadaannya yang saya hendak betulkan.

Tuan Pengerusi, juvana memang kalau sekiranya juvana itu dimasukkan ke dalam penjara, amalan sekarang kita memang hendak asingkan mereka daripada banduan dewasa supaya mereka tidak diganggu dan tidak dipengaruhi dengan perkara negatif dan di bawah peraturan baru kita akan pastikan semua banduan di bawah umur 21 tahun akan diasingkan. Pada masa kini dan pada masa akan datang, pihak penjara ada satu reception board ataupun satu lembaga penerimaan. Setiap banduan remaja masuk, mereka akan dikaji, disiasat dan mereka dibenarkan untuk membuat surat kepada keluarganya dan lembaga penerima ini akan memastikan semua masalah remaja itu dapat perhatian yang sewajarnya dan sekiranya di lokap, itu satu perkara yang lain. Mungkin kita juga hendak pastikan semua remaja yang ditahan itu keluarganya akan dimaklumkan.

Yang Berhormat dari Jelevu telah pun menimbulkan Institusi Pemulihan Dadah Jabatan Penjara di Jelevu. Memang projek itu masih berjalan dan menjelang tahun 2000 dijangka akan dapat disiapkan. Yang Berhormat dari Jelevu ada juga menyebut tentang imigresen. Beliau telah bertanya tentang projek on-line dengan pejabat-pejabat luar negeri dan sebagainya. Memang benar Jabatan Imigresen telah pun mengkomputerkan sistemnya supaya syarikat yang mendapat kontrak adalah – ia ada beberapa projek. Dua syarikat yang paling besar menguruskan sistem komputer ini adalah Guthrie dan PNB. PNB memang memberi latihan kepada pegawai Jabatan Imigresen (Jim) dari semasa ke semasa. Buat masa kini, projek on-line dan apply on-line itu supaya warganegara Malaysia boleh mendapat pasport secara on-line telah pun mula dijalankan, di mana pada masa kini on-line kita sudah sampai ke Madras,

atase kita di Madras dan Jakarta di mana warganegara kita boleh mendapat pasport di atase kita di luar negeri. Dalam proses ini Jabatan Imigresen telah melaksanakan sistem ini. Beberapa tempat di pejabat consulate kita ataupun atase akan mendapatkan sistem ini ialah di New Delhi, Singapura, Quanzhao, Taipei, Hong Kong, Manila (Philippines) dan Beijing. Pada masa yang akan datang mereka ini akan juga dihubung melalui komputer dan warganegara kita boleh memohon pasport di pejabat-pejabat yang berkenaan.

Bagi back-up sistem memang kita ada back-up sistem di semua ibu pejabat negeri dan Ibu Pejabat Imigresen. Jadi tidak ada masalah sekiranya ada apa-apa breakdown dan ibu pejabatlah merupakan tempat dipusatkan rekod semuanya.

Tuan Pengerusi, itulah kebanyakan perkara yang telah dapat saya jawab. Apa-apa perkara yang tidak sempat dijawab, saya ambil perhatian dan Yang Berhormat dari Bagan bolehlah serahkan surat itu kepada saya nanti untuk tindakan selanjutnya. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,641,163 untuk Maksud B.40 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,641,163 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM7,300,000 untuk Maksud P.37 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM7,300,000 untuk Maksud P.37 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998.

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas sekarang. Nanti dahulu, Yang Berhormat. Ya. Teluk Intan.

3.03 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Saya hendak bahas mengenai Kementerian Penerangan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Apakah strategi kerajaan dan sebab-sebab yang tertentu kenapa baru-baru ini International Broadcasting Corporation (IBC) tidak dibenarkan diguna oleh Wan Azizah bila beliau ingin menggunakan itu untuk mengadakan temuduga

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat. Sebenarnya saya tersilap [*Disampuk*] sebab token vote ini, RM10 ini biasanya, Yang Berhormat mengerti juga

Tuan M. Kulasegaran: Saya mengerti, kali yang terdahulu ada

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sebenarnya saya tersilap dan saya rasa kalaulah Yang Berhormat hendak bahaskan ini pun, tidak ada apa-apa yang hendak dibahaskan. Ini token vote.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, ada banyak perkara hendak dibahas tetapi RM10 itu standby, I mean

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak

Tuan M. Kulasegaran: Itu pandangan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Tidak, peraturan tetap peraturan dan saya telah pun kata saya tersilap.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1998 di bawah Kementerian Penerangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998.

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998] –

Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999] –

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas sekarang. Serdang.

3.05 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, pembinaan ERL telah ditangguhkan kepada sedikit masa kerana syarikat tersebut menghadapi masalah kewangan. Oleh kerana baru-baru ini saya difahamkan ERL telah mendapat pinjaman dari luar negeri dan akan meneruskan projek ini sehingga tahun 2002, akan memberi perkhidmatan kepada rakyat Malaysia dari Kuala Lumpur ke Kuala Lumpur International Airport (KLIA).

Tuan Pengerusi, kerana masalah ini berlaku saya hendak meminta penjelasan daripada pihak kerajaan sebab waktu ini saham-saham di bawah Express Rail Link (ERL) ini sama ada kerajaan termasuklah Kementerian Kewangan atau mana-mana pihak tempatan telah memegang saham yang terbesar untuk menjalankan projek ini. Sila beri penjelasan lebih lanjut siapa rakan-rakan kongsi dalam projek ini kerana sepanjang masa ini saya mendapati projek ini telah lambat memberi kemudahan kepada rakyat ke KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga oleh kerana projek ini akan dijalankan dan telah ditentukan beberapa perkhidmatan melalui perkhidmatan komuter dari Kuala Lumpur ke KLIA, Sepang. Di antara tempat-tempat yang akan memberi perkhidmatan melalui komuter ialah Bandar Tasik Selatan, Putra Jaya, Salak Tinggi ke Kuala Lumpur International Airport. Keempat-empat tempat perhentian untuk memberi perkhidmatan kepada penumpang-penumpang ini telah ditetapkan harganya. Satu masalah di sini ialah saya pernah membangkitkan apa sebab stesen komuter dari ERL tidak dapat diwujudkan di kawasan Serdang.

Saya pernah berbincang dan menulis surat kepada JPM supaya menimbangkan semula wujudnya stesen perkhidmatan komuter di bawah ERL itu diberi kemudahan kepada rakyat di Serdang, maka saya mendapat surat jawapan daripada JPM. Masa itu Ketua Pengarah di JPM memberitahu saya bahawa JPM tidak ada halangan, ertinya JPM setuju pada dasarnya untuk wujudkan perkhidmatan komuter di Serdang. Selepas

itu saya pernah berbincang dengan pihak Syarikat ERL berkaitan dengan cadangan tersebut tetapi sehingga hari ini tidak tahu apakah keputusan sebenarnya. Kalau dibandingkan kawasan Bandar Tasik Selatan dengan kawasan Serdang ini dari segi perniagaan atau untuk perkhidmatan kerana bilangan penduduk di kawasan saya lebih besar daripada Bandar Tasik Selatan. Dan di kawasan Serdang kita mempunyai empat hotel, pelancong-pelancong boleh singgah di situ kalau dari luar negeri tetapi di kawasan Bandar Tasik Selatan tidak ada hotel, tidak ada kemudahan untuk diberi kepada penumpang-penumpang atau pelancong-pelancong di kawasan tersebut. Dari segi kewangan dan perniagaan ini saya rasa mungkin kawasan Serdang ini lebih penting daripada Bandar Tasik Selatan.

Walau bagaimanapun, saya tidak ada niat untuk menentang wujudnya pusat perkhidmatan komuter di Bandar Tasik Selatan tetapi dibandingkan dengan perniagaan. Kalau ERL dari segi perniagaan itu, saya lebih berminat sekiranya diwujudkan stesen komuter di Serdang dibandingkan dengan ramai penumpang dan pelancong di kawasan Serdang kerana persidangan antarabangsa sering diadakan di Serdang. Jadi dengan demikian saya minta penjelasan, apa sebabnya cadangan yang telah dipersetujui pada dasarnya oleh JPM masih belum ada jawapan apa yang sebenarnya yang telah berlaku di kawasan Serdang.

Tuan Pengerusi, dalam masa projek ERL dibincangkan atau dipersetujui, terdapat 66 buah rumah setinggan di kawasan Serdang terlibat dalam projek ini. Syarikat ERL telah berbincang dan Pejabat Tanah Daerah Petaling telah membanci 66 rumah setinggan ini akan ditempatkan di satu kawasan yang akan datang. Mesyuarat beberapa kali telah diadakan di pejabat daerah dan telah bersetuju bahawa rumah kos rendah akan dibina oleh ERL itu di Desa Petaling iaitu di tempat rumah-rumah setinggan yang terlibat dengan projek ini. Tetapi oleh kerana rumah kos rendah masih belum siap, maka terpaksa menempatkan semula setinggan-setinggan di satu kawasan secara sementara.

Jadi, satu perbincangan telah dilakukan jadi mintalah kepada pihak DBKL. DBKL telah menyediakan rumah kos rendah secara sewa kepada setinggan-setinggan di kawasan Wilayah Persekutuan yang terlibat dengan projek ERL itu supaya setinggan-setinggan boleh ditempatkan sementara waktu secara sewa lepas itu pindah

semula ke rumah kos rendah yang akan dibina oleh ERL di Desa Petaling. Maka itu desakan saya sebagai wakil rakyat supaya penduduk di rumah-rumah haram di Serdang ini juga ditempatkan secara sementara di rumah kos rendah DBKL dan selepas itu pindah balik ke rumah pangsa yang akan dibina oleh ERL di Desa Petaling.

Namun begitu saya rasa kecewa sekali kerana DBKL telah menolak dan menurut wakil DBKL menyatakan ini setengah daripada Selangor. Kalau rumah pangsa yang dibina oleh DBKL hanya diberi keutamaan kepada setinggan yang tinggal di kawasan Wilayah Persekutuan tetapi ini bukan secara tetap. Kalau tidak ada tempat untuk mereka pindah, tergendalalah projek ini. Projek ERL di Serdang ini sudah tergendala selama satu tahun. Oleh kerana itu saya minta pihak kementerian dan Jabatan Perdana Menteri perlu mendesak pihak DBKL menampung 66 rumah setinggan di kawasan Serdang ini ke rumah pangsa buat sementara waktu, disewakan dan lepas itu pindah balik ke Desa Petaling. Inilah satu perjanjian yang telah dijalankan tetapi masih tidak dapat persetujuan daripada DBKL.

Tuan Pengerusi, saya harap perkara penting ini diselesaikan sebelum projek ERL dimulakan. Satu lagi syarikat ERL semasa perbincangan dengan rakan saya ADUN Seri Kembangan dengan pejabat daerah berkaitan dengan memberi kemudahan untuk memberi panduan membina jejantas di Taman Muhibah Seri Kembangan. Surat telah diterima daripada ERL supaya memberi panduan dan akan mengadakannya dan saya harap janji ini dapat ditunaikan sebelum perkhidmatan ERL dimulakan kerana ini janji penting untuk penduduk-penduduk di Seri Kembangan untuk menggunakan komuter di Stesen Serdang Lama.

Tuan Pengerusi, masalah setinggan itu sangat penting dan mendesak dan saya berharap pihak kementerian memandang serius dan dapat mengatasi masalah itu supaya projek ini tidak tergendala lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Bagan.

3.14 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, Butiran P.47 – saya nampak di sini Kertas Perintah 4A dan Kertas Perintah 5A masing-masing ada peruntukan untuk bayaran pampasan tanah kepada ERL tetapi Kertas Perintah Am 4A Butiran Projek adalah 00200 iaitu Kajian Jambatan-jambatan KTM, walhal di Kertas Perintah

5A, B.47 Butiran 00206 Express Rail Link ke KLIA Sepang –(Tanah). Kalau saya ambil Kertas Perintah 4A, 00200 iaitu Kajian Jambatan-jambatan KTM lebih tepat lagi kita bincangkan mengenai perkara jejambat di Bukit Mertajam iaitu Jalan Arumugam Pilai di mana lalu lintas tiap-tiap hari sesak di sana. Satu hari lebih kurang 40 kali kereta api melintasi jalan tersebut. Mengapa Butiran Kajian Jambatan-jambatan KTM ini iaitu peruntukan untuk Kepala ini dipindah alih kepada bayaran pampasan tanah untuk ERL.

Walau bagaimanapun, saya suka sentuh berkenaan dengan ERL. Dua hari yang lepas kami telah diberitahu bahawa ERL akan disambung semula dengan adanya pinjaman-pinjaman daripada beberapa institusi kewangan termasuk kerajaan dan juga terlapor dalam surat khabar bahawa ERL dalam KLCC pergi ke Sepang iaitu KLIA mengambil masa 30 minit dan tambang untuk pergi dari KLCC ke Sepang, KLIA adalah RM35 itu hanya akan dimaterialised pada tahun 2002 atau 2003 dan pada masa ini diramalkan RM35, mungkin pada masa itu tiga atau empat tahun kemudian inflasi akan lebih tinggi dan ia akan melonjak mungkin kepada RM50 atau lebih. Adakah RM35 ini satu tambang yang berpatutan yang dicadangkan oleh konsesi dan pada masa sekarang teksi dari Kuala Lumpur pergi ke Sepang mengambil tambang lebih kurang RM50 hingga RM55 dan teksi dari Sepang iaitu KLIA ke Kuala Lumpur mereka minta lebih kurang RM70 hingga RM75.

Disebabkan tambang yang mahal untuk teksi pergi dan balik ke KLIA maka ramai orang segan untuk menggunakan KLIA untuk berulang alik ke tempat-tempat domestik melainkan hendak pergi ke seberang laut. Jadi dalam masa tiga atau empat tahun ini iaitu dari sekarang hingga 2002 bila ERL sempurna, adakah penumpang-penumpang yang hendak pergi ke KLIA masih kena tanggung beban yang begitu berat untuk teksi. Adakah kerajaan ingin mengadakan satu pengangkutan alternatif iaitu boleh memberi subsidi kepada syarikat-syarikat bas untuk mengambil penumpang-penumpang dari Kuala Lumpur yang hendak pergi ke KLIA dan sebaliknya dari KLIA datang ke Kuala Lumpur.

Saya dapat tahu bahawa pada masa sekarang ada satu syarikat yang mengendalikan perkhidmatan bas ini tetapi tambangnya juga sangat mahal lebih

kurang RM30 hingga RM40 dari KLIA ke Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur pergi ke KLIA, itu pun sampai ke Dataran Tugu Peringatan sahaja. Iaitu tidak jauh dari Bangunan Parlimen dan dari sana perlu ambil teksi untuk pergi ke tempat-tempat yang lain.

Tuan Pengerusi, itu sahaja untuk B.47 dan saya beralih kepada Butiran 08700 iaitu Penswastan Pelabuhan Kuantan. Suatu jumlah RM38.1 juta untuk pinjaman membiayai kerja-kerja pengorekan new harbour basin di Pelabuhan Kuantan.

Tuan Pengerusi, saya tidak tahu new harbour basin ini adakah sebahagian pelabuhan yang telah dibina. Jikalau pelabuhan yang telah dibina, mengapa ia perlu dikorek sekarang, kerana apabila Pelabuhan Kuantan dibina saya dapat tahu bahawa ada breakwater ada dibina di kawasan tersebut kerana ia menghadap Laut China Selatan dan pada musim-musim monsun, ombak sangat besar dan bila-bila masa pantai boleh bertukar keadaan. Saya pernah pergi ke sana bekerja dan pada petangnya kalau kita nampak pantai berdekatan bangunan tetapi pada esoknya pula apabila kita pergi ke pantai, pantai itu akan melonjak lebih kurang 50-60 meter dari rumah. Dalam satu malam sahaja pantai sudah berubah sebab itulah Pelabuhan Kuantan ini dari lokasinya mungkin bukan satu tempat yang sesuai untuk dijadikan pelabuhan tetapi dengan adanya breakwater maka ombak di kawasan pelabuhan itu mungkin boleh dikurangkan kapal-kapal dan lain-lain kelengkapan dalam pelabuhan itu akan berada dalam air yang tenang bukan ombak-ombak yang besar.

Untuk membiayai pengorekan ini, adakah kerja-kerja pengorekan ini buat kali pertama, kali kedua atau ketiga. Dan berapa lamakah ianya perlu dikorek dalam satu kali. Ini semua adalah dalam satu kajian di mana sebelum sesebuah pelabuhan dibina ia mestilah dikaji dengan teliti sama ada tempat itu sesuai atau tidak. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Teluk Intan selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen diminta jawab.

3.23 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran projek 08700 – Tuan Pengerusi, saya difahamkan Pelabuhan Kuantan adalah suatu situation of misfit di mana sepatutnya pelabuhan ini tidak patut didirikan di tempat tersebut dan oleh sebab itulah kerajaan kerap kali perlukan wang untuk ubahsuai dan membuat perkara yang lebih macam memerlukan perbelanjaan yang lebih untuk hendak safe projek yang telah dimulakan pada tahun 70-an di mana pada masa itu Perdana Menteri Tun Abdul Razak yang berasal daripada negeri itu berkata bahawa itu adalah pilihan beliau, bahawa pelabuhan itu perlu dibina di sana dan jikalau sedemikian bukannya di masa akan datang kita jangan hanya biarkan projek ini - throw good money over bad project dan juga saya difahamkan bahawa kerja-kerja pengorekan ini tidak akan menyelesaikan masalah strong current sand movement di Kuantan dan kalau tidak silap saya lebih kurang tujuh tahun dahulu major crack di Pelabuhan Kuantan ini dan di mana berjuta-juta Ringgit telah digunakan untuk dengan izin, repair pelabuhan ini.

Saya juga difahamkan penggunaan pelabuhan ini sangat tidak diminati oleh pihak-pihak peniaga dan apakah usaha yang sedang dibuat oleh kerajaan supaya selepas kita menggunakan wang sebanyak RM38.1 juta boleh menarik lebih ramai lagi untuk menggunakan pelabuhan yang tidak diminati untuk kegunaan masyarakat di sana. Pada masa ini adakah kita cukup pakar dalam mengendalikan pelabuhan dan bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu, apakah syarat penswastaaan Pelabuhan Kuantan ini. Apakah kita perlu lagi memberi wang untuk pengorekan new harbour walhal pelabuhan ini telah diswastakan. Apakah perjanjian dan terma-terma mengenai bila ianya diswastakan dan bagi kerja-kerja pengorekan ini kepada siapa tender akan diberi dan berapakah turnkey project, siapakah yang terlibat dan juga bilakah projek ini dikatakan akan siap dan boleh digunapakai.

Saya beralih kepada 00206 – Tuan Pengerusi, mengenai pengambilan tanah di mana dikatakan memerlukan RM85 juta. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu semasa projek ini dimulakan, apakah dasar pada masa itu dan kenapa pada masa itu kita tidak mengambil alih tanah. Itu pertama.

Kedua, adakah orang-orang yang sedang duduk dan tinggal di tempat itu akan diberikan ganjaran iaitu kepada setinggian dan sebagainya. Selain daripada itu apakah market value pada masa sekarang dan berapakan satu square foot yang akan diberi untuk mengambil balik tanah ini untuk kegunaan ERL ini dan siapakah pemilik-

pemilik tanah ini. Adakah ini sebuah estet yang besar atau seseorang individu dan adakah harga pasarannya ditentukan pada masa sekarang atau bila projek ini dimulakan dan bilakah projek ini akan siap dan kedua-dua item ini, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu sebelum ini peruntukan-peruntukan yang telah dipohon, adakah ia telah digunakan dan adakah ianya belum dibereskan seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri sendiri di mana beliau menyatakan 50%-70% wang di mana kelulusan daripada Parlimen telah diterima untuk menggunakan wang untuk pembangunan dan pengurusan akan tetapi tidak digunakan. Dan kedua-dua Butiran ini, setakat berapa sebelum ini, permohonan yang telah dibuat dan diluluskan oleh Parlimen ini yang telah digunakan. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

3.27 ptg.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi terima kasih. Dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa P.47 saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu pertama Yang Berhormat dari Serdang, kedua, Yang Berhormat dari Bagan; dan yang ketiga dari Teluk Intan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini oleh kerana Yang Berhormat dari Teluk Intan bertanya begitu banyak soalan dalam satu rentak dan nada mungkin saya hendak jawab pun mungkin tidak lengkap tetapi saya memberi jaminan iaitu yang saya tidak dapat memberi jawapan yang lengkap saya akan memberi jawapan secara bertulis, kalau boleh diterima.

Tuan Pengerusi, yang pertama Yang Berhormat dari Serdang telah pun bertanya mengenai masalah kerja-kerja yang bersangkutan-paut dengan Express Rail Link (ERL) dan soalan pertama beliau bertanya ialah siapakah pemegang saham utama dalam Express Rail Link kerja-kerja untuk mendapatkan privatisation ini, cuma yang saya beritahu Yang Berhormat iaitu dalam Syarikat ERL Sdn. Bhd. terdapat pemegang saham terdiri daripada tiga buah syarikat iaitu TH Technologies Sdn. Bhd. yang memegang 40%, YTL Corporation Berhad 40% dan Abrar Corporation Berhad yang memegang 20% dalam syarikat ini.

Soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sama ada komuter yang akan dibina untuk mengadakan perkhidmatan pengangkutan dari Kuala Lumpur ke

Putrajaya sama ada ianya akan berhenti di Bandar Tasik Selatan. Cuma saya hendak memberi penjelasan iaitu memang terdapat dua track yang akan mengendalikan perkhidmatan. Satu ialah dari KL Central terus ke Putrajaya dan buat masa ini ramalan telah dibuat iaitu charge atau kadar untuk pengangkutan ini adalah lebih kurang RM35 dan satu lagi ialah perkhidmatan komuter. Komuter ini juga mula dari KL Central dan sebelum sampai ke KLIA maka komuter ini akan berhenti di Putrajaya. Sama ada ia akan berhenti di Stesen Komuter Bandar Tasik Selatan, memang perkara ini sedang diteliti dan diberi pertimbangan dan tidak lama lagi mungkin kementerian saya akan memberitahu sama ada ianya akan berhenti di stesen Bandar Tasik Selatan. Walau bagaimanapun, saya ingin memberi jaminan iaitu dalam pertimbangan ini memang apa yang telah pun diberitahu oleh Yang Berhormat termasuk permintaan-permintaan daripada orang ramai di tempat itu akan diambil kira.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Apa yang saya cadangkan tadi di Serdang, Bandar Tasik Selatan tidak ikut laporan. Laporan wujud Stesen Komuter Bandar Tasik Selatan. Kalau dari Kuala Lumpur ke sini dekat RM4.20 tetapi saya minta sekarang di Serdang, apa yang saya janjikan sebab saya dapat surat daripada Jabatan Perdana Menteri setuju pada dasarnya akan wujud stesen komuter di Serdang tetapi sampai hari ini saya ingin tahu sama ada stesen komuter di Serdang akan diwujudkan atau tidak. Minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Mengikut Yang Berhormat itu memang setakat ini Yang Berhormat tidak tahu lagi sama ada ianya akan berhenti di Serdang atau tidak. Buat masa ini saya pun tidak dapat memberi jaminan iaitu sama ada ianya akan berhenti di stesen di Serdang walaupun permintaan telah pun dibuat tetapi seperti saya katakan tadi mungkin kita akan memberi pertimbangan sewajarnya dan jika kita boleh membantu maka ianya akan berhenti di stesen Serdang.

Masalah ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah mengenai 66 buah rumah setinggan di kawasan Serdang ataupun kawasan Yang Berhormat di mana track ataupun landasan kereta api ini akan pergi lalu sebelum sampai Putrajaya atau sebelum sampai KLIA akan melalui kawasan ini. Sukacita saya memberitahu iaitu mengikut keputusan yang baru dibuat iaitu penghuni 66 buah rumah setinggan yang terlibat akan diberi kemudahan supaya berpindah ke rumah pangsa kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor pada bulan September ini.

Memanglah, Yang Berhormat telah diberitahu iaitu DBKL memang tidak setuju sebab setinggan-setinggan ini adalah dari negeri Selangor bukan dalam kawasan DBKL tetapi Kerajaan Selangor telah pun bermurah hati dan bersetuju supaya orang-orang yang terlibat dapat dipindah masuk bulan September dan rumah-rumah kos rendah yang telah dipersetujui dibina oleh ERL akan dibuat dan akan disiapkan dalam masa tiga tahun. Buat sementara mereka dapat tinggal di situ dan jangan bimbanglah Yang Berhormat, mereka ini semua akan balik untuk membuang undi di kawasan Serdang juga.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai kemudahan jejantas Taman Muhibah, Seri Kembangan dan setakat ini juga saya tidak dapat memberitahu iaitu kedudukan terkini tetapi saya akan beritahu Yang Berhormat secara bertulis sama ada ianya akan wujud satu jejantas dan saya mempunyai keyakinan iaitu salah satu jejantas akan diadakan memandangkan ini adalah kemudahan yang diberikan kepada penduduk-penduduk di Taman Muhibah, Seri Kembangan.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Jawatankuasa]

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bagan telah pun menyentuh beberapa perkara. Yang pertama mengenai kadar caj untuk menaiki ERL dari Kuala Lumpur ke KLIA. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu kajian teliti telah pun dibuat oleh konsultan yang terlibat dalam projek ERL ini dan mengikut kajian ini maka kadar RM35 sebagai tambang dari Kuala Lumpur ke KLIA telah pun diramalkan iaitu untuk tahun 2002. Memang tidak mustahillah kalau kita kata satu kajian yang teliti yang telah dibuat dan didapati RM35 untuk membayar tambang ERL dari Kuala Lumpur ke KLIA adalah berpatutan. Jika Yang Berhormat minta kurang mungkin buat masa ini

kita pun tidak berani kata apa-apa, cuma mengikut kajian itu ialah RM35 dan RM35 pada masa itu adalah cukup berpatutan dan lebih murah daripada teksi dan juga lain-lain pengangkutan yang agak selesa.

Yang Berhormat juga membangkitkan masalah Pelabuhan Kuantan – pengorekan, new harbour basin dan sama ada ianya dianggap sebagai buang duit dari segi pengorekan itu. Yang Berhormat dari Teluk Intan juga tadi sentuh mengenai penswastaaan Pelabuhan Kuantan. Izinkan saya ambil sedikit masa untuk memberi penjelasan kepada apa yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

Yang pertama, penswastaaan Pelabuhan Kuantan adalah diswastakan kepada sebuah syarikat iaitu dikenali sebagai Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. dan memang dari penswastaaan projek ini Kerajaan Pusat akan menerima begitu banyak faedah iaitu yang pertama ialah kerajaan akan menerima lebih kurang RM4.7 juta dari sewaan sebagai kadar sewa setiap tahun untuk 30 tahun mulai dari tahun 1998. Selain daripada itu kerajaan juga akan menerima 30% dari segala kadar sewaan ataupun jumlah sewaan yang diterima oleh Syarikat Kuantan Port Consortium Sdn. Bhd. ini terhadap semua tanah yang berhampiran dengan pelabuhan ini dan kepunyaan pelabuhan.

Dengan ini Kerajaan Pusat berpendapat bahawa syarat-syarat yang telah pun dicapai Kerajaan Pusat dan juga pihak yang mendapat penswastaaan ini adalah cukup adil di mana syarikat ini juga diberikan peluang untuk mencatatkan keuntungan dan pada masa yang sama Kerajaan Pusat tidak akan kerugian dari segi wang ringgit dan pada masa yang sama segala tanggungan oleh Kerajaan Pusat akan dipikul oleh syarikat yang dapat penswastaaan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pengorekan ini adalah satu perkara yang agak sesuai bagi semua pelabuhan di mana perniagaan-perniagaan dan pertumbuhan-pertumbuhan sedang dicatatkan. Jika sesebuah pelabuhan kalau tidak mempunyai perniagaan yang baik dan tidak mempunyai sebarang pertumbuhan, saya percaya tidak ada sesiapa yang ingin buang duit untuk membuat kerja-kerja dalam pelabuhan ini. Untuk menjadikan Pelabuhan Kuantan lebih maju, maka kerja-kerja pengorekan (dredging works) ini harus diadakan dan new harbour basin ini adalah satu lokasi strategik bagi Pelabuhan Kuantan supaya dermaga-dermaga kimia, dermaga-dermaga kontena dapat dibina lagi dan supaya ianya menjadi satu pelabuhan yang lengkap.

Buat masa ini Pelabuhan Kuantan mempunyai rekod yang cukup baik walaupun pada peringkat awal iaitu 60-an, 70-an memang Pelabuhan Kuantan tidak begitu maju dan ada sesetengah pihak berpendapat bahawa Pelabuhan Kuantan tidak sesuai dijadikan sebagai satu pelabuhan di negara kita tetapi oleh kerana usaha kerajaan termasuk pihak-pihak swasta maka hari ini kita dapat melihat Pelabuhan Kuantan telah mencatatkan pertumbuhan yang cukup menggalakkan khususnya segala import-eksport dari segi papan. Papan akan diangkut dengan bot ke kapal terus pergi negara Jepun dan negara-negara berhampiran dengan ke negara Jepun di rantau itu maka segala kontrak import-eksport mengenai papan, macam kimia, simen, semua telah pun menggunakan Pelabuhan Kuantan untuk eksport dan import. Dua, tiga tahun ini Pelabuhan Kuantan telah mencatatkan sedikit keuntungan walaupun saya tidak mempunyai maklumat yang lebih lanjut mengenai berapa telah untung oleh Pelabuhan Kuantan.

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu berapa dalamkah pengorekan ini (how deep it need to be done), itu satu dan adakah selepas itu kapal-kapal ocean-going, kapal-kapal besar boleh datang dan pengangkutan dibuat di tempat tersebut kerana saya difahamkan, ini mustahil kerana seperti yang saya katakan itu misfit, it is a wrong place dan ini kita tidak mahu mengaku, adakah itu betul?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang saya katakan tadi, semua pelabuhan sama ada di Kuantan ataupun pelabuhan-pelabuhan yang lain termasuk pelabuhan yang ada di negara-negara lain juga sentiasa perlu dikorek, sebab masalah siltation akan menyebabkan imej sesebuah pelabuhan itu terjejas. Jika siltation begitu teruk, maka kapal-kapal seperti yang Yang Berhormat kata, ocean-going ship tidak dapat masuk dekat dengan pelabuhan supaya barang-barang, kontena-kontena dapat dinaikkan atau diturunkan.

Di Pelabuhan Kuantan juga sama, pengorekan ini akan diadakan setahun sekali dan jika saya ditanya berapa dalamkah kita hendak korek, pada lazimnya pengorekan

itu akan dibuat tidak melebihi 13 kaki dalam. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Pelabuhan Klang kita mempunyai satu draf ukuran dalamnya adalah 15 kaki, 16 kaki. Ini adalah mencukupi supaya kapal ocean-going dapat belayar masuk dan keluar daripada pelabuhan kita.

Yang Berhormat dari Teluk Intan, tadi saya telah pun menjawab mengenai Pelabuhan Kuantan. Mengenai ERL, saya juga telah pun menjawab secara lebih terperinci dan seperti yang saya katakan tadi, jika ada apa-apa, saya tidak dapat mengambil ...

Tuan M. Kulasegaran: Dua perkara, satu mengenai market value, berapakah pampasan square foot yang akan dibayar apabila pengambilan tanah? Kedua, benarkah kita tidak ada pakar-pakar seperti yang dikatakan kononnya tidak ada orang yang boleh mengendalikan cargo carrying facilities di Pelabuhan Kuantan, adakah ini benar?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Pengerusi, mengenai pampasan itu bagi Express Rail Link ini, segala pampasan yang perlu dibayar kepada semua tuan punya tanah di tempat di mana projek ERL itu adalah berjumlah lebih kurang RM170 juta dan sekarang kita telah membayar termasuk RM33 juta ini ialah RM85 juta, ini bermakna kita telah membayar di peringkat awal berjumlah RM85 juta kepada semua yang terlibat dari segi pengambilan tanah dan masih terdapat lagi RM85 juta yang perlu dibayar dalam tahun ini.

So, dengan perkataan lain, semuanya ialah RM170 juta dalam lingkungan itulah dan jika saya ditanya sama ada what is the square feet, I don't have the particulars, I'm sorry but, walau bagaimanapun jika Yang Berhormat minat juga, saya akan memberitahu dalam satu, dua hari kelak.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, saya ada bertanya adakah pampasan ini akan diberi kepada seorang atau beberapa orang, oleh kerana di sana terdapat beberapa buah estet yang terlibat dalam pengambilan tanah ini?

Dato' Chor Chee Heung: Dari segi maklumat yang terperinci ini saya juga meminta notis dan saya akan memberitahu Yang Berhormat dalam satu, dua hari lagi dan dari pengetahuan saya, pampasan yang dibayar kepada orang-orang yang terlibat

itu adalah orang perseorangan dan tidak begitu banyak syarikat yang terlibat, tetapi saya akan memberitahu semuanya ini.

Tuan Pengerusi, saya percaya semua perkara telah pun saya jawab dan saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan mengenai isu-isu Kementerian Pengangkutan. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM86,000,010 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1998; dan RM123,100,000 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1999 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM86,000,010 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998, dan RM123,100,000 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999.

Maksud B.49 [Jadual Kedua] –

Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999] –

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Ya, Teluk Intan.

3.48 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai Butiran (Projek) 03202 - Pemancaran dan Pembahagian. Tambahan yang diperlukan adalah sebanyak RM234,941,000 dan kenapakah kita tidak dapat estimate

pada permulaan projek ini dibuat iaitu dari Pantai Timur ke Pencawang Tawau. Apakah perancang-perancang atau experts dalam situasi ini yang semuanya tahu, mengapakah mereka tidak tahu mengenai hal ini dan apakah sistem dawai yang digunakan.

Adakah sistem yang digunakan oleh EKTRAN di Projek Bakun itu sama seperti yang digunakan oleh Manchester, baru-baru ini. Dalam proses ini kepada siapakah projek ini ditawarkan, adakah ini turnkey project yang melibatkan beberapa orang atau adakah open tender yang telah dibuat untuk kenal pasti dengan harga yang paling murah dan benda-benda, dan jenis-jenis yang terbaik telah dianalisa sebelum satu award contract sebanyak ini dibuat.

Selepas pemancaran dan pembahagian ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, berapakah tenaga yang akan dikeluarkan selepas projek ini dilaksanakan dan bolehkah juga Yang Berhormat memberitahu, berapa jauhkah Pantai Timur dan Pencawang Tawau, itu satu dan adakah ia selamat dan tidak akan membahayakan orang-orang yang menggunakan jalan tersebut. Adakah perkara ini telah diambil kira sebelum membuat satu decision.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, saya ingin menyentuh mengenai Penjanaan iaitu Butiran (Projek) 03203, di mana dikehendaki sebanyak RM64,000,829 iaitu Janakuasa Segantur dan Kudat Power Station. Soalan-soalan yang sama iaitu siapakah yang telah diberi kontrak ini dan adakah kontrak ini open tender, open contract dan apakah kebijaksanaan yang sedia ada kepada pihak-pihak di mana kontrak-kontrak ini telah diberi kerana kita sedia maklum di negara ini kerap kali diberi kontrak-kontrak bernilai bermilion, beratus-beratus juta ringgit tetapi syarikat itu feed up modal RM1, RM2, jadi kepada siapakah yang telah diberi, itulah soalan saya.

Di sini juga berapakah kuasa yang akan, dengan izin, di 'produce' dalam power station ini. Mengenai mini hidro, yang inilah masalah kepada kita, saya sendiri tidak tahu mana itu Naradawa, saya tidak tahu tetapi buat apa kita datang ke Parlimen

beritahu mini hidro dan selepas itu butiran kita perlu on the gain of chance di sini kita tanya soalan dan pihak yang berkenaan membuat jawapan. Bukanlah lebih baik dalam butiran-butiran ini kita beritahu di mana ia berada supaya senang untuk kita menyiasat mengenai perkara ini dan untuk saya, saya hendak tahu adakah ini mini hidro environmentally-friendly, adakah penyiasatan telah dibuat kerana mini hidro dan hidro yang ada di Chenderoh, di Temenggor dan di Cameron Highlands selalunya ada masalah di mana terlampau banyak pasir dan tanah tersangkut di jentera hidro-elektrik ini dan kerap kali perkara ini bukan luar biasa tetapi selalu terjadi dan mengakibatkan banyak kerugian yang tertentu kepada pihak-pihak yang mengendalikan hidro ini. Kita semua tahu pembelian enjin-enjin turbin ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu manakah ia telah dibeli. Adakah indirect benefit dari menyiapkan mini hidro ini dan berapakah janakuasa yang akan dikeluarkan oleh mini hidro ini.

Yang pertama, di mana tempat itu, saya pun tidak tahu. Yang kedua, berapakah kuasa yang akan dikeluarkan dan apakah harga yang akan ditetapkan dan kepada siapakah tenaga ini akan diberi. Seperti yang kita semua tahu pada masa ini lebih kurang 30% dari tenaga elektrik yang dikeluarkan oleh IPP (Independent Power Producers) dan Tenaga adalah tidak digunakan. Adakah ia memandangkan semua ini dalam masa ini kita perlu membelanjakan sebanyak lebih RM302 juta untuk meningkatkan lagi supaya tenaga elektrik digunakan dan yang tidak diguna pakai, 'the end users' tidak ada. Jadi apakah ramalan, apakah target kepada ketiga-tiga projek ini dan berapakah hasil pendapatan yang akan dialami dan what is the economic cost, what is the economic return per ringgit kepada investment yang kita akan melabur di sini? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu, adakah analisa telah dibuat, kalau tidak kenapa tidak walaupun kita tahu dari strategi, negara kita perlukan janakuasa yang besar dan sebagainya, tetapi apakah economic return dan berapa lamakah macam mini hidro ini the life span of the mini hydro dan what is the servicing setiap tahun, setiap bulan; dalam proses ini berapa lamakah ketiga-tiga projek ini dijangka akan siap.

Jadi, Tuan Pengerusi, oleh kerana kawan saya dari Kepong telah datang dia akan meneruskan perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada lagi kah? Balik Pulau.

3.56 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja penjelasan tentang P.49 Butiran 032020 - Pemancaran dan Pembahagian. Di sini dipohon peruntukan tambahan sebanyak RM235 juta lebih kurang untuk membiayai satu projek yang memang sedang berjalan iaitu Grid Pantai Timur dan juga Pencawang di Tawau. Ini ialah satu permohonan peruntukan tambahan yang besar iaitu RM200 juta lebih, jadi persoalan saya ialah kenapakah permohonan peruntukan tambahan yang sebesar ini terjadi kerana ia menggambarkan kepada saya seolah-olah penyediaan belanjawan asal itu tidak dibuat dengan kemas sehinggakan peruntukan tambahan itu sehingga RM200 juta lebih. Kalau projek ini baru lainlah tetapi projek ini sedang berjalan, jadi kalau sedikit RM20 juta atau RM5 juta cost overrun kita boleh faham juga tetapi sehingga RM235 untuk satu projek yang sedang berjalan yang dikemukakan dibukakan butiran ini pada belanjawan yang asal, jadi permohonan tambahan sebesar ini adalah satu yang agak luar biasa sedikit. Saya memohon penjelasan daripada kementerian apakah sebab-sebabnya permohonan yang sebesar ini berlaku untuk projek yang dimaksudkan di sini iaitu projek Grid Pantai Timur dan juga Pencawang di Tawau.

Perkara dalam Maksud B.49 untuk kementerian yang sama ialah perbelanjaan tambahan untuk membiayai pembelanjaan mengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Dewan ini telah meluluskan rang undang-undang untuk mewujudkan entiti ini dan saya rasa baru setahun lebih kurang. Persoalan ialah permohonan yang diminta, ini bukan pembangunan, ini di bawah Maksud B sebanyak RM60 juta untuk perbelanjaan mengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini.

Kita menyokong supaya perjalanan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini berjalan dengan baik dan mendapat segala sokongan yang perlu untuk menjayakan

kita punya projek MSC ini tetapi RM60 juta untuk membiayai perbelanjaan mengurus satu Suruhanjaya yang besar ini untuk tahun pertamanya sebagai perbelanjaan mengurus, bukan perbelanjaan pembangunan, adalah satu angka yang saya rasa perlu kementerian memberi sedikit perincian tentang pecahan perbelanjaan yang sebesar ini untuk perbelanjaan mengurus. Sebab saya difahamkan perbelanjaan mengurus ini tidak termasuk pembelian aset-aset yang tak alih dan sebagainya, jadi angka ini saya mintalah supaya kementerian memberi sedikit perincian tentang bagaimana duit RM60 juta ini dibelanjakan sebagai perbelanjaan mengurus Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Bagan.

4.00 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Pengerusi, satu jumlah RM362.7 juta diminta, jadi Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional semua tidak mahu ambil berat tentang permohonan ini dan mereka ingin meluluskan permohonan ini dengan secepat mungkin dengan senang-senang sahaja.

Tuan Pengerusi, walaupun projek-projek ini dijalankan di negeri Sabah tetapi pengalaman di Semenanjung membangkitkan beberapa persoalan. Oleh kerana projek ini mungkin di kawasan pedalaman Sabah maka banyak lagi penyelewengan-penyelewengan mungkin berlaku. Satu tahun dahulu kami telah nampak sebuah grid tower iaitu structure steel tower di Seberang Prai yang baru dibina. Apabila pekerja-pekerja menjalankan tarik talian, kami nampak steel structure tower dan apabila mereka tarik talian atau kabel, maka steel structure tower ini telah condong dan surat khabar telah pun menyiarkan tentang cerucuk tower ini di mana steel structure tidak disambung ke.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, kita dalam Jawatankuasa iaitu berkaitan dengan Maksud B.49, ini di Sabah.

Tuan Lim Hock Seng: Betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Jangan bawa perkara-perkara yang di luar, Yang Berhormat. Ini dalam Jawatankuasa, kalau dasar baru boleh. Ini tidak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, sebab itulah pada permulannya saya berkata kesilapan yang berlaku di sini, jangan berlaku di kawasan pedalaman Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tetapi Yang Berhormat sebut tentang tower di Seberang Prai, spesifik di situ. Yang Berhormat kena berbahas mengenai Butiran-butiran yang ada sekarang.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, saya kata mungkin berlaku di kawasan Tawau.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu kemungkinan, tidak boleh mungkin. Ini bahas yang ada di Sabah sekarang dan untuk makluman Yang Berhormat, janakuasa ini bukan untuk pedalaman. Kalau tidak ada hendak bahas, boleh beri peluang kepada orang lain.

Tuan Lim Hock Seng: Ada, kalau tidak boleh pergi ke situ, saya pergi ke lain tempat lain iaitu kesalahan di sini jangan diulang di negeri Sabah. Saya ambil cadangan ini supaya negeri dari Tuan Pengerusi selamat, duit dibelanja dengan bersungguh-sungguh, jangan membazirkan wang rakyat terutama sekali steel structure ini hendak dibina di gunung-ganang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Kepong pun nampaknya tidak bersetuju.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, juga seperti Yang Berhormat dari Balik Pulau, sebenarnya apakah kos asal iaitu tender kos asal untuk projek ini. Dalam sesuatu kontrak atau sesuatu projek mestilah ada anggaran kos asal iaitu tender sum. Berapakah tender sum itu dan mengapakah variation order sejumlah RM234.9 juta diperlukan dan dalam variation order ini, siapa yang memberi verification, adakah jurutera-jurutera di TNB, mana satu institusi memberi verification dan sama ada verification ini dapat diiktiraf oleh kerajaan kerana dalam sesuatu kontrak, kontraktor yang paling harap untung adalah di bidang variation order dan extra order dan mereka mungkin boleh berpakat dan menambahkan harga variation order itu. Sebab itulah

apabila suatu jumlah yang begitu besar iaitu RM234.9 juta dibelanjakan, satu accountability dan ketelusan mesti dibentang atau disemak oleh satu badan iaitu mungkin di EPU, di Pejabat Perdana Menteri supaya wang yang dibelanja tidak senang-senang diselewengkan. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong, selepas ini kementerian jawab.

4.05 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, kita ada 85 minit lagi untuk bahas di perbahasan peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sila teruskan, kita ada banyak business lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak patutlah sekat saya kepada 10 minit; 20 minit, boleh? Tuan Pengerusi, daripada P.49 - Pemancaran dan Pembahagian, Grid Pantai Timur dan Pencawang Tawau di Sabah dan juga Stesen Janakuasa Seguntar dan Kudat Power Station dan akhirnya mengenai Mini Hidro Naradawa.

Tuan Pengerusi, yang pentingnya pagi ini saya ada sebut mengenai kelebihan kuasa kapasiti di Sarawak. Ada lebih 700 megawatt yang digunakan, tiap-tiap kali ialah hanya 400 megawatt sahaja di Sarawak. Dengan demikian, kenapa lebih kuasa elektrik ini tidak digunakan untuk Sabah pula kerana ada lebih. Tetapi bukan sahaja di Kudat bahkan juga kita nampak pada tahun lepas diminta bekalan tambahan untuk Empangan Liwagu. Ada betulkah Tuan Pengerusi, Liwagu di kawasan itu. Tahun lepas kita minta tambahan untuk projek di Sungai Liwagu dan tahun ini minta untuk Tawau, Kudat dan juga untuk Naradawa.

Saya juga pening kepala, apakah keputusan yang dibuat oleh pihak Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia untuk projek-projek seumpama ini dan saya sebutkan hal ini kerana kita nampak misalnya daripada Bakun di Sarawak. Satu misal sahaja, Tuan Pengerusi, kerana ada jiran di Sarawak. Pada mulanya satu projek untuk 2,400 megawatt, kemudian tiba-tiba dengan krisis ekonomi dan faktor-faktor yang lain dikurangkan mungkin untuk projek 500 megawatt dan di sinilah saya

hendak pihak kementerian untuk menerangkan, apakah keputusan sekarang untuk seluruh negara, bukan untuk Sabah, Sarawak sahaja, bahkan seluruh negara. Adakah keputusan sekarang sudah dibuat untuk mengadakan semua projek mini hidro di negara ini. Kalau itulah keputusan, apakah kapasiti mini hidro yang dimaksudkan, adakah kapasiti di bawah 50 megawatt disebutkan sebagai mini hidro. Sebab saya tertarik kepada aktiviti di dalam kementerian sekarang untuk membina mini hidro, bukan mini market sahaja, sekarang mini hidro.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah kapasiti kuasa elektrik di Sabah sekarang kerana kita tumpu perhatian kepada Sabah, apakah yang diperlukan dan dengan peruntukan ini dan projek-projek yang disebutkan ini, adakah kapasiti sudah dipenuhi di negeri Sabah. Sebab saya pun hendak tolong Tuan Pengerusi juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, tetapi kawasan-kawasannya bukan di seluruh Sabah, yang ada di Butirannya.

Dr. Tan Seng Giaw: Bagaimana, Kudat bukan Sabah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tiga kawasan, bukan seluruh Sabah, ini dalam Jawatankuasa. Yang Berhormat tidak boleh menceritakan seluruh Sabah, yang ini dalam Jawatankuasa, Butiran yang ada sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita tumpukan kepada Tawau, Kudat dan Naradawa, tiga kawasan sahaja, boleh? Macam mana tidak boleh sebab ini kita hendak tambahkan kapasiti bekalan elektrik dan juga hendak melicinkan pemancaran dan pembahagian, maka kita perlu sebutkan negeri Sabah kerana ini kena-mengena dengan kapasiti seluruh negeri, memang ada kena-mengena kerana ini ada pertalian.

Walau bagaimanapun, di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada apakah keputusan sekarang misalnya dengan pemancaran dan pembahagian, biasanya saya nampak pihak kementerian koordinasi atau penyelarasan dengan kerajaan tempatan itu tidak cukup, mengapa saya berkata tidak cukup, walaupun kita peruntukkan hampir RM240 juta untuk pemancaran dan pembahagian, tetapi kabel-kabel yang digunakan masalah timbul kerana pihak kementerian dan kerajaan-kerajaan tempatan, penyelarasan itu tidak cukup, tidak sempurna dan pihak kerajaan tempatan membenarkan pokok-pokok di bawah 'transmission line', di bawah kabel. Bila pokok

itu tumbuh, timbul masalah, masalah kerana bila angin kencang pokok itu tumbang ataupun patah dan kemudian ada masalah 'black out', gangguan bekalan elektrik.

Di sini saya gunakan kesempatan ini, Tuan Pengerusi, jangan salah faham, ini mengenai Tawau, walaupun masalah ini timbul di

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Masa sudah cukup.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, Chenderoh itu memang masalah dia itu tidak boleh diam dengan begitu 'labaknya, kelabakannya' itu susah kita. *[Ketawa]* Hendak selesaikan masalah pemancaran dan pembahagian itu, kita susah kerana ada orang seperti Chenderoh.

Tuan Pengerusi, saya sebutkan mengenai penyelarasan di antara pihak kementerian dengan kerajaan tempatan adalah satu perkara yang serius. Setiap kali kita ada gangguan elektrik sebahagian besarnya kerana pokok yang patah dan tumbang yang menyebabkan 'transmission line' itu terganggu.

Kalau itulah masalah kita, saya berharap pihak kementerian dan juga pihak kerajaan tempatan dapat mempertingkatkan penyelarasan supaya bukan sahaja di kawasan Tawau bahkan juga di seluruh negara ada lebih 150 kerajaan tempatan, kita dapat satu penyelarasan yang lebih baik dan jangan kita tanamkan pokok di bawah transmission line di mana-mana tempat dan kita boleh elakkan gangguan elektrik.

Tuan Pengerusi, sebab saya sendiri satu bulan kadangkala beberapa kali menghadapi masalah kerana gangguan elektrik dan saya percaya kebanyakan Ahli Yang Berhormat di sini pun menghadapi masalah yang sama termasuk di Terengganu, bukan sahaja di Kepong ataupun di Tawau sahaja. Saya diberitahu bahawa masalah di Tawau itu lebih teruk, mungkin Yang Berhormat Menteri

Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dapat meneliti masalah gangguan elektrik kerana kekurangan penyelarasan antara kementerian dengan kerajaan tempatan.

Tuan Pengerusi, mengenai pelaksanaan

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa cukup?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada 20 minit untuk saya, sebab masih ada

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, siapa yang beri ruling 20 minit?

Dr. Tan Seng Giaw: 50 minit.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia pakai jam Jepun ini. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tidak beri ruling 20 minit, sepuluh minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada 75 minit lagi Tuan Pengerusi, kerana kita dijadualkan untuk menghabiskan Jawatankuasa ini pada pukul 5.30 petang dan kita ada 75 minit lagi. Sebab itulah saya menggunakan kesempatan ini untuk menyatakan pelbagai pendapat yang bernas, yang membina, yang boleh membaiki keadaan di negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tak relevan.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Teluk Intan bangun pula.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Merapu sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa dia sudah habis, macam mana hendak minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada pula point of order.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kalau dia duduk, saya tarik balik, kalau dia tidak duduk point of order.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana point of order pula, saya ada rancangan untuk melawat ke Bukit Jerai ataupun Gunung Jerai, tetapi sekarang dengan sikap sedemikian, saya pun membatalkan plan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, kita buang masa sahaja, Yang Berhormat Kepong sabar ya. Kita sudah buang masa, sudah lebih dah.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik, lebih dah? Terima kasihlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jawapan dari kementerian.

4.16 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan membahaskan beberapa perkara yang menyentuh tanggungjawab Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Ketiga) 1998 dan Tambahan (Pertama) 1999 di peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat dari Balik Pulau telah menyentuh tentang peruntukan yang diluluskan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan minta memberi detail, dengan izin, macam mana RM60 juta ini akan dibelanjakan pada tahun ini.

Peruntukan RM60 juta yang dipohon untuk SKM adalah sebagai pendahuluan kepada SKM bagi membolehkan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia (SKM) melaksanakan fungsi-fungsinya sehingga pihak SKM dapat mengutip hasil-hasilnya sendiri melalui lesen-lesen yang dikeluarkannya kelak. Maka ini merupakan

'launching grant' yang akan diluluskan kepada pihak SKM dan antara RM60 juta yang akan diluluskan bagi SKM adalah dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

- (i) belanja mengurus terdiri daripada gaji, latihan, sewa, pakar perunding, perundingan industri, perhubungan korporat dan lain-lain sebanyak RM9 juta.
- (ii) belanja membeli harta tetap termasuk alat pejabat, alat perabot dan kelengkapan, alat komputer dan multimedia, kenderaan dan alat spektrum khususnya alat spektrum sendiri akan dibelanjakan sebanyak RM30 juta, bahagian (ii) ini kesemuanya RM41 juta.
- (iii) ialah penubuhan dana iaitu dua dana yang akan diwujudkan untuk kakitangan yang akan bekerja dengan SKM iaitu dana perkembangan industri RM5 juta dan dana pinjaman kakitangan RM5 juta, semuanya RM10 juta.

Kesemuanya berjumlah RM60 juta.

Pihak SKM ini akan mengambil alih kerja daripada kerja-kerja yang telah dijalankan oleh Jabatan Telekomunikasi Malaysia sebelum 1 April dan juga Jabatan Penyiaran, Kementerian Penerangan sebelum ini.

Yang Berhormat dari Teluk Intan, Balik Pulau, Kepong dan Bagan telah menyentuh beberapa perkara tentang Butiran 03202 iaitu Pemancaran dan Pembahagian iaitu projek yang sedang berjalan antara Grid Pantai Timur dan Pencawang Tawau dan projek penjanaan dan juga projek mini hidro.

Saya hendak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini, ada beberapa perkara yang agak spesifik di mana saya tidak boleh menjawab pada petang ini, saya akan memberikan jawapan kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis, yang mana saya dapat jawab, saya akan memberikan jawapan sekarang ini.

Peruntukan tambahan diperlukan untuk ketiga-tiga projek ini khususnya projek pertama iaitu tambahan sebanyak melebihi RM200 juta bagi meneruskan perbelanjaan ataupun pembiayaan kepada projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh yang tidak dapat disediakan di dalam tahun 1999 oleh kerana Lembaga Letrik Sabah telah pun diswastakan di dalam tahun 1998.

Lembaga Letrik Sabah telah diswastakan pada 1 September 1998 melalui perjanjian penswastaan di mana syaratnya kerajaan akan terus membiayai projek-projek yang telah pun diluluskan dalam Rancangan Malaysia Yang Ketujuh lebih awal daripada tarikh LLS ini diswastakan.

Maka pada dahulunya peruntukan ini memang telah diluluskan kepada pihak LLS, oleh kerana LLS diswastakan maka peruntukan ini tidak boleh dipakai lagi oleh LLS, maka kita kena belanjakan secara perbelanjaan tambahan dan perkara ini akan disambung pada tahun 2000 bila Rancangan Malaysia Yang Ketujuh sudah tamat, maka tahun depan perkara ini akan wujud lagi, ini tidak bermakna kita tidak ada perancangan, memang ada perancangan dan peruntukan telah pun disediakan dan ia tidak boleh dipakai oleh LLS maka kita hendak memohon secara permohonan tambahan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, projek Grid Pantai Timur telah diluluskan kepada Proven Transmission Sendirian Berhad dengan kos projek bernilai RM360 juta. Projek ini akan dijadualkan siap pada tahun 2001, sekarang projek tersebut berjalan dengan lancar, projek ini bukan satu projek penjanaan, ia merupakan satu projek untuk mewujudkan grid di seluruh negeri Sabah, sekarang sistem grid cuma wujud di Pantai Barat sahaja, di Pantai Timur belum ada. Pantai Timur semua 'stand alone' maka untuk menggunakan elektrik dengan lebih berkesan, kita harus mewujudkan grid di seluruh negeri Sabah maka projek ini adalah merupakan sebahagian usaha kerajaan untuk mewujudkan satu grid di seluruh negeri Sabah di mana dengan sempurnanya akan siapnya sistem grid ini maka kita boleh menggunakan tenaga di negeri Sabah dengan lebih efisien lagi, ini adalah merupakan satu bahagian.

Tentang soalan 'economic return' ini di negeri Sabah, ini memang susah bagi kita kalau kita hendak menguji setiap ringgit kita belanja kita mesti dapat lebih daripada itu, memang susah kerana the scale of economy is not there, dengan izin, di negeri Sabah tetapi ini lebih merupakan tanggungjawab Kerajaan Barisan Nasional untuk memberikan bekalan kepada seluruh negeri Sabah. Seperti setiap Ahli Yang Berhormat sedia maklum kebanyakan penduduk masih duduk di kawasan pedalaman,

kalau kita hendak kira 'economic return' ini memang susah bagi kita menjalankan projek-projek, kebanyakan projek di kawasan pedalaman ini.

Walau bagaimanapun, kita haraplah projek-projek ini dijalankan juga kalau sekiranya 'economic return' ini rendah, kalau dikaji dari segi ekonomi tetapi ini merupakan 'social obligation' daripada pihak kerajaan, maka kita jalankan juga sungguhpun economic return untuk kebanyakan kawasan ini adalah rendah. Sebenarnya, bagi pelanggan di negeri Sabah lebih banyak elektrik digunakan lebih berat bagi pihak kerajaan kerana setiap unit digunakan di negeri Sabah, kita memberikan subsidi, setiap unit digunakan kita akan memberikan subsidi.

Dr. Tan Seng Giaw: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat, sebelum ini saya tidak tahu kita beri subsidi dan kalau itulah masalah kita selain daripada membina mini hidro dan membina stesen-stesen di kawasan-kawasan yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kalau kita gunakan bekalan elektrik daripada Sarawak macam mana, bolehkah kita kurangkan kos kerana mereka mempunyai lebih bekalan elektrik di situ, kita gunakan daripada Sarawak untuk kawasan-kawasan mungkin kita tidak payah memberi subsidi dengan begitu banyak, berapa banyak yang diberikan itu?

Dato' Chan Kong Choy: Ya, memang pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk mewujudkan sistem grid di antara negeri Sabah dan Sarawak dan Labuan juga, memang ada juga rancangan ataupun beberapa rancangan telah pun dikemukakan supaya menghidupkan semula Projek Hidroelektrik Bakun tetapi untuk bekalan kepada negeri Sarawak dan Sabah memang ada, maka kita yakin bahawa dengan siapnya sistem grid di antara Sabah, Sarawak dan Labuan ini, penggunaan elektrik ataupun tenaga akan boleh dijalankan dengan lebih efisien tetapi oleh kerana pewujudan sistem grid di satu kawasan yang begitu luas ini memang kita kena belanja berbilion-bilion ringgit, maka kita memang ada rancangan tetapi kita akan ikut beberapa peringkat. Memang cadangan Ahli Yang Berhormat ini kita telah teliti dan memang akan dilaksanakan pada masa depan kelak.

Di negeri Sabah permintaan maksimum sekarang ialah 380 megawatt tetapi penjanaan ialah 783 megawatt, permintaan 380 megawatt tetapi penjanaan 700 megawatt lebih, ertinya reservenya banyak, tetapi ini adalah merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan, kalau sekiranya sistem grid tidak diwujudkan kerana banyak 'station stand alone' di tempat masing-masing. Maka kita sedang menjalankan satu sistem grid supaya semua stesen ini dapat dihubungkan seperti di Semenanjung maka kita akan menggunakan dengan lebih efisien lagi.

Lebih kapasiti ini selain daripada saya memberikan penjelasan sebentar tadi, lebih kapasiti ini mengikut rancangan yang asal adalah untuk keperluan bekalan elektrik bagi seluruh negeri Sabah, tetapi akibat daripada kegawatan ekonomi, pertumbuhan perindustrian dan juga loop centre yang baru berjalan dengan lebih lembab lagi sekarang, oleh kerana itu permintaan tidak bertumpu seperti mana yang dirancangkan tetapi kita harap pada satu masa bila ekonomi negara pulih, keadaan permintaan ini dapat bertambah mengikut apa yang telah dirancangkan oleh pihak kerajaan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Mengenai projek Liwagu, engineering study telah disempurnakan tetapi oleh kerana kekurangan kewangan maka projek ini akan ditangguhkan hingga tahun 2010 oleh kerana:

- (i) masalah kewangan;
- (ii) bekalan elektrik telah mencukupi

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini kali pertamalah saya dengar projek Liwagu sudah ditangguhkan kerana saya masih ingat sekurang-kurangnya dua kali kita bahas perbekalan tambahan di sini untuk memberi peruntukan kepada projek Liwagu itu. Kalau ditangguhkan berapa jumlah perbelanjaan setakat ini untuk projek itu?

Dato' Chan Kong Choy: Untuk menjalankan engineering study, kita telah belanja lebih kurang RM21 juta. Satu peruntukan sebanyak RM30 juta telah

diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, tetapi setakat ini kita cuma telah membelanjakan RM21 juta dan kita masih berpendapat bahawa projek Liwagu ini adalah merupakan satu projek yang feasible tetapi oleh kerana bekalan sudah cukup dan oleh kerana keadaan kewangan maka kita buat keputusan untuk menangguhkan projek ini.

Soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain adalah terlalu spesifik macam variation order dan sebagainya, saya memerlukan masa bagi menyediakan jawapan dan saya akan memberikan dalam tempoh dua, tiga hari ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada semua soalan yang telah dibangkitkan secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM60,000,000 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM60,000,000 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM302,700,000 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan pertama bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM302,700,000 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)1999.

Maksud B.51 [Jadual Pertama] –

**Maksud P.51 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998] –
Maksud P.51 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.51 dan Kepala Pembangunan P.51 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

4.35 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, kita ada hampir 55 minit lagi. Jadi tidak payah kita hendak hadkan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Kita ada banyak lagi Rang Undang-undang Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kepong banyak kali bercakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya percaya rang undang-undang yang bakal dibentangkan itu tidak banyak perbincangan cuma satu, dua sahaja.

Tuan Pengerusi: Jikalau Yang Berhormat tidak banyak berucap tidak apalah.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak, sebenarnya tidak. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, dengan B.51 dan P.51 ini kita memang nampak ada usaha untuk memperbaiki dan untuk mewujudkan pembelian Canseri di Harare dan juga di Berlin, Washington, mengenai emolument, elaun hidup dan sebagainya dan kita memang hendak Diplomat duduk dengan selesa, emolument dan elaun yang cukup supaya mereka boleh memainkan peranan yang diperlukan oleh negara.

Di sini saya hendak bangkitkan beberapa perkara untuk dipertimbangkan oleh pihak kementeriannya. Nampaknya tidak ada wakil daripada Kementerian Luar Negeri. Mungkin Yang Berhormat Chenderoh hendak ambil alih di dalam Bahagian Kementerian Kewangan pun beliau tidak begitu fasih di dalamnya. Sekarang di.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi: Ya, point of order.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sangkaan buruk terhadap Timbalan Menteri. Minta Yang Berhormat tarik balik.

Tuan Pengerusi, kerana Timbalan Menteri kita ini up-to-date. Jadi saya minta Yang Berhormat Kepong yang pakar dalam penyakit kulit ini concentrate tentang kulitnya. Yang luar negeri beri kepada orang lain pula.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, cuma Yang Berhormat Yan ini susah sedikit. Bukit Jerai itu bukan begitu tinggi, dia panggil Gunung Jerai. Itulah masalah kita sekarang. Hampir sekarang kita pun tidak tahu Jerai itu jadi satu destinasi pelancongan. Jadi memang dia mesti pertingkatkan usahanya, kerjanya, jangan kita kacau di sini, kacau di luar, untuk menonjolkan destinasi pelancongan di Jerai itu lebih baik

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Minta penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: lebih berguna.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Apa relevannya Gunung Jerai dengan Kementerian Luar Negeri?

Dr. Tan Seng Giaw: Itu Kementerian Luar 'Kedah'.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tidak relevan kes ini.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu Kementerian 'Kedah'. Jadi imej Kedah itu terjejas sekarang.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat Kepong, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Di sini, saya hendak membangkitkan beberapa perkara mengenai Kedutaan Besar Malaysia di Washington dan juga di Berlin. Saya bangkitkan hal ini kerana di Berlin pihak Jerman hendak pindahkan ibu kotanya dari Bonn ke Berlin. Dengan itulah kita minta satu peruntukan untuk memindah dan menjadikan Kedutaan Besar Malaysia di Berlin, itu masalah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh jawab bagi pihak kementerian [Ketawa]. Tanggungjawab dia.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Cross over.

Dr. Tan Seng Giaw: Tetapi tidak ada pihak kementerian di sini, itu hairan saya.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Masalah di Jerman itu hendak pindahkan ibu kota, sebab itulah kita perlu adakan satu Kedutaan Besar baru di Berlin. Saya tidak begitu membantah sangat. Cuma kita hendakkan kedutaan lebih besar, lebih canggih, lebih baik. Cuma di Eropah dan di Washington kita perlu memper-tingkatkan dari segi perkhidmatan luar negara misalnya usaha kita sekarang dengan masalah Kosovo. Bukan saya hendak bincangkan Kosovo kerana itu Nato. Nato itu memang Berlin, memang Washington ada terlibat dengan Nato ini. Masalah sekarang walaupun penyelesaian Kedutaan Besar itu sudah dijamin tetapi duta-duta kita mesti memainkan peranan yang lebih misalnya macam mana kita dapat membantu dengan pelarian-pelarian yang dianiayai oleh pihak Serb, satu masalah yang memang satu penjenayahan yang dilakukan oleh pihak Serb. Saya tidak setuju, saya percaya semua rakyat Malaysia tidak setuju dengan apa yang dibuat oleh pihak Serb untuk membunuh, merogol dan juga menganiayai orang-orang di Kosovo. Duta kita mesti memainkan peranan yang lebih untuk memberi maklumat cukup kepada rakyat Malaysia ini dan juga berusaha untuk memberi bantuan kepada pihak Albanian di Kosovo.

Tuan Pengerusi, cuma satu perkara lagi. Misalnya perkhidmatan untuk rakyat Malaysia di luar negara, di Amerika Syarikat yang hendak mendaftarkan sebagai pengundi Malaysia. Pihak kedutaan di Washington ataupun di Berlin dan di Harare pun mesti mempertimbangkan bagaimana kita boleh memperbaiki keadaan ini, misalnya pihak Suruhanjaya Pilihan Raya sudah pun menghantar 5,000 borang kepada

Canseri-canseri di seluruh dunia. Tetapi di Amerika Syarikat satu contoh, kalau rakyat Malaysia ada di Pantai Barat dia hendak dapat borang pun susah.

Maklumat kadangkala tidak betul. Ada yang diberitahu bahawa pendaftaran pemilih itu untuk tahun lepas, bukan untuk tahun ini. Tahun ini hanya untuk orang yang bermastautin di Malaysia sahaja. Itu satu maklumat yang salah. Sekarang tempoh untuk pendaftaran pemilih itu sudah dilanjutkan kepada 13 Mei, saya berharap keadaan ini dapat diperbaiki untuk rakyat Malaysia di seberang laut dapat mendaftarkan diri. Saya bersetuju bahawa bilangan yang di luar negara itu tidak banyak dan kita mesti menumpukan perhatian kepada rakyat di dalam negara.

Tuan Pengerusi, mengenai peranan yang dimainkan oleh duta-duta kita ini terutamanya di Berlin dan juga di Washington, kita sedang berusaha untuk memulihkan ekonomi kita, sementara itu masalahnya reka bentuk atau architecture sistem kewangan di dunia tidak begitu sempurna sehingga ada segelintir orang – speculators dapat merosakkan ekonomi, bukan sahaja Malaysia bahkan negara-negara kecil yang lain. Sebab itulah duta-duta kita mesti memainkan peranan yang lebih untuk, bukan sahaja menyiarkan maklumat mengenai Malaysia kerana imej Malaysia mengenai ekonomi ini kalau berbanding dengan imej yang ditonjolkan oleh pihak Thailand, Singapura atau Korea Selatan, memang imej lebih baik di Washington dan juga Berlin. Ini bermakna duta-duta kita mesti memainkan peranan yang lebih untuk menonjolkan imej kita dan usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kita untuk memulihkan ekonomi negara ini.

Tuan Pengerusi, memang relevan kepada yang dibincangkan di sini. Memang relevan kerana kita hendakkan duta-duta kita jangan kita biarkan untuk mengambil perhatian kepada masalah ekonomi kerana kedutaan kita ini bukan sahaja untuk menguruskan hal-hal yang lain, ekonomi memang satu bahagian yang penting. Boleh dikira 'duta ekonomi' pun boleh disebutkan, bukan duta-duta biasa sahaja kerana masalah ekonomi memang penting.

Satu misalan lagi, mengenai apa yang berlaku di Amerika Syarikat, di Dow Jones sekarang meningkat kepada lebih 11,000 points. Ini sangat tinggi, seperti belon yang besar itu. Kita takut ia pecah, meletup. Bila Dow Jones itu turun dengan dahsyat, negara kita pun akan mengalami masalah dan sekarang kerana ada setengah-setengah orang, bukan sahaja krisis di Kosovo bahkan juga kerana Dow Jones meningkat dengan begitu dahsyat, ada setengah-setengah itu takut juga kerana pihak speculator ini takut juga, dia sekarang ada membawa wang kepada Malaysia, Indonesia – bukan Indonesia, kepada

Tuan Pengerusi: Thailand.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha?

Tuan Pengerusi: Thailand.

Dr. Tan Seng Giaw: Thailand, Singapura dan Korea Selatan dan saham-saham di Singapura dan Korea Selatan itu dibeli kerana saham itu lebih murah dan mereka beli dengan banyak di Singapura, misalnya. Indeks Bursa Saham Singapura sudah meningkat dan selepas membeli saham-saham di Singapura dan Korea Selatan kerana imej mereka di Amerika Syarikat dan juga di Eropah lebih baik daripada kita, dia beli dengan banyak dan ada bakinya dia beli di Bursa Saham Kuala Lumpur. Malang juga, kalau kita mendapat imej yang lebih baik, dia beli dengan banyak tetapi ada bahayanya juga. Apa bahayanya? Seperti mana yang berlaku pada bulan Julai 1997 iaitu dengan hedge funds mereka ini kalau ada sedikit pergolakan sahaja mereka akan tarik balik dengan cepat.

Tuan Pengerusi, mahu tidak mahu kedutaan kita mesti lebih memahami masalah ini dan mungkin kita boleh mengadakan satu dasar yang lebih berkesan bagaimana kita dapat mengatasi masalah-masalah seperti architecture, sistem kewangan seperti wang hedge funds daripada Amerika Syarikat dan Eropah kerana kita mesti mengakui, walaupun kita hendak bebas, kita hendak merdeka daripada dipengaruhi ataupun dikongkong oleh pihak Barat atau pihak Amerika Syarikat, kita mesti mengakui bahawa mereka adalah mempunyai lebih wang daripada kita. Itu

masalah kita, kita tidak mahu mengikuti apa yang berlaku di Thailand dan Korea Selatan kerana dikongkong, dijajahi oleh IMF, itu kita tidak mahu.

Walau bagaimanapun, dari segi kebebasan negara ini kita pun mengakui, kita perlukan wang daripada mereka, dana Amerika Syarikat dan Eropah kita perlu sebab itulah saya berharap, dan akhir sekali, kedutaan-kedutaan kita di seluruh dunia terutama di Eropah dan Amerika Syarikat memainkan peranan yang lebih dan dengan mempunyai fungsi yang lebih berkesan, bukan sahaja menguruskan pendaftaran pemilih, bahkan juga di semua bidang terutamanya ekonomi supaya negara kita dapat maju. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Jelutong.

4.47 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tadi rakan saya dari Kepong dalam perbahasannya menyatakan bahawa kedutaan-kedutaan Malaysia di negara-negara lain perlulah peranan beliau dipertingkatkan tetapi Tuan Pengerusi, bagi imej negara ini dalam konteks kes Datuk Param Kumarasamy, baru-baru ini Mahkamah Dunia (World Court) ada memutuskan dalam kes itu dan ada majoriti 14:1, satu hakim sahaja bagi mahkamah yang mempunyai hakim-hakim yang bertaraf, berkredibiliti dan sebagainya sangat tinggi. Kenapa dalam negara ini apabila isu Datuk Param Kumarasamy berbangkit, apabila beliau telah disaman oleh beberapa pihak dalam negara ini termasuk konco-konco Barisan Nasional, kerajaan – Vincent Tan dan sebagainya.

Beliau ada menyaman kepada mahkamah bagi kes defamation. Kenapa apabila isu ini berbangkit, mahkamah-mahkamah dalam negara ini termasuk Mahkamah Rayuan tidak memutuskan bahawa Datuk Param Kumarasamy sebagai UN Rapporteur di Malaysia ada immunity. Kenapa sampai ke Mahkamah Dunia untuk mendapat satu keputusan yang bukan sukar untuk diputuskan dalam negara ini? Tidakkah ini memalukan negara kita di negara-negara lain.

Saya merayu kepada kerajaan untuk membuat damage control. Kedutaan-kedutaan Malaysia di negara-negara lain harus diberi sebab-sebab tertentu, sebab-sebab yang boleh diterima apabila disoal oleh duta-duta lain bagi kes Datuk Param Kumarasamy.

Walaupun minggu lepas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa Malaysia akan menerima keputusan itu tetapi penerimaan itu

tidak dibuat dengan ikhlas kerana selepas kenyataan itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada hentam Dato' Param Kumarasamy. Apa peranan dia sebagai Rapporteur dalam negara untuk hentam kerajaan.

Peranan Dato' Param Kumarasamy adalah untuk menentukan dalam negara ini kebebasan kehakiman dan sebagainya. Apabila beliau bertindak untuk membuat demikian bolehkah kerajaan dalam negara ini menghentam dia. Jika dia puji kerajaan, itu boleh diterima. Apabila dia kritik, apa yang dilakukan oleh kerajaan dalam negara ini bagi kebebasan penghakiman khasnya kes Tun Salleh Abas.

Itu adalah satu kes yang memalukan negara Malaysia. Sampai ke hari ini 11 tahun selepas kes itu, imej negara belum dipulihkan. Apa yang berbangkit sekarang isu Dato' Param Kumarasamy.

Saya mahu mendapat penjelasan daripada Kementerian Luar Negeri. Apakah cadangan kementerian ini untuk membetulkan mempertingkatkan imej Malaysia dalam konteks isu Dato' Param Kumarasamy.

Lagi satu isu, Tuan Pengerusi. Ini adalah mengenai Datin Seri Wan Azizah. Kedutaan Filipina....

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Point of Order.

Tuan Pengerusi: Ya, point of order.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Perkara 36(1) isu ucapan tidak kena mengena langsung dengan ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yalah. Yang Berhormat mintalah kena berkenaan dengan perbelanjaan yang dibelanjakan di Berlin dan juga perbelanjaan di Washington, ya. Tidak bersangkutan dengan Datin Seri Wan Azizah itu ya. Saya bersetuju dengan cadangan itu.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak payah buang duit atas pembelian bangunan dan sebagainya jika imej negara ini dipulihkan di kaca mata negara-negara lain dan ini pun mengenai kedutaan, kenapa Duta Filipina ada dipanggil ke Wisma Putra.

Tuan Pengerusi: Itu tidak bersangkutan juga Yang Berhormat. Duit ini ialah untuk Washington dan Berlin ya, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ini sebagai am.

Tuan Pengerusi: Ini peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat, tidak ada am di sini ya.

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat dari Jelutong bahawa Kertas Perintah 2A Maksud B.51, Kementerian Luar Negeri iaitu meminta tambahan sebanyak RM30.5 juta adalah dikehendaki untuk membiayai bayaran emolumen, elaun sara hidup bagi kakitanganambilan tempatan dan kakitangan perwakilan Malaysia di seberang laut, kos penempatan pegawai dan kakitangan, sewaan serta penyelenggaraan pejabat dan rumah kediaman di seberang laut dengan emolumen dan juga elaun-elaun yang diberi kepada anggota-anggota kedutaan Malaysia di luar negara maka bidang kuasa dan tanggungjawab anggota-anggota kedutaan ini memang perlu ditingkatkan dengan prestasi mereka berhubung dengan berbagai-bagai cara. Sekian.

Tuan Pengerusi: Sila, Yang Berhormat dari Jelutong. Masa Yang Berhormat sudah hendak habis. Sila teruskan ya, ada sedikit masa lagi Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya bangkitkan perkara yang saya sentuh tadi?

Tuan Pengerusi: Ya, berkenaan dengan panggilan duta ke Kuala Lumpur ini tidak bersangkutan, Yang Berhormat. Yang dikatakan di sini di luar negeri...

Tuan R. Karpal Singh: Ya, Filipina luar negeri, di sini.

Tuan Pengerusi: Ya, di sini.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan dalam negeri, dia dari Filipina untuk jadi duta di Malaysia. Ada kaitan walaupun tak berapa 'little remote perhaps'.

Tuan Pengerusi: Minta gulung.

Tuan R. Karpal Singh: Saya gulung. Apabila Datin Wan Azizah pergi ke Manila.....

Tuan Pengerusi: Itu saya sudah putuskan, tadi tidak bersangkutan. Saya putuskan tadi tidak bersangkutan Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Baiklah. Oleh itu saya tiada apa-apa yang lain.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Yan.

4.57 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak cakap yang relevan Tuan Pengerusi dengan yang kita bahaskan ini.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, saya sudah kaji habis.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertamanya Tuan Pengerusi, saya menyokong daripada pihak kerajaan untuk tambahan iaitu P.51 tentang gaji-gaji. Saya ingin sarankan bahawa pihak Kementerian Luar Negeri, apabila kita mengambil pekerja kita di luar negara, pastikan bahawa pekerja-pekerja tersebut, walaupun bukan rakyat Malaysia, rakyat tempatan tetapi mereka juga mendapat tahu tentang latar belakang negara yang mereka berkhidmat itu kerana saya biasa Tuan Pengerusi, saya pergi melawat, kemudian bila kita tanya dia Bahasa Malaysia dia tidak tahu tetapi dia bekerja di kementerian itu. Bila kita tanya pasal twin tower Kuala Lumpur dia kata, '*saya tidak tahu*', ini pekerja itu.

Jadi, duta-duta, pekerja-pekerja ataupun pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negara ini perlu juga memberi pekerja-pekerja tempatan ini pandangan tentang Malaysia. Kalau boleh pastikan mereka ini diberi special concession ataupun penerbangan khas berkenaan dengan bayaran istimewa untuk pekerja-pekerja yang lama berkhidmat di kedutaan kita ini untuk melawat Malaysia dan melihat keadaan Malaysia supaya bila mereka balik ke negara mereka, mereka akan dapat memberi pandangan yang begitu baik tentang Malaysia.

Lagi satu Tuan Pengerusi, saya ingin menyarankan kepada duta-duta kita supaya kerja lebih sikit. Apabila negara menghadapi tekanan daripada dunia luar, duta-duta kita ini kena buat kerja. Sebenarnya Tuan Pengerusi, kerja duta ini bukan teruk sangat, tidak teruk sebab saya biasa pergi melawat duta, atas meja sehelai kertas

pun tidak ada, bersih meja dia, tidak tahulah sama ada dia very efficient ataupun dia tidak buat kerja.

Jadi, bila timbul masalah negara kita ditekan oleh pemberita-pemberita luar bukan pemberita tempatan. Pemberita tempatan bagus, Tuan Pengerusi. Pemberita luar dia serang kita, apakah tugas dan tanggungjawab duta ini? Patut mereka himpun macam student-student kita di luar negeri, bila mereka menentang kerajaan, bila PAS, DAP pergi sana rasuk pemikiran pelajar-pelajar kita di sana, duta-duta ini kena panggil student-student ini beritahu kepada mereka, tambang kapal terbang siapa bayar, tinggal di universiti siapa belanja dan sebagainya. Beri mereka faham, ini dia orang tidak buat kerja ini semua, cuma hendak harap setahun sekali, raya. Budak-budak hendak datang makan ketupat di rumah duta tidak jadi, Tuan Pengerusi.

Jadi, saya harap Kementerian Luar Negeri ini kena ambil benda-benda macam ini serius.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Muar bangun ya.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Tuan Pengerusi, saya sokong sepenuhnya pendapat Yang Berhormat dari Yan itu. Dulu, pada masa Allahyarham Tun Abdul Razak, Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri, kerajaan pernah menghantar ahli-ahli politik jadi duta-duta. Setuju atau tidak Yang Berhormat kalau saya cadangkan ahli-ahli politik seperti Yang Berhormat itu ataupun yang lain-lain yang telah berkhidmat kepada negara dihantar jadi duta pula.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Memang, Tuan Pengerusi. Memang idea saya itu tetapi hendak masuk bagi kena line Tuan Pengerusi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat kita. Saya minta kerajaan mempertimbangkan terutama sekali bekas-bekas Menteri Kabinet yang begitu berpengalaman ataupun Ahli-ahli Parlimen yang sesuai, berwibawa, pembangkang tidak usahlah. Kita hantar sebagai duta kita di sana. Duta ini sebenarnya Tuan Pengerusi adalah pegawai perhubungan antara kita dengan negara tersebut, bukan susah sangat, bubuh kereta sebuah, bendera, pakai kot elok pergilah ceremony ini, ceremony itu, itu sahaja tetapi di samping itu banyak tugas dia.

Macam baru ini apabila Presiden Parti KeADILan pergi ke Filipina, sepatutnya duta kita main peranan untuk mempertingkatkan lagi Malaysia. Saya masih dalam itu Tuan Pengerusi, saya tak lari dari kandungan itu, lainlah macam Jelutong, dia seleweng jauh sangat. Saya masih sentuh tugas duta, mengenai gaji mereka. Jadi saya minta supaya mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dan staff-staff kita di kementerian, di kedutaan-kedutaan mesti faham tentang negara kita ini, mesti up-to-date dan saya minta kalau boleh sekarang ini zaman Internet dan sebagainya, mereka patut dapat informasi yang up-to-date Tuan Pengerusi. Kadang-kadang surat khbar kita lambat sampai, tiga hari mengikut penerbangan dan sebagainya tetapi kita ada Internet dan kita ada zaman moden dan teknologi sekarang ini. Jadi tidak ada sebab pegawai-pegawai kita di kedutaan-kedutaan ini tidak boleh menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah kita.

Apatah lagi untuk mempertingkatkan masalah kita kadang-kadang tentang ekonomi kita, tentang kawalan kewangan kita, duta-duta ini kena panggil, ini hendak kena tunggu pergi. Kasihan menteri-menteri kita Tuan Pengerusi, baru ini Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, bagus saya ucapkan tahniah sungguhpun dia 'potpet' dia pergi ke sana Tuan Pengerusi promote pasal Malaysia. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pergi. Jadi kita minta duta-duta ini buat - this is their mission Tuan Pengerusi dengan izin, untuk memperingkatkan Malaysia. Jadi saya menyarankan, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat dari Muar tadi supaya negara-negara yang sensitif kita bagi duta orang yang berpengalaman dalam politik seperti bekas-bekas menteri yang berwibawa, kalau ada cabinet reshuffle kita hendak bagi depa berhenti sekejap, hantar mereka ini pergi ke luar negeri, jadi duta supaya mereka jalankan tugas mereka sebagai seorang wakil negara untuk memperjelaskan.

Macam di Filipina Tuan Pengerusi, kalau saya jadi duta, saya tahu nak tackle tak ada masalah. Very easy to handle. Tetapi duta di

sana duduk senyap, dia tak beri tahu siapa mari, yang itu kita hantar junior-junior officer pun boleh handle Tuan Pengerusi. Jadi inilah saya berharap kita menyokong - tak apalah saya pun sokong duta-duta kita bagi kereta. Saya cadangkan dulu bagi Proton. Proton ini kereta kebanggaan kita Tuan Pengerusi, pasal apa kita dok pakai Mercedes besar-besar, hak tu negara Jerman. Kita negara Malaysia, pakai Proton. Kita hendak besar mana pun kita buat, bagi besar tak apa dan bukan semua negara saya tahulah, hak dekat-dekat sahaja, hak jauh tak ada. Bagi proton yang elok-elok Tuan Pengerusi, jadi orang tengok ini dia megah, macam di India menteri mereka pun pakai Austin itulah, tapi kita tak mahulah letih macam itu, bagi Austinkah, Morris kalau Proton pun ada lagi baik.

Tuan Pengerusi: Sudah cukup masa Yang Berhormat, kita hendak habiskan hari ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya gulung dulu.

Tuan Pengerusi: Tak usah gulunglah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: **Ya, Teluk Intan.**

5.04 ptg

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, bolehkah kementerian berkenaan beritahu apakah akan jadi kepada rumah-rumah yang telah dibina untuk digunapakai di Jerman dan Amerika oleh kedutaan dan adakah ia akan dijual atau digunapakai untuk perkara-perkara yang lain, dan berapa besarkah kedua-dua bangunan yang dibina ini, berapa bilik yang ada dan adakah RM16 juta, RM28 juta ini termasuk barang-barang hiasan di rumah-rumah duta itu dan adakah peralatan-peralatan lain itu termasuk dalam peruntukan yang dipohon atau peruntukan akan dipohon selain dari itu dan juga dalam kedua-dua bangunan kedutaan yang akan dibina ini, adakah kerajaan telah memeriksa bahawa beberapa kes di mana kedutaan-kedutaan dibina selepas itu kita dapati ada beberapa secret service yang tersimpan di antara simen dan batu bata dan sebagainya. Adakah ini semua telah diambil kira dan supaya mengelak perkara macam ini terjadi.

Tuan Pengerusi, seperti yang dikatakan oleh kawan saya dari Jelutong mengenai elaun sara hidup bagi kakitanganambilan tempatan yang dipohon, Maksud B.51, saya rasa di antaranya ialah di luar negeri adalah World Court dan baru-baru ini selepas keputusan yang telah dibuat oleh World Court, kita semua tahu keputusan di mahkamah yang telah dibuat di negara ini tidak boleh di 'over come' dengan izin. Maka saya cadangkan kepada kerajaan kita menggubal undang-undang supaya selaras dengan apa yang dikehendaki oleh World Court, memandangkan itu yang patut dilakukan oleh mahkamah-mahkamah kita dari dahulu. Kita semua tahu rayuan tidak ada di Privy Council, maka oleh kerana final decision telah dibuat oleh Mahkamah Rayuan dan Persekutuan dalam kes Param Kumarasamy hanya selepas menggubal undang-undang. Untuk mengatasi masalah ini, kita ada satu sistem rasional, kerana kalau tidak dari mula-mula Kofi Annan telah memberitahu bahawa Param Kumarasamy ada immunity yang tertentu, akan tetapi ia tidak diterima pakai oleh mahkamah di negara kita. Oleh kerana World Court telah membuat keputusan, saya harap kerajaan akan menggubal undang-undang untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, bolehkah pihak berkenaan memberitahu Maksud B.51, tak berapa lama dulu, beberapa pegawai atasan telah dipanggil balik dari kedutaan luar, dan berapakah pegawai yang telah dipanggil balik kerana dikatakan ada terlampau banyak di luar negeri. Dan bila kita menggunakan kakitangan di luar negeri macam di England, UK dan di Amerika kerap kali kita nampak ada kakitangan tempatan negara itu yang digunakan, bukan tak boleh digunakan langsung, tetapi ramai di antara orang Malaysia pun duduk di sana, kenapa kita tidak memberi keutamaan kepada mereka dipilih untuk bekerja di sana? Dan juga di dalam kes ini, berapa kali pegawai-pegawai atasan dan lain-lain yang terlibat dalam kes-kes kriminal atau adakah apa-apa kes setakat ini atau kes-kes di mana dadah dan sebagainya diseludup dari luar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sangat spesifik itu, adakah boleh, berapa orang berkahwin di sana, berapa bilik dan sebagainya, teruklah Yang Berhormat Menteri hendak jawab itu terlampau spesifik.

Tuan M. Kulasegaran: Ini emolument, sara hidup dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Saya tahulah tetapi perkara itu cukup spesifik. Kalau sekiranya boleh, tulislah surat bagi masa kepada mereka itu.

Tuan M. Kulasegaran: Itulah sebab semalam Tuan Pengerusi, semalam Ketua Pembangkang beritahu bahawa bila kita membawa Kertas Perintah 2A dan sebagainya, kita perlu lebih spesifik macam kita speculate di sini, bukan problem kita, mereka yang membawa kertas ini. Jadi ini saranan saya, saya minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tanya sampai secret service bubuh di dalam dinding itu terlampau sangatlah. Tak bolehlah begitu Yang Berhormat, kalau sekiranya yang patut-patut sahaja yang boleh dibahaskan dalam masa yang telah diberi kepada kita, dan jika sekiranya hendak minta kementerian hendak beritahu semua benda, semua sekali, jadi tidak ada kerja lainlah kita di sini. Sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, saya hairanlah kalau tidak ada tidak perlu bawa untuk dibahaskan di Parlimen. Lebih baik kita diam sahaja dan luluskan apa yang diperlukan kerana bukankah hak seorang Ahli Parlimen untuk mendapat tahu seberapa boleh, kalau tak boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh membuat jawapan secara menulis, kalau tidak, tak perlu Yang Berhormat with the highest respect, apa guna kita bahas di sini dan kalau saya tak diberitahu, buat apa kita bahas mengenai perkara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila teruskan, habiskan...

Tuan M. Kulasegaran: Saya rasa saya tak perlu jawab kerana saya spesifik, saya tengok estimate yang dalam ini dibenarkan, jadi saya hairan.

Tuan Pengerusi: Menteri sila menjawab.

5.09 ptg.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kasih kerana mengizinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Luar Negeri. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini seperti Yang Berhormat dari Kepong ada bangkit berkenaan duta-duta negara kita hendaklah sentiasa memainkan peranan yang aktif dan penting dalam membangunkan imej negara. Itu sememangnya kita lakukan dan kita tingkatkan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Yang Berhormat kerana peranan yang baik telah dimainkan oleh duta-duta kita, Malaysia telah berjaya untuk menduduki jawatan-jawatan yang

penting dalam Bangsa-Bangsa Bersatu beberapa kali seperti menjadi pengerusi kepada mesyuarat tahunan dan juga menjadi wakil di dalam Security Council, dengan izin. Ini jelas menunjukkan keyakinan negara-negara lain terhadap keupayaan kita dalam memainkan peranan aktif dalam arena antarabangsa. Maka oleh yang demikian, sentiasalah kita memainkan peranan yang penting dan kita tidak perlu bimbang kerana itu merupakan tujuan kita. Kalau Yang Berhormat bertanya bahawa Thailand, Korea nampaknya imej mereka lebih baik, ini sudah tentu IMF membantu mereka dalam beberapa bidang kemelesetan ekonomi dan sudah tentulah Barat mesti menampakkan bahawa Thailand dan Korea ini baik. Kalau tidak, ini bermakna bahawa IMF gagal dalam kerja-kerja mereka. Jadi kita jangan bandingkan demikian kerana Yang Berhormat harus tahu bahawa Malaysia berusaha bersungguh-sungguh atas keupayaan kita sendiri untuk menyelesaikan masalah kita.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Jelutong, ada bangkitkan berkenaan dengan imej negara kita. Beliau bertanya mengapa mahkamah kita tidak boleh membuat keputusan berkenaan dengan immunity yang telah diberikan kepada Param Kumarasamy. Saya kira immunity ini telah diberikan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu, maka sudah tentulah badan yang terbaik sekali untuk menentukan sama ada immunity boleh digunapakai ataupun tidak dalam negara Malaysia dan apakah rangka bentuknya itu mestilah diputuskan oleh, mahkamah yang lebih tinggi daripada mahkamah yang ada dalam negara kita. Sebab itu World Court membuat keputusan, maka kita terima keputusan itu lagipun Param Kumarasamy adalah diberikan tugas untuk menyiasat tentang kebebasan kehakiman dalam negara kita.

Jadi, agak ada conflict of interest kalau mahkamah kita sendiri membuat keputusan tentang sesuatu immunity yang diberikan untuk menyiasat kebebasan kehakiman dalam negara. Sebab itu saya kira, bukan imej kita terjejas tetapi sebaik-baiknya mahkamah yang membuat keputusan ini ialah World Court untuk membuat keputusan ini. Dan kalau sekiranya Yang Berhormat ada sebut bahawa Perdana Menteri walaupun setuju menerima tetapi nampaknya tidak ikhlas, kerana komen-komen yang telah dibuat menampakkan bahawa kita seolah-olah tidak puas hati. Saya

rasa kita tidak boleh untuk menghadkan hak Perdana Menteri untuk memberi pandangannya.

Seperti mana Yang Berhormat tahu bahawa Yang Berhormat dari Permatang Pauh juga telah pun dikenakan hukuman dan ada juga pihak-pihak dalam negara kita walaupun hukuman itu telah pun dibuat tetapi mereka diberikan kebebasan untuk memberi komen sama ada puas hati ataupun tidak. Jadi, saya kira kalau ada pihak yang boleh diberikan kebebasan untuk menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap keputusan yang dibuat oleh mahkamah negara kita, maka sudah tentu saya percaya Perdana Menteri juga ada hak untuk menyatakan perasaannya sendiri berkenaan dengan keputusan itu. Walau bagaimanapun, ada perbezaan di antara Perdana Menteri dengan orang-orang yang tidak setuju dengan keputusan mahkamah Malaysia. Perdana Menteri terima keputusan World Court tetapi ada ramai di kalangan kita tidak terima keputusan yang dibuat oleh mahkamah di sini. Itu perbezaannya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Yan telah membangkitkan beberapa perkara, pandangan yang telah diberikan oleh beliau. Saya kira sememangnya kita sentiasa mengambil kira kalau sekiranya,

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Nantilah, Teluk Intan belum lagi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yan, jadi

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak beri jalan. Yang Berhormat dari Yan telah memberi beberapa pandangan iaitu bahawa di antaranya meminta supaya kita melantik ahli-ahli politik untuk menjadi duta. Perkara ini memang dilaksanakan daripada masa ke semasa dan telah pun dilakukan di masa yang lepas.

Berkenaan dengan syor supaya kereta Proton Saga ini dijadikan sebagai kereta kedutaan, ini memang ada kita lakukan di negara-negara yang berjiran dengan kita.

Walau bagaimanapun, ianya mungkin tidak praktikal untuk digunakan di negara-negara lain disabitkan oleh kerana masalah spare part mungkin tidak ada dan itu akan menyebabkan belanja yang lebih kalau berlaku kerosakan bagi kereta-kereta kita yang berada jauh dari negara kita dan Proton tidak diedar di sana. Jadi, sebab itu di mana yang boleh sudah tentulah kita akan menggunakan kereta Proton ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Yang Berhormat dari Teluk Intan hendak tahu tentang bangunan-bangunan ini. Ada sedikit maklumat berkenaan dengan bangunan-bangunan ini, pertamanya; macam bangunan di Kedutaan Besar Malaysia di Washington. Ia merupakan bangunan yang dilaksanakan di Washington D.C., ia merupakan projek pembinaan bangunan chancery Kedutaan Besar Malaysia di Washington. Oh, Yang Berhormat tanya apakah akan berlaku kepada bangunan-bangunan yang tidak lagi dipakai dan kita pindah ke bangunan baru. Jadi, bangunan-bangunan yang kita tidak pakai itu merupakan sama ada di masa yang akan datang kita pertimbangkan untuk dijual setelah kedutaan besar kita berpindah di Berlin. Sementara bangunan chancery di Washington yang sedia ada belum lagi ditentukan sama ada untuk dijual atau sebaliknya dan kita menunggu waktu dan ketika untuk membuat keputusan ini. Bagi detail bangunan yang berada di Washington, saya tidak ada detail tentang projek ini. Namun, kalau Yang Berhormat mahu saya boleh selepas ini minta kepada pegawai untuk memberikan jawapan secara bertulis. Di bangunan chancery kediaman rasmi di Berlin, bangunan ini dicadang untuk dibeli di Berlin. Ia ialah sebuah bangunan lima tingkat, blok tiga, di kawasan projek Teargaton Dreg yang mempunyai rangkaian 13 blok bangunan. Teargaton Dreg merupakan pusat baru di bandar raya Berlin dan di Zimbabwe saya tidak ada 'detail'nya. Saya juga akan memberikan kepada Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat mahu tentang detail ini.

Berkenaan dengan aspek-aspek keselamatan, saya kira walaupun menjadi hak Yang Berhormat untuk berbincang dan ambil tahu tentang apakah yang kita lakukan tetapi kalau secara merisik ini kita tidak boleh beritahu dalam Dewan yang mulia ini. Sebab kalau kita beritahu kepada Dewan yang mulia ini maknanya bukan kita tidak percaya kepada Yang Berhormat untuk menyimpan rahsia kita. Pertamanya, sama ada

kita hendak merisik ataupun tidak negara yang kita tinggal di sana. Kalau kita sebut, itu merupakan satu perkara yang sensitif.

Keduanya, kalau ya pun, kalau kita hendak merisik tidak mungkin kita beritahu apa yang kita lakukan di bangunan itu kerana sini merupakan public dan sudah tentu orang akan dapat tahu dan kalau orang dapat tahu, ia bukan merupakan merisik lagi kerana rahsia sudah diketahui ramai. Sebab itu perkara-perkara seperti ini kita tidak boleh jawab di sini dan saya kira itulah sahaja yang ditanya oleh Yang Berhormat dan saya ucapkan terima kasih kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM33,502,298 untuk Maksud B.51 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM33,502,298 untuk Maksud B.51 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,698,250 untuk Maksud P.51 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1998; dan RM45,073,000 untuk Maksud P.51 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,698,250 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.3) 1998; dan RM45,073,000 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 1999.

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima bilion tujuh ratus tiga puluh satu juta, lapan ratus empat puluh satu ribu tiga ratus (RM5,731,841,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:-

- (1) bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh lapan ribu tiga ratus (RM499,998,300) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1999, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima bilion dua ratus tiga puluh satu juta lapan ratus empat puluh tiga ribu (RM5,231,843,000) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas, kedua belas dan ketiga belas penyata tersebut.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor] Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato ' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima bilion tujuh ratus tiga puluh satu juta, lapan ratus empat puluh satu ribu tiga ratus (RM5,731,841,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:-

- (1) bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh lapan ribu tiga ratus (RM499,998,300) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1999, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima bilion dua ratus tiga puluh satu juta lapan ratus empat puluh tiga ribu (RM5,231,843,000) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1999 dan yang

disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas, kedua belas dan ketiga belas penyata tersebut.

hendaklah disetujui.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia lima bilion tujuh ratus tiga puluh satu juta, lapan ratus empat puluh satu ribu tiga ratus (RM5,731,841,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan:-

- (1) bagi tahun kewangan 1998, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus sembilan puluh sembilan juta, sembilan ratus sembilan puluh lapan ribu tiga ratus (RM499,998,300) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1998 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1999, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia lima bilion dua ratus tiga puluh satu juta lapan ratus empat puluh tiga ribu (RM5,231,843,000) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 1999 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 1999 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran

(Projek-projek) dalam ruang kesebelas, kedua belas dan ketiga belas penyata tersebut.

RANG UNDANG-UNDANG BANK PERTANIAN MALAYSIA
(PINDAAN) 1998

Bacaan Kali yang Kedua dan Ketiga

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk meminda Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah untuk meminda dan menambah seksyen-seksyen mengenai tata tertib dalam Akta Bank Pertanian Malaysia 1969 (Akta BPM). Tuan Yang di-Pertua, sebelum 1990, Akta Bank Pertanian Malaysia (BPM) Akta ibu tidak memperuntukkan seksyen berkenaan peraturan tata tertib.

Walau bagaimanapun, pindaan telah dibuat pada akta tersebut pada tahun 1990 melalui Akta Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1990 bagi membolehkan peraturan tata tertib dibuat. Usaha untuk mengadakan peraturan tata tertib telah dilaksanakan dan pada tahun 1993, pihak bank membuat peraturan tata tertib BPM iaitu Peraturan-peraturan BPM (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 tertakluk kepada kelulusan Menteri.

Namun demikian proses tersebut tidak dapat diteruskan berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) dan pindaan kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) Bab D 1980 yang menjadi asas penyediaan peraturan tata tertib BPM. Selaras dengan arahan kerajaan agar badan-badan berkanun mempunyai peraturan-peraturan tata tertib yang seragam/consistence dengan peraturan-peraturan tata tertib yang terpakai oleh pegawai-pegawai awam iaitu Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993, PU(A395) maka pindaan-pindaan ke atas Akta BPM perlu dibuat bagi mencapai kehendak tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta BPM yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) meminda seksyen 10B(3) dengan menggantikan subseksyen (8) dan (9) dengan subseksyen (8) dan (9) baru serta memasukkan subseksyen-subseksyen baru iaitu subseksyen (10) dan (11) bagi tujuan mengadakan peruntukan mengenai rayuan kepada Lembaga Rayuan Tata tertib atau Menteri terhadap keputusan Jawatankuasa Tata tertib;
- (ii) memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 10D mengenai menubuhkan Lembaga Rayuan Tata tertib. Seksyen ini bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Rayuan Tata tertib untuk menimbang segala rayuan yang dibuat di bawah seksyen 10B;
- (iii) memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 10E mengenai penamatan perkhidmatan pegawai demi kepentingan awam. Seksyen ini bertujuan memberi kuasa kepada bank jika didapati wajar untuk menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai demi kepentingan awam; dan
- (iv) meminda seksyen 38A dengan menggantikan subseksyen (4) dan subseksyen (4) yang baru dan memasukkan subseksyen yang baru iaitu subseksyen (5) dan (6). Ini bertujuan memperuntukkan dalam hal keadaan tertentu peluang untuk membuat representasi tidak perlu diberi dan juga meluaskan definisi pegawai adalah termasuk Pengurus Besar.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta BPM akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan hal ehwal tata tertib BPM. Pindaan ini juga akan meminimumkan risiko sesuatu tindakan tata tertib yang diambil dipertikaikan

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat panjang lagi kah?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Ada dua baris sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-Undang Bank Pertanian Malaysia (Pindaan) 1998 dibahaskan di Dewan yang mulia ini untuk bacaan kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua: Minta sokongan Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup, esok kita sambung. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sehingga 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.